

**KAJIAN SUSULAN GRADUAN SARJANA SAINS MAKLUMAT DAN
PERPUSTAKAAN (MLIS) DARI FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT UNIVERSITI MALAYA, 1997-2001**

Perpustakaan SKTM

SITI SUZANA BINTI ABDUL RAHMAN

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SAINS MAKLUMAT DAN PERPUSTAKAAN**

**FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2002



PENGHARGAAN

Bismillahir-rahmanir-rahim. Segala puji-pujian kepada Allah Taala yang menganugerahiku kekuatan untuk menyiapkan disertasi. Ucapan terima kasih ini khasnya saya tujukan kepada Puan Nor Edzan binti Haji Mat Nasir, penyelia yang telah banyak membantu dan membimbing saya ketika menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada Prof. Madya Dr. Zainab Awang Ngah, Prof. Madya Dr. Diljit Singh, Puan Abrizah bte Abdullah dan Tuan Teh Kang Hai, pensyarah program MLIS di atas latihan akademik, nasihat profesional dan bimbingan berterusan dalam proses pendidikan kepustakawanan dan sains maklumat. Saya juga terhutang budi kepada fokus kajian iaitu graduan MLIS antara tahun 1997-2001 yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam kajian ini. Terutamanya kepada responden yang sanggup berusaha bersama-sama saya mengesan dan mendapatkan maklumat terkini sahabat sekuliah mereka. Akhir kata saya ingin melahirkan rasa terharu di atas pengorbanan ibu bapa saya, Abdul Rahman bin Ahmad dan Siti Saripah bte. Said serta saudara-mara yang mendokongi pengajian saya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak lupa rakan-rakan yang sentiasa mendoakan agar saya berjaya memperolehi MLIS ini. Semoga ceria selalu.

SITI SUZANA ABDUL RAHMAN

Kg. Serom 2B, Sungai Mati,
84410 Muar
Johor

06-9753196

Perpustakaan SKTM

ABSTRACT

This research studied the effectiveness of the Masters of Library and Information Science program from Faculty of Computer Science and Information Technology, University Malaya. The focus of the study is on the 49 local graduates who graduated between 1997-2001. The survey employed the questionnaire distribution methodology soliciting answers about the program and career prospects related to the program. The findings show that 68% of the sample graduated in 1998. Of the total sample, 59% are female and the rest are male. The background of respondents varied and this is attributed to previous qualifications and employment. About 90% of them are attached to the Public Higher Learning Institutions. All the respondents are either librarians, information centre officers, schoolteachers, lecturers or managers. A total of 66% are employed in the government services with 50% of this working in institutions of higher learning. More than 96.1% respondents are satisfied with their career. About 84.6% noted that they had no intention of changing their career. The respondents decided to pursue a Masters degree purely out of interest and to upgrade their professionalism. Only 29.9% of the respondents are attached to the library and information science professional association. About 60% states that the core courses taken are relevant to their career and is used in their daily work. They state that the electives which are currently being offered provide the respondents an opportunity to explore new areas that are of benefit to their field of work.

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji keberkesanan program Sarjana Sains Maklumat dan Perpustakaan, Universiti Malaya ke atas kerjaya dan aktiviti graduan dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Fokus kajian adalah 49 graduan warga tempatan yang graduasi antara tahun 1997-2001. Tinjauan soal selidik dilakukan bagi menjawab persoalan mengenai sifat program dan sifat kerjaya serta pandangan graduan terhadap program.

Penemuan mendapati 68% graduan graduasi pada tahun 1998. 59% adalah graduan perempuan dan selebihnya lelaki. Responden berlatar belakang pengajian dan pekerjaan yang pelbagai dan lebih 90% berasal dari institusi pengajian tinggi awam tempatan. 100% responden berjawatan tetap dalam lingkungan kerjaya sebagai pustakawan, pegawai pusat maklumat, guru, pensyarah dan pengurus. 66% bekerja dalam sektor perkhidmatan awam. 50% bekerja di institusi pengajian tinggi. Lebih kurang 96.1% berpuas hati dengan kerjaya dan 84.6% responden tidak bercadang bertukar kerjaya. Minat dan kesedaran meningkatkan profesionalisme menjadi sebab utama responden melanjutkan pengajian sarjana. Hanya 29.9% yang menganggotai persatuan profesional bidang sains maklumat dan perpustakaan. Penulisan ilmiah yang pernah diterbitkan oleh responden kebanyakannya daripada disertasi. 60% menyatakan kursus teras sangat relevan dengan kerjaya mereka dan bergantung kepada jenis pekerjaan graduan. Penawaran kursus elektif yang lebih terkini dan pelbagai memberi peluang responden mempelajari bidang baru yang boleh dimanfaatkan dalam dunia pekerjaan.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

Penghargaan	i
Abstract	ii
Abstrak	iii
Isi Kandungan	iv-vi
Senarai Kependekan	vii
Senarai Jadual	viii-ix
Lampiran	x

BAB SATU : PENGENALAN

1.1	Pernyataan masalah	1
1.2	Latar belakang masalah	2
1.2.1	Sains maklumat dan perpustakaan	2
1.2.2	Pendidikan sains maklumat dan perpustakaan di Malaysia	3
1.2.3	Universiti Malaya	9
1.2.4	Program Sarjana Sains Maklumat dan Perpustakaan (MLIS) di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya	11
1.3	Tujuan dan objektif kajian	19
1.4	Persoalan	20
1.5	Skop dan kekangan	20
1.6	Kepentingan kajian	21
1.7	Definisi	21

BAB DUA : ULASAN KESUSASTERAAN

2.1	Penilaian	24
2.2	Pendidikan berterusan	26
2.3	Pendidikan dan latihan sains maklumat di Malaysia	28
2.4	Pendidikan tinggi dan pekerjaan	38
2.5	Penyelidikan keperluan sekolah sains maklumat dan perpustakaan peringkat sarjana dan guna tenaga perkhidmatan perpustakaan	39
2.6	Kajian susulan graduan yang telah dibuat oleh para pengkaji sains maklumat dan perpustakaan	43
2.6.1	Pilihan sains maklumat dan perpustakaan sebagai kerjaya	45
2.6.2	Pekerjaan dan jenis perpustakaan/organisasi/majikan	46
2.6.3	Tahap kepuasan bekerja di bidang sains maklumat dan perpustakaan	49
2.6.4	Tidak bekerja dan pengangguran	51
2.6.5	Pemilihan bidang sains maklumat dan perpustakaan	53
2.6.6	Kerelevanan kursus dalam program pendidikan sains maklumat dan perpustakaan dengan kerjaya	55

2.6.7	Pendidikan berterusan, latihan dan aktiviti profesional	60
2.7	Rumusan	64

BAB TIGA : KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	66
3.2	Pengulangan pernyataan masalah	67
3.3	Teknik pengumpulan data	67
3.3.1	Penyelidikan perpustakaan	68
3.3.2	Soal selidik	70
3.4	Kesahihan soal selidik	72
3.5	Populasi	73
3.6	Pentadbiran instrumen	73
3.6.1	Cara-cara menjejaki responden	73
3.6.2	Penyebaran soal selidik	74
3.6.3	Susulan dan peringatan	75
3.7	Kaedah analisis	75

BAB EMPAT : KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	76
4.2	Tinjauan pra-kajian graduan MLIS tahun 1997-2001	76
4.2.1	Tahun graduasi	76
4.2.2	Jantina	77
4.2.3	Kerjaya graduan	77
4.2.4	Jenis majikan	78
4.3	Pengedaran dan pemulangan soal selidik responden	79
4.4	Keputusan dan analisa persoalan	80
4.4.1	Siapa yang telah berjaya mengikuti program MLIS di FSKTM, Universiti Malaya dari tahun 1997-2001?	80
4.4.2	Apakah haluan kerjaya dan peluang mempertingkatkan kerjaya?	88
4.4.3	Bagaimanakah graduan respon kepada syarat-syarat universiti apabila mengambil keputusan untuk mengambil kursus MLIS?	96
4.4.4	Sejauhmanakah graduan menggunakan MLIS dalam kerjaya dan aktiviti profesional?	102
4.4.5	Apakah pandangan graduan terhadap kursus-kursus berhubung dengan kerjaya mereka sekarang?	106
4.5	Komen kursus secara keseluruhan	113

BAB LIMA : RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	115
5.2	Rumusan persoalan kajian	115
5.2.1	Siapa yang telah berjaya mengikuti program MLIS di FSKTM, Universiti Malaya dari tahun 1997-2001?	115
5.2.2	Apakah haluan kerjaya dan peluang mempertingkatkan kerjaya?	117
5.2.3	Bagaimanakah graduan respons kepada syarat-syarat universiti apabila mengambil keputusan untuk mengambil kursus MLIS?	122
5.2.4	Sejauhmanakah graduan menggunakan MLIS, Universiti Malaya dalam kerjaya dan aktiviti profesional?	123
5.2.5	Apakah pandangan graduan terhadap kursus-kursus dengan kerjaya mereka sekarang?	125
5.3	Cadangan untuk kajian seterusnya	127
5.4	Kesimpulan	129

BIBLIOGRAFI	130
--------------------	------------

LAMPIRAN	137
-----------------	------------

SENARAI KEPENDEKAN

CONSAL	:	Congress of Southeast Asian Librarian
FSKTM	:	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
FTSM	:	Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
L.A.	:	Librarian Association
ITM	:	Institut Teknologi MARA
IPTA	:	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPSP	:	Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan
MLIS	:	Master in library and information science =Sarjana Sains Maklumat dan Perpustakaan
UIAM	:	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	:	Universiti Teknologi MARA
UM	:	Universiti Malaya
PNM	:	Perpustakaan Negara Malaya
PPM	:	Persatuan Pustakawan Malaysia
PPPTM	:	Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu
PSS	:	Pusat Sumber Sekolah

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
Jadual 1.1	Kelayakan masuk program MLIS 14
Jadual 1.2	Kandungan sukatan kurikulum 17
Jadual 1.3	Penggredan 18
Jadual 2.1	Kecekapan teras mengikut Model Gorman dan Corbitt : Hirarki kecekapan-kecekapan dalam sains maklumat dan perpustakaan 34
Jadual 2.2	Kurikulum MLIS mengikut Model Gorman dan Corbitt 35
Jadual 4.1	Tahun graduasi 77
Jadual 4.2	Pecahan graduan mengikut jantina 77
Jadual 4.3	Pecahan graduan mengikut jenis kerjaya 78
Jadual 4.4	Pecahan graduan mengikut jenis majikan 79
Jadual 4.5	Pecahan responden mengikut jantina 80
Jadual 4.6	Pecahan mengikut kategori umur 81
Jadual 4.7	Pecahan responden mengikut kaum 81
Jadual 4.8	Tahun pendaftaran dan tahun graduasi responden 82
Jadual 4.9	Pecahan responden mengikut bidang 83
Jadual 4.10	Graduasi pendidikan tinggi responden mengikut tempoh tahun 83
Jadual 4.11	Pecahan responden mengikut bekas institusi 84
Jadual 4.12	Jawatan responden 88
Jadual 4.13	Jenis institusi, syarikat atau organisasi majikan responden 89
Jadual 4.14	Kategori tahun perantikan ke jawatan sekarang 89
Jadual 4.15	Adakah kelayakan digunakan oleh responden ke jawatan sekarang 90
Jadual 4.16	Pengetahuan mengenai kekosongan jawatan 91
Jadual 4.17	Pendapatan bulanan responden 94
Jadual 4.18	Cadangan responden untuk bertukar kerjaya 95
Jadual 4.19	MLIS meningkatkan kerjaya? 96
Jadual 4.20	Pengetahuan program MLIS di Universiti Malaya 97
Jadual 4.21	Pembiayaan pengajian 98
Jadual 4.22	Status kerjaya responden semasa pengajian 99
Jadual 4.23	Pilihan program MLIS oleh responden 100

Jadual 4.24	Pendidikan berterusan oleh responden	103
Jadual 4.25	Keahlian persatuan atau badan profesional bidang sains maklumat dan perpustakaan	104
Jadual 4.26	Kerelevanan kursus dengan kerjaya bagi struktur kurikulum lama	107
Jadual 4.27	Kerelevanan kursus dengan kerjaya bagi struktur kurikulum baru	108

SENARAI LAMPIRAN

		HALAMAN
Lampiran 1	Soal Selidik	137-142
Lampiran 2	Senarai Nama Graduan MLIS dan Tahun Konvokesyen	143
Lampiran 3	Surat Peringatan	144
Lampiran 4	Senarai Tajuk Disertasi MLIS	145-146

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pernyataan masalah

Pendidikan merupakan anak kunci kepada kecemerlangan seseorang dalam kerjaya dan kehidupan. Dengan pendidikan, kita dapat menjadi orang yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran. Oleh itu pendidikan dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan sebagai satu cabang ilmu, perlu diterokai oleh para lepasan sekolah dan graduan ijazah pertama memandangkan negara Malaysia kaya dengan koleksi maklumat. Penggunaan teknologi maklumat pula semakin berkembang hasil daripada galakan kerajaan melalui dasar-dasar pembangunan negara. Dalam era globalisasi ini wajarlah pendidikan sains maklumat dan kepustakawanan dikembangkan sesuai dengan tuntutan zaman.

Program Sarjana Sains Maklumat dan Perpustakaan atau Master of Library and Information Science (MLIS) telah buat pertama kalinya ditawarkan oleh Universiti Malaya pada sesi tahun pengajian 1987/88 di Institut Pengajian Tinggi atau kini dikenali sebagai Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Universiti Malaya (IPSP). Program MLIS kemudian dipindahkan ke Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) pada November 1994.

Program MLIS di Universiti Malaya merupakan perintis kepada kursus ijazah lanjutan di universiti tempatan. Ketika itu pendidikan sains perpustakaan hanya ditawarkan di institut pengajian teknikal pada peringkat diploma dan diploma lepasan

ijazah. Perjuangan untuk menubuhkan satu program ijazah lanjutan sarjana dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan adalah hasil komitmen yang tinggi dan berterusan daripada para akademik dan pegawai pustakawan Universiti Malaya. Antara lain tujuannya adalah menyediakan tenaga profesional dalam kedua-dua bidang tersebut (Khoo, 1988).

Sejak program MLIS dipindahkan ke FSKTM bermula sesi pengajian November 1994 belum ada lagi kajian bekas graduan dilakukan. Justeru itu, kajian ini adalah perintis bagi mengkaji keberkesanan program MLIS terhadap pembangunan kerjaya dan aktiviti graduan MLIS dari FSKTM Universiti Malaya.

1.2 Latar belakang masalah

1.2.1 Sains maklumat dan perpustakaan.

Bidang sains perpustakaan termasuk dalam bidang sastera dan kemanusiaan bersama-sama sastera dan seni reka, pengajian Islam, bahasa dan linguistik, kesusasteraan, kebudayaan Melayu, sains sosial, pendidikan dan komunikasi. Peranan perkhidmatan perpustakaan termasuk dalam rangkaian perkhidmatan sosial yang merupakan teras pembangunan untuk pencapaian pembangunan sosioekonomi. Peranan perkhidmatan perpustakaan akan memberi penekanan terhadap usaha-usaha untuk memupuk sikap gemar membaca ke arah melahirkan masyarakat berilmu serta lebih cenderung kepada teknologi dan daya cipta. Dalam tempoh tahun 1996-1998 pelbagai program untuk menanam tabiat suka membaca dan meningkatkan akses kepada maklumat global bagi rakyat Malaysia telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia ke-7 (Malaysia, 1999).

1.2.2 Pendidikan sains maklumat dan perpustakaan di Malaysia

Pendidikan sains maklumat dan perpustakaan di Malaysia bermula apabila sebuah badan profesional perpustakaan ditubuhkan di Tanah Melayu dan Singapura. Badan profesional tersebut ialah *Malayan Library Group* yang ditubuhkan pada 25 Mac 1955 dan kumpulan ini merupakan peneraju kepada Persatuan Pustakawan Malaysia sekarang ini. Ketika itu perpustakaan universiti di Tanah Melayu hanyalah di Universiti Malaya di Singapura dan keperluan untuk pegawai perpustakaan profesional datangnya daripada universiti ini. *Malayan Library Group* telah menganjurkan kursus-kursus jangka pendek bagi guru-guru sekolah, memberi latihan kepada kakitangan perpustakaan dan yang paling penting menjalankan kelas bagi pegawai profesional sebagai persediaan untuk menduduki peperiksaan eksternal iaitu *Library Association United Kingdom, Britain (L.A.)*. Pada ketika itu, memandangkan Malaysia masih lagi di bawah penjajahan Britain, sukatan dan orientasi pendidikan sains perpustakaan masih lagi kebaratan (Nadarajah, 1974).

Apabila Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan pada tahun 1957 tanpa Singapura, *Malayan Library Group* ini dibahagi dua dan ditukarkan namanya kepada Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu (PPPTM) dan *Library Association of Singapore* pada tahun 1960. Universiti Malaya pula telah secara sepenuhnya berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1962 dan memperluas perkhidmatan perpustakaan universiti serta keperluan untuk pustakawan profesional bertambah. Kesan daripada perpindahan ini, usaha telah dilakukan oleh pegawai perpustakaan Universiti Malaya untuk menilai kemungkinan menubuhkan satu institusi pendidikan dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan seperti yang dilakukan oleh J.M. Plumbe. *Specialist Teachers' Training Institute* kini Maktab Perguruan Ilmu Khas,

Cheras di Kuala Lumpur mengambil alih fungsi Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menjalankan satu kursus kepustakawanan secara formal pada tahun 1962. Pada tahun 1964, setahun selepas Malaysia ditubuhkan dengan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam persekutuan, nama PPPTM ditukar kepada Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) (Nadarajah, 1974). Semenjak itu, nama Persatuan Pustakawan Malaysia dikekalkan sehingga hari ini. Antara objektif Persatuan Pustakawan Malaysia ialah "...menggalakan pendidikan profesional dan latihan dalam bidang kepustakawanan" (Persatuan Pustakawan Malaysia, 2001).

Sumbangan PPM dalam bidang pendidikan sains perpustakaan adalah pelbagai. Antara tahun 1966-1972, PPM telah mengendalikan kelas bagi calon peperiksaan eksternal untuk menduduki peperiksaan L.A. (Britain). Pada tahun 1970 pula, PPM menganggotai *Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL)* dan bekerjasama dalam penganjuran persidangan *CONSAL*. Pada tahun 1972, PPM mengemukakan memorandum penubuhan pengajian siswazah lanjutan perpustakaan dan arkib bersama-sama pegawai perpustakaan Universiti Malaya. Manakala pada tahun 1980 dan 1996, PPM berjaya menjadi hos bagi *CONSAL V* dan *CONSAL X*. Malah kini setiap tahun PPM memberi pengiktirafan dalam bentuk anugerah kepada pelajar bidang sains maklumat dan perpustakaan yang cemerlang secara akademik mahupun penulisan (PPM, 2001).

Institut Teknologi MARA (ITM) merupakan sebuah institut pengajian tinggi teknikal bumiputra pertama yang menubuhkan Jabatan Sains Perpustakaan di Malaysia. Pada asalnya program ini merupakan sebahagian daripada Sekolah Pentadbiran Awam dan Undang-undang pada tahun 1968. Kajian Sains Perpustakaan di ITM merupakan

perintis kepada program sains perpustakaan dan ditawarkan kepada pelajar bumiputra untuk mendapatkan kelayakan kepustakawanan dengan menduduki peperiksaan *L.A.* (Britain). Walau bagaimanapun, pada peringkat permulaan sukatan pelajaran dan peperiksaan masih lagi mengikut sukatan Britain. Pada tahun 1971, barulah Kajian Sains Perpustakaan di ITM mendapat akreditasi sebagai institusi pendidikan kepustakawanan nasional yang menawarkan sijil diploma dan sijil diploma lepasan ijazah (Institut Teknologi MARA, 1973).

Pada masa yang sama beberapa peristiwa di Malaysia telah mencetuskan idea kepada pemimpin negara untuk membangunkan bidang sains dan teknologi serta teknikal. Langkah memperbanyakkan jumlah universiti dalam Rancangan Malaysia Kedua berikutan tragedi 13 Mei telah menambahkan lagi keperluan pegawai perpustakaan.

Universiti Sains Malaysia ditubuhkan pada tahun 1969 dan Universiti Kebangsaan Malaysia pula ditubuhkan tahun 1970. Manakala, dua kolej teknik dinaiktarafkan menjadi universiti iaitu Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Dalam Pelan Rancangan Malaysia Kedua ini jugalah ITM membesarkan lagi program pengajian sains perpustakaannya dengan menawarkan kursus diploma sains perpustakaan pada Julai 1972. Program diploma ini menawarkan kursus bersifat tempatan dan setaraf dengan pengiktirafan *L.A.* (Britain) dan dilangsungkan selama 3 tahun. Diploma lepasan ijazah selama satu tahun mula ditawarkan kepada pelajar lepasan ijazah pertama pada tahun 1974 (Nijhar, 1975).

Universiti Malaya di Kuala Lumpur mula menawarkan program sarjana sains maklumat dan perpustakaan (MLIS) pada tahun 1987 tetapi ia hanya dimulakan satu tahun kemudian. Pada peringkat permulaan, MLIS ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya. Ketika itu MLIS boleh diikuti secara separuh dan sepenuh masa dan memakan masa satu setengah tahun dan maksima lima tahun serta merangkumi kerja kursus dan laporan kajian di perpustakaan-perpustakaan (Khoo, 1988). Pada tahun 1993, atas arahan Kementerian Pendidikan, keseluruhan program telah dipindahkan ke Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (Universiti Malaya, 1995).

Kalau di Universiti Malaya, MLIS diletakkan di bawah FSKTM, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pula (UIAM) ia diletakkan di bawah *Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Science* pada tahun 1992. Jabatan MLIS di UIAM mengharapkan "to produce quality information professionals who can make effective contributions toward research and development, this discipline is also considered a bed rock for the ideals of university which seek integration of human science and Islamic heritage" (Seminar on Library and Information Science Education in Malaysia, 1992).

Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab untuk meningkatkan mutu pendidikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berasaskan pelbagai jenis media. Perkhidmatannya merangkumi penerbitan dan sebaran rancangan TV Pendidikan, Radio Pendidikan, penerbitan bahan pandang dengar, serta penyelarasan pengurusan serta penggunaan

Pusat Sumber Sekolah (PSS), Pusat Kegiatan Guru dan Pusat Sumber Pendidikan Negeri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

PSS dan perpustakaan sekolah memerlukan pengurusan yang cekap dan sistematik. Tambahan pula kurikulum KBSR dan KBSM menuntut pelajar menggunakan sumber dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan Sekolah Bestari di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan turut menjadikan pendidikan sains maklumat dan perpustakaan penting, dan ini dilakukan di bawah Bahagian Teknologi Pendidikan

Kursus kepustakawanan turut dimasukkan dalam sukatan pelajaran di maktab perguruan. Institut Perguruan Darul Aman, Kedah menawarkan kursus peringkat sijil untuk pengurusan pusat sumber sekolah bermula tahun 1990 dan Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras melalui program kerjasama, turut menawarkan kursus sains perpustakaan dalam kursus perguruan khas. Selain daripada itu, bahagian pusat sumber pendidikan negeri dan jabatan pendidikan negeri juga menganjurkan kursus pendek kepada guru sekolah di peringkat negeri masing-masing (Institut Teknologi Mara, 1993).

Pada tahun 1997, program Kajian Perpustakaan dan Arkib di ITM ditukarkan kepada Fakulti Pengajian Maklumat. Pada masa yang sama, ITM dinaiktarafkan sebagai sebuah universiti dan dikenali sekarang ini dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Fakulti Pengajian Maklumat menawarkan program ijazah sarjana muda dalam empat pengkhususan bermula sesi 1996 iaitu :

- a) Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Maklumat Dan Perpustakaan.
- b) Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat.
- c) Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod.
- d) Sarjana Muda (Kepujian) Pusat Sumber Maklumat.

Pada tahun 1997, Fakulti menawarkan Sarjana Sains Pengurusan Maklumat yang diperkenalkan secara separuh masa. Terbaru, program sarjana muda dibawah Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM boleh diikuti secara jarak jauh dan dikendalikan di bangunan UMNO Shah Alam (UiTM, 2001).

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) di Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada 1 Oktober 1994. Ia mula beroperasi dengan menumpang di Bangunan Sains Matematik kemudian berpindah ke Bangunan Kejuruteraan. Kini Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat mula beroperasi dibangunannya sendiri bermula dari tarikh 15 Mei 2001. Dengan tertubuhnya FSTM, program pengajian dan penyelidikan dalam bidang teknologi dan sains maklumat dapat dipertingkatkan demi kepentingan negara dalam mencapai Wawasan 2020 dan menyediakan diri untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat maklumat di rantau Pasifik.

Jabatan Sains Maklumat ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran tentang aplikasi teknologi maklumat terkini (seperti teknologi multimedia, visualisasi atau grafik lanjutan dan lain-lain) dalam pelbagai aspek pengumpulan, penyimpanan, pencapaian dan penyebaran maklumat. Graduan yang dihasilkan ini diperlukan dalam pasaran pekerjaan di industri maklumat dan juga dalam bidang seperti perfileman, pengiklanan, penerbitan dan capaian

maklumat. Antara program sarjana yang ditawarkan ialah Sarjana Teknologi Maklumat (Sains Maklumat)- kaedah kerja kursus dan tesis (Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, 2002)

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diberi tanggungjawab di bawah Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987 untuk “menyediakan latihan ke arah menaiktarafkan profesionalisme dalam perpustakaan”. Bahagian latihan di Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab untuk menyediakan program pembangunan sumber manusia di PNM bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan semua warga PNM dan kakitangan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan. Program ini termasuklah pengendalian kursus dan bengkel, penghantaran pegawai mengikuti kursus di dalam dan luar negara serta lawatan sambil belajar dan penempatan pegawai di pelbagai institusi untuk menambah dan memperluaskan pengalaman mereka (Perpustakaan Negara Malaysia, 1999).

Justeru itu, perkembangan pendidikan sains maklumat dan perpustakaan di Malaysia merupakan satu bidang yang berpotensi memandangkan kepesatan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat yang begitu diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

1.2.3 Universiti Malaya

Universiti Malaya (UM) mula dibina pada 8 Oktober 1949 di Singapura. Pada tahun 1956, cawangan UM dibuka di Kuala Lumpur. Cawangan UM tersebut dinaiktaraf sebagai universiti nasional pada 1 Januari 1962 dan dikenali sebagai Universiti Malaya dan merupakan universiti tertua di Malaysia. Universiti ini ditubuhkan untuk

menampung keperluan pelajaran tinggi akademik di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura (Universiti Malaya, 1998).

Pada tahun 1998, Universiti mempunyai dua buah akademi dan sebelas fakulti, iaitu Fakulti Kejuruteraan yang ditubuhkan pada tahun 1958, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (1959), Fakulti Sains (1959) Fakulti Perubatan (1963), Fakulti Pendidikan (1963) Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran (1966), Fakulti Pergigian (1963) dan Fakulti Undang-undang (1972). Akademi Islam yang ditubuhkan pada tahun 1981 dinamakan Akademi Pengajian Islam pada tahun 1996. Akademi Pengajian Melayu ditubuhkan pada tahun 1990. Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat telah ditubuhkan pada tahun 1994 (asalnya Pusat Komputer yang ditubuhkan pada tahun 1965). Fakulti Bahasa dan Linguistik ditubuhkan pada tahun 1995 (asalnya Pusat Bahasa yang ditubuhkan pada tahun 1971) Fakulti Perniagaan dan Perakaunan ditubuhkan pada tahun 1997. Selain itu, Universiti juga mempunyai Pusat Kebudayaan yang ditubuhkan dalam tahun 1974, Pusat Asasi Sains (1977), Pusat Sukan (1986), Institut Pengajian Tinggi (1979), kini dikenali dengan nama Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, dan sebuah Hospital Universiti yang disiapkan pada tahun 1966 yang kini mempunyai 878 buah katil (Universiti Malaya, 1998).

Mulai sesi pengajian 1996/97 Universiti Malaya melaksanakan sistem semester bagi semua kursus pengajian, kecuali kursus pengajian Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian. Sebelum itu, UM mengamalkan sistem penggal atau tahun. Pada umumnya, sistem semester UM adalah bercirikan penilaian jam kredit yang grednya hampir serupa dan sama standard bagi semua IPTA yang melaksanakan sistem ini. Semua kursus pengajian ijazah di

bawah sistem ini memerlukan sejumlah minimum jam kreadit dan struktur setiap kursus pengajian mempunyai kandungan kursus universiti di samping kursus teras dan kursus elektif (Universiti Malaya, 1998).

1.2.4 Program Sarjana Sains Maklumat dan Perpustakaan (MLIS) di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.

1.2.4.1 Sejarah

Sungguhpun, ITM adalah satu institusi pengajian tinggi tempatan yang menganjurkan program pendidikan sains perpustakaan, masih terdapat kekangan yang menguatkan lagi cadangan penubuhan program ijazah siswazah lanjutan di Universiti Malaya. Contohnya, status ITM sendiri yang tidak menganugerahkan ijazah pertama dan penawarannya dihad kepada pelajar bumiputra sahaja (Nadarajah, 1974). Sedangkan Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan berbilang kaum berada dalam keadaan memerlukan pustakawan profesional untuk mengurus bukan sahaja perpustakaan akademik malah perpustakaan khusus, dan perpustakaan sekolah. Universiti Malaya, sebuah universiti yang mempunyai sebuah perpustakaan yang agak berkembang telah berjuang untuk menuntut agar sebuah pengajian khusus pendidikan sains perpustakaan peringkat ijazah siswazah lanjutan ditubuhkan. Dengan kata lain, menganugerahkan ijazah sarjana atau diploma lepasan siswazah dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan serta arkib. Laporan Lembaga Pengajian untuk sekolah siswazah lanjutan ilmu perpustakaan dan ilmu arkib telah menekankan keperluan sekolah ini diwujudkan di UM, kerana "... tidak ada kemudahan pengajian siswazah lanjutan untuk ilmu perpustakaan dan ilmu arkib di Malaysia. Sesiapa yang ingin menjadi pustakawan pada peringkat ijazah lanjutan, seperti yang lazimnya dikehendaki oleh universiti dan kerajaan, terpaksa belajar ilmu ini secara persendirian,

ataupun menuntut di luar negeri” (Universiti Malaya, 1973). Seterusnya, masalah bagi pelajar yang menuntut ijazah lanjutan di luar negara diterangkan, “... sukatan pelajaran dibentuk khas untuk keadaan di luar negara, dan tidak menitikberatkan masalah yang harus dikaji dan diatasi di negara kita” (Universiti Malaya, 1973).

Dalam laporan tahun 1982 pula, ditekankan keperluan guna tenaga yang mendesak dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan untuk memenuhi pelbagai perpustakaan di Malaysia (Universiti Malaya. Lembaga Pengajian untuk Sekolah Siswazah Lanjutan Ilmu Perpustakaan dan Ilmu Arkib, 1982). Satu lampiran statistik dan perincian kajian ke atas Perpustakaan Negara, perpustakaan akademik, perpustakaan khusus dan perpustakaan sekolah serta Arkib Negara juga diajukan kepada pihak atasan universiti untuk menguatkan lagi alasan penubuhan kursus ini di Universiti Malaya. Malah sebelum itu, dalam tahun 1970 di Simposium Pembangunan Profesion Arkib di Asia Tenggara, Kuala Lumpur terdapat desakan agar sebuah sekolah arkib dan perpustakaan diwujudkan di Malaysia dan nama UM dicadangkan untuk mengendalikan kursus tersebut (Second SARBICA General Conference, 1970).

1.2.4.2 Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (FSKTM) ini ditubuhkan secara rasminya pada 22 September 1994 dengan bilangan pelajar seramai 45 orang pelajar ijazah pertama dalam bidang sains komputer sahaja. Kini enrolmen pelajar di FSKTM dianggarkan hampir 2,000 orang pelajar ijazah pertama dalam bidang sains komputer dan bidang teknologi maklumat (Abrizah dan Edzan, 2001). Pelajar ijazah pertama kedua-dua bidang ini dianugerahkan dengan Sarjana Muda

Sains Komputer dan Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan pengkhususan dalam sistem komputer dan rangkaian, sistem pengurusan maklumat, kejuruteraan perisian, kepintaran buatan, sistem pengurusan kewangan, multimedia dan sains maklumat (FSKTM, 2001).

Enrolmen pelajar ijazah pasca siswazah pula mencapai 250 orang (Abrizah dan Edzan, 2001). Selain program MLIS, FSKTM juga mengendalikan program Sarjana Teknologi Maklumat, Sarjana Kejuruteraan Perisian dan Sarjana Komputer Sains (FSKTM, 2001).

1.2.4.3 Jabatan Sains Maklumat dan Perpustakaan

Jabatan Sains Maklumat dan Perpustakaan mengendalikan kursus ijazah pasca siswazah dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan di FSKTM. Pelajar-pelajar diambil mengikut kelayakan yang telah ditetapkan seperti dalam Jadual 1.1. Pelajar sepenuh masa merujuk kepada pelajar yang hanya belajar dan menumpukan kepada kursus-kursus bawah program ini. Mereka mengambil 12 jam kredit maksima setiap semester atau minima 6 jam kredit setiap semester. Pelajar separuh masa pula merujuk kepada pelajar yang mengambil kursus dan bekerja. Masa pengendalian kursus yang fleksibel (6:00 petang hingga 9:00 malam) membolehkan mereka yang bekerja mengikuti program ini tanpa penindanan masa bekerja.

Mengikut sistem semester dan struktur kurikulum baru MLIS, seseorang pelajar mampu menghabiskan pengajian dalam tempoh 3 semester sahaja dan menghadiri konvokensyen pada tahun yang sama. Kini jabatan menerima kemasukan pelajar setiap semester dengan kombinasi sukatan kurikulum yang fleksibel.

Jadual 1.1 Kelayakan masuk program MLIS

(Sumber : Universiti Malaya.FSKTM, 1995-2001)

1995-1997	1997-2001
<p>Seorang calon tersebut mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dari Universiti Malaya, atau ijazah dari universiti lain yang diakui oleh Senat Universiti Malaya sebagai mempunyai status akademik yang setara dengannya, atau 2. Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya, atau kelayakan lain dari lain-lain universiti atau institusi yang diakui oleh Senat Universiti sebagai mempunyai status akademik yang setara dengannya, dan sama ada <ol style="list-style-type: none"> a. mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja di mana-mana perpustakaan atau pusat maklumat atau b. satu kelayakan yang setara dengannya dalam bidang yang berkaitan dengan kajian perpustakaan dan maklumat yang dikenalpasti oleh Senat Universiti Malaya sebagai status akademik sebagai bandingan. 	<p>Untuk kemasukan program MLIS secara kerja kursus dan disertasi atau kerja kursus sahaja, seorang calon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian, daripada Universiti Malaya, atau satu ijazah daripada universiti lain yang diakui oleh Senat Universiti sebagai satu status akademik yang setara dengannya, atau 2. Ijazah sarjana muda daripada Universiti Malaya atau ijazah dari lain-lain universiti yang diperakui oleh Senat Universiti sebagai mempunyai status akademik yang setara dengannya, dan sama ada <ol style="list-style-type: none"> a. mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja di perpustakaan atau pusat maklumat atau b. pemegang Diploma Sains Komputer Universiti Malaya, atau satu kelayakan daripada lain-lain universiti yang diperakui oleh Senat Universiti sebagai mempunyai status akademik yang setara dengannya. <p>Untuk kemasukan program MLIS secara disertasi sahaja, seorang calon mestilah sekurang-kurangnya mempunyai :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Diploma lepasan ijazah dalam bidang kajian perpustakaan dan/atau maklumat dari lain-lain universiti yang diperakui oleh Senat Universiti sebagai mempunyai status akademik yang setara dengannya, atau 2. Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dari Universiti Malaya, atau ijazah daripada lain-lain universiti yang diperakui Senat Universiti sebagai mempunyai status akademik yang setara dengannya, dalam bidang Pengajian Perpustakaan dan/atau Maklumat, atau 3. Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Malaya, atau ijazah dari lain-lain universiti yang diperakui oleh Senat Universiti sebagai mempunyai status akademik yang setara dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja di perpustakaan atau pusat maklumat.

Matlamat program Sarjana Sains Maklumat dan Perpustakaan ialah,

- a) Memperkenalkan calon kepada prinsip-prinsip merujuk kepada peranan maklumat dalam masyarakat.
- b) Melahirkan kesedaran akan kepelbagaian rangkaian sumber-sumber maklumat
- c) Memberi pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk mengakses dan mempertingkatkan penggunaan sumber maklumat.
- d) Memberi pengetahuan akan kaedah pengurusan moden untuk penyeliaan perkhidmatan maklumat.
- e) Memberi pengetahuan teknologi baru yang boleh diguna dalam sistem maklumat dan perkhidmatan (FSKTM, 2001).

1.2.4.4 Kurikulum

Pada peringkat awal pengenalan kursus MLIS di FSKTM, iaitu antara tahun 1995-1997, kandungan kurikulum di bahagi dua iaitu bahagian I ialah kerja kursus yang mengandungi 10 unit kerja kursus dengan 9 unit kursus teras dan 1 unit kursus elektif. Bahagian II ialah bahagian satu jangka waktu pelajar dikehendaki membuat praktikum di mana-mana perpustakaan yang dikenal pasti oleh Fakulti dan apabila mereka selesai melakukan praktikal ini, calon-calon dikehendaki menyerahkan laporan kajian tidak melebihi 30 000 patah kata.

Apabila UM memperkenalkan sistem semester mulai sesi Jun 1996, MLIS turut mengubah struktur program MLIS kepada 3 komponen pilihan (FSKTM, 2001).

- a) Kerja kursus dan disertasi - Dalam pilihan ini, pelajar mestilah mengikuti dan lulus 6 kursus teras (18 jam kredit) dan 2 kursus elektif (6 jam kredit)

- serta menyerahkan sebuah kajian penyelidikan ilmiah atau disertasi yang mengandungi tidak lebih 30 000 patah perkataan (12 jam kredit).
- b) Kerja kursus sahaja - Dalam pilihan ini, pelajar mestilah mengikuti dan lulus 6 kursus teras (18 jam kredit) dan 6 kursus elektif (18 jam kredit). Jumlah jam kreadit yang wajib pelajar lulus ialah 36 jam kredit.
- c) Disertasi sahaja - Penyerahan disertasi tidak melebihi 60 000 patah perkataan.

Kursus teras bermaksud satu kursus dalam sukatan kurikulum (Jadual 1.2) yang disediakan oleh penyelaras program dan fakulti untuk diikuti oleh pelajar secara wajib. Sekiranya, pelajar gagal menyelesaikan salah satu daripada kursus ini, maka dia tidak layak untuk mendapat skrol kecuali dia mengulang semula kursus tersebut hingga lulus. Kursus elektif pula merupakan rangkaian kursus-kursus yang ditawarkan dalam sukatan kurikulum untuk diikuti oleh pelajar secara pilihan. Sekiranya pelajar gagal dalam kursus pilihan ini, dia masih boleh mengulang semula sama ada kursus yang sama atau kursus lain yang ditawarkan di bawah kursus elektif.

1.2.4.5 Sukatan kurikulum

Jadual 1.2 Kandungan sukatan kurikulum

(Sumber : Abrizah dan Edzan, 2001).

Kurikulum lama : 1995-1999		Kurikulum baru : 2000-2001	
Kursus Teras		Kursus Teras	
WXGB5001	Management of information services.	WXGB5001	Management of information services.
WXGB5002	Information sources and services.	WXGB5002	Information sources and services.
WXGB 5003	Collection management.	WXGB5004	Organization of information.
WXGB5004	Organization of information I.	WXGB5006	Research methods in library and information science.
WXGB5005	Computer applications in library information systems.	WXGB5008	Technologies for information management.
WXGB 5006	Research methods in library information science.	WXGB5009	Information retrieval.
Kursus elektif		Kursus elektif	
WXGB5010	Information and society.	WXGB 5011	Legal issues in information science.
WXGB 5011	Legal issues in information science.	WXGB5012	Human aspects of information systems design.
WXGB5012	Human factors in information system design.	WXGB5013	User needs and behaviour.
WXGB5020	Malaysiana resources.	WXGB5014	Development of information collection.
WXGB5021	Science and technology resources.	WXGB5015	Indexing, abstracing and thesauri construction.
WXGB5023	Business resources.	WXGB5016	Electronic publishing.
WXGB5024	Government publications.	WXGB5017	Special topics in information science.
WXGB5025	Multimedia resources.	WXGB5018	Directed individual study.
WXGB5026	Manuscript studies.	WXGB5019	Practicum in information and library services.
WXGB5030	National libraries.	WXGB5052	Management of internet resources.
WXGB5031	Academic libraries.	WXGB5054	Digital libraries.
WXGB5032	Public libraries.	WXGB5055	Information systems: fundamentals, procurement and operational issues.
WXGB5033	Special libraries.	WXGB5056	Knowledge management.
WXGB5040	Organization of information II	WXGB5057	Multimedia system development.
WXGB5041	Bibliometrics.	WXGB5058	Visual programming.
WXGB5042	Subject analysis and classification of information resources.	WXGB5080	Dissertation.
WXGB5050	Library automation.		
WXGB5051	Applications of information technology.		
WXGB5052	Management of internet resources.		
WXGB5053	Computer data security.		
WXGB5054	Digital libraries.		
WXGB5060	School resource centers.		
WXGB5061	Educational technology.		
WXGB5062	Resources for children and youth.		
WXGB5070	Records management and archives administration.		
WXGB5071	Publishing and the book trade.		
WXGB5072	Technical writing.		
WXGB5080	Dissertation.		

Bahasa Inggeris merupakan perantaraan penting dalam penyampaian pengajaran. Walau bagaimanapun, dwi bahasa digunakan bagi memudah cara proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sumber bidang sains maklumat dan perpustakaan itu sendiri.. Penilaian bagi setiap kerja kursus dikira daripada kertas kerja, ujian dan amali. Selain daripada itu, terdapat pembentangan kerja kumpulan atau individu yang diambil markah dan akhir sekali di penghujung semester, pelajar menduduki peperiksaan akhir. Penggredan markah peperiksaan diberikan berasaskan Jadual 1.3

Jadual 1.3 : Penggredan
(Sumber : Universiti Malaya. FSKTM, 1998)

Markah diberi	Gred	Skala
76-100	A	4.0
72-75	A-	3.7
68-71	B+	3.3
64-67	B	3.0
60-63	B-	2.7
56-59	C+	2.3
52-55	C	2.0
50-51	C-	1.7
0-49	F	0

Struktur kurikulum melalui pilihan kerja kursus dan dissertasi ternyata menambahkan bilangan kajian yang dijalankan dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan. Empat tajuk diserahkan antara tahun 1991-1992 manakala lebih daripada 30 buah tajuk telah diserahkan oleh pelajar bagi tempoh 1997-2001. Disertasi dinilai oleh seorang pensyarah dalam jabatan dan seorang pemeriksa luar. Antara tahun 1997 dan 2001, seramai 54 orang graduan MLIS telah menghadiri majlis konvokesyen tahunan UM.

Jabatan juga menerbitkan jurnal ilmiah bertajuk *Malaysian Journal of Library and Information Science (MJLIS)* untuk menyebarkan ilmu pengetahuan terbaru dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan. Sumbangan penulisan artikel terbanyak antara tahun 1996-2000 adalah dari FSKTM sendiri dengan 26 penulis daripada 76 artikel keseluruhannya termasuk daripada kajian pelajar MLIS melalui disertasi mereka. (Tiew, Abrizah dan Kaur, 2001). Disertasi graduan MLIS juga pernah diiktiraf oleh Persatuan Pustakawan Malaysia melalui penganugerahan disertasi terbaik tahunan oleh Persatuan kepada pelajar-pelajar bidang sains maklumat dan perpustakaan di Malaysia (Persatuan Pustakawan Malaysia, 2001).

1.3 Tujuan dan objektif kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji keberkesanan program Sarjana Sains Maklumat dan Perpustakaan (MLIS) di Universiti Malaya ke atas pembangunan kerjaya dan aktiviti graduan MLIS dari FSKTM.

Objektif yang ingin dicapai ialah :

- a) Mengenal pasti sifat-sifat program MLIS di FSKTM di Universiti Malaya
- b) Mengenal pasti sifat-sifat kerjaya graduan MLIS.
- c) Mendapatkan pandangan graduan terhadap program MLIS di FSKTM, Universiti Malaya.

1.4 Persoalan

- I) Siapa yang telah berjaya mengikuti program MLIS di FSKTM Universiti Malaya antara tahun 1997-2001?
- II) Apakah haluan kerjaya dan peluang **mempertingkatkan** kerjaya bagi graduan MLIS antara tahun 1997-2001?
- III) Apakah pandangan graduan 1997-2001 **mengenai** syarat-syarat fakulti dan universiti (seperti syarat kelayakan masuk, syarat masa pembelajaran dan syarat pilihan program) apabila mengambil keputusan melanjutkan pengajian MLIS di FSKTM Universiti Malaya?
- IV) Sejauhmanakah graduan menggunakan kelulusan MLIS Universiti Malaya dalam kerjaya dan aktiviti profesional?
- V) Apakah pandangan graduan program MLIS FSKTM 1997-2001 terhadap kursus-kursus yang ditawarkan dengan kerjayanya sekarang?

1.5 Skop dan kekangan

Kajian ini meninjau dan mengkaji 54 orang bekas graduan program MLIS dari Universiti Malaya yang telah berjaya menamatkan pengajian antara tahun 1997-2001. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada 49 graduan MLIS warganegara Malaysia kerana 5 orang graduan lagi adalah warga asing. Kajian ini juga hanya melibatkan graduan yang masih lagi bermaustautin di Malaysia.

1.6 Kepentingan kajian

- a) Kajian ini akan membantu dalam penambahan pengetahuan berkaitan perkembangan pendidikan sains maklumat dan perpustakaan di Malaysia.
- b) Penemuan daripada kajian boleh membantu penyelaras program mengemas kini kandungan kurikulum agar sentiasa mengikuti perkembangan persekitaran pasaran kerja semasa.
- c) Penemuan daripada penyelidikan ini memberi pemahaman tentang proses kehidupan manusia iaitu bagaimana manusia berubah atau berinteraksi dengan pendidikan yang diterimanya.
- d) Laporan daripada penemuan ini boleh digunakan sebagai asas kepada perancangan sumber manusia di bidang sains maklumat dan perpustakaan.
- e) Kajian ini boleh dianggap sebagai langkah merangsang kajian-kajian sumber manusia seterusnya di kalangan mereka yang terlibat dalam sains maklumat dan perpustakaan daripada aspek latihan.

1.7 Definisi

Dalam konteks kajian ini, beberapa definisi perlu ditetapkan.

- a) Graduan - bekas pelajar pasca siswazah yang berjaya menamatkan sesuatu program lepasan ijazah dan mendapat skrol dan pengiktirafan semasa konvokensyen universiti.
- b) Kajian susulan (*tracer study*) - mengesan serta menjejaki graduan dengan pelbagai kaedah bentuk komunikasi untuk tujuan

pemantauan maklumat melalui soal selidik yang diedarkan. Oleh itu, kita dapat mengetahui keberkesanan kursus-kursus yang pernah mereka jalani di Universiti Malaya serta mengetahui aktiviti-aktiviti dan perkembangan mereka sekarang dalam lingkungan kerjaya mahupun kehidupan.

- c) Kepustakawanan - Satu bidang kerjaya yang berkaitan dengan kerja-kerja yang merangkumi aspek aplikasi teori dan teknologi, organisasi, pengurusan, pemuliharaan, penyebaran dan penggunaan maksima pelbagai koleksi maklumat dalam apa jua bentuk formatnya.
- d) Kerjaya – Sesuatu pekerjaan yang dilakukan secara berterusan. Kerja itu pula merupakan bidang pengkhususan iaitu orang itu dilatih pada peringkat pendidikan khusus (fakulti) untuk mencapai kecekapan pengetahuan dan kemahiran. Misalnya, bidang sains perpustakaan dan sains maklumat untuk menjadi pustakawan atau ahli maklumat.
- e) Pembangunan kerjaya – Perkembangan pekerjaan seseorang sejak dia menamatkan pendidikan tinggi. Dalam konteks kajian ini,
 - i) Pembangunan kerjaya selepas MLIS boleh jadi kerjaya pertama dengan menggunakan kelulusan MLIS.
 - ii) Pembangunan kerjaya seseorang yang meningkat (contohnya: kenaikan pangkat, tangga gaji dan status) dengan menggunakan kelulusan MLIS.
- f) Pendidikan sains maklumat dan perpustakaan - Program pendidikan yang dibentuk untuk melahirkan pustakawan dan ahli maklumat

berpengetahuan dan berkemahiran melalui sukatan kurikulum yang dibentuk oleh ahli cendekiawan sesebuah fakulti dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan.

- g) Sains maklumat - Bahagian daripada pengetahuan berkaitan penyiasatan sumber-sumber, pembangunannya, penyebaran, penggunaan dan pengurusan maklumat dalam apa jua bentuknya.
- h) Sains perpustakaan - Pengetahuan dan kemahiran profesional dalam merekod, memilih maklumat, memohon, mengurus, menyimpan, menyelenggara, mengeluarkan semula, dan menyebarkan untuk memenuhi keperluan pelanggan tertentu.
- i) Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat = Master of Library and Information Science (M.L.I.S.) – Di Malaysia satu kelulusan akademik tertinggi yang diktiraf oleh Senat Universiti dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia untuk seseorang menceburi kerjaya pustakawan atau pekerjaan yang berhubung dengan maklumat. Boleh juga dikatakan keperluan untuk seseorang meningkatkan kerjayanya dalam institusi perpustakaan atau pusat maklumat sama ada dalam sektor perkhidmatan awam atau swasta (contohnya, status, kenaikan pangkat, dan tangga gaji)

BAB 2

ULASAN KESUSASTERAAN

2.1 Penilaian

Peng dan Zhang (1997) menyatakan sistem penilaian diperlukan bagi mengisi objektif pendidikan sebagai satu penyediaan pengurusan sumber maklumat untuk diiktiraf di tahap tinggi dan menjadikan sistem pendidikan menerima perubahan seperti mana yang telah berlaku secara dramatik di seluruh dunia. Satu penilaian berkesan mesti disediakan untuk memantau seluruh sistem pendidikan termasuklah kurikulum terbaru, pengadaptasian graduan dalam masyarakat, kandungan subjek kursus yang ditawarkan kepada pelajar dan kaedah pengajaran fakulti dan lain-lain. Tanpa satu sistem penilaian agak mustahil untuk melatih profesional yang cekap dan layak. Pembangunan masyarakat yang cepat terutama dalam bidang sains dan teknologi menuntut agar perubahan ini dicerminkan melalui sistem pendidikan. Hanya sistem penilaian dapat menjamin maklum balas daripada masyarakat dan satu penyesuaian yang dinamik boleh dilakukan ke atas objektif pendidikan serta pengubahsuaian kurikulum di jabatan sains perpustakaan dan maklumat. Pembinaan kurikulum sebahagian besar berdasarkan pengetahuan struktur fakulti dan latar belakangnya bukan daripada yang sepatutnya. Model ini merupakan model yang biasa diamalkan oleh pembina kurikulum. Model seperti ini membelakangkan perspektif pelajar. Sistem penilaian yang berkesan sepatutnya menerima pandangan dan nasihat daripada :

- a) Pakar, profesor jabatan dalam fakulti;
- b) Pakar dan profesor fakulti lain di luar jabatan ;
- c) Pelajar yang sedang menuntut;
- d) Graduan keluaran sistem pendidikan tersebut
- e) Kehendak masyarakat (agensi, organisasi bakal pelajar sedang dan akan bekerja).

Mereka juga mengatakan pandangan daripada graduan penting kerana mereka bukan sahaja berpengalaman dalam menyempurnakan program, malah juga bekerja dalam agensi berkaitan seperti perpustakaan dan pusat maklumat. Mereka benar-benar memahami kegunaan dan kurang kegunaan sesetengah kursus yang diambil semasa mengikuti program. Cara untuk mendapat maklumat boleh dilakukan sama ada melalui soal-selidik, seminar, rundingan, tinjauan dan lain-lain (Peng dan Zhang, 1997).

Kumar (1991) mengatakan penilaian susulan bermatlamat mengukur kesan jangka panjang sesuatu program pendidikan. Ia menitikberatkan penggunaan ilmu yang didapati daripada kursus-kursus tertentu. Penilaian susulan dijalankan dengan mengenal pasti bagaimana seseorang graduan memanfaatkan kursus secara jangka panjang. Penilaian ini patut dibuat sekurang-kurangnya setahun selepas kursus tamat untuk mendapatkan keputusan yang tepat. Faedah-faedah kursus yang mungkin ialah kenaikan pangkat, tanggungjawab yang bertambah, kepimpinan dalam profesion, lebih berpengetahuan, pandangan baru, minat yang lebih dalam bacaan dan penulisan serta pembangunan profesional. Penilaian sepatutnya mengenal pasti maklumat berkenaan nilai sesuatu

kursus MLIS itu, impaknya kepada pembangunan profesional dan relevan ke arah penyelesaian masalah-masalah praktikal (Kumar, 1990).

2.2 Pendidikan berterusan

Oleh kerana kebanyakan pelajar peringkat Sarjana Sains Maklumat dan Perpustakaan sudah mempunyai ijazah pertama atau peringkat diploma lanjutan, aspek pendidikan berterusan turut menjadi aspek penting dalam kajian ini. Pendidikan berterusan bermatlamat meningkatkan kualiti perkhidmatan perpustakaan, pusat maklumat atau institusi. Keputusan daripada pendidikan berterusan mungkin tercapai daripada tahap kecekapan persembahan profesional dan keberkesanan organisasi.

"...continuing education is anything that helps a person or institution do something better, learn something new or think about something in different way"
(International Conference on Continuing Professional Education for the Library and Information Professions, 1997).

Pendidikan berterusan termasuklah memberi pengalaman pembelajaran yang akan

- a) memperkenalkan konsep dan kemahiran baru
- b) mengemas kini konsep asas profesional
- c) mengingatkan atau menitikberatkan semula aspek latihan profesional
- d) memberi kecekapan tambahan demi pembangunan karier
- e) membekal individu supaya berpandangan jauh terhadap profesionnya sebagai satu disiplin (International Conference on Continuing Professional Education for the Library and Information Professions, 1997).

Daripada segi lokasi pula, institusi pengajian tinggi atau universiti digalakkan untuk memberi pendidikan berterusan kerana:

- a) Lokasinya yang dekat dengan perpustakaan dan fakulti penyelidikan yang menjalankan penyelidikan.
- b) Sumber-sumber khusus tersedia, dan
- c) Terdapat pustakawan, profesional maklumat dan pakar subjek .

Pendidikan berterusan adalah "... semua aktiviti pendidikan yang berkenaan pengurniaan ijazah akademik ... sebagai aktiviti pendidikan ... untuk memastikan pengamal pustakawan dan profesional maklumat mengikut perkembangan khususnya di perpustakaan dan pusat maklumat dan menyediakan mereka dengan latihan dalam bidang yang baru" (Pors dan Schreiber, 1997).

Kepesatan perkembangan teknologi maklumat dan perluasan kerja-kerja maklumat menuntut satu rangkaian pengetahuan dan pengalaman yang luas di kalangan bakal ahli maklumat. Jawatan-jawatan kosong diiklankan di bawah pelbagai nama untuk menunjukkan kepelbagaian fungsinya. "...banyak daripada jawatan kosong ini memerlukan kualiti-kualiti peribadi berikut; jati diri, minda pertanyaan dan terbuka, kebolehan menanya soalan-soalan asas, kriteria yang mantap, peka, memahami, daya motivasi, boleh berkomunikasi, fleksibiliti (dalam keadaan tidak terduga dan berubah) dan analitikal serta boleh menyelesaikan masalah" (Library and Information Services Council, 1986).

2.3 Pendidikan dan latihan sains maklumat dan pendidikan di Malaysia

Fuziah, Indahsah dan Mohd. Sharif (1993) dalam laporan status pendidikan dan latihan kakitangan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Malaysia, telah mengkategorikan jenis-jenis program dan latihan ditawarkan di Malaysia ditawarkan kepada 4 iaitu:

- a) Institut pengajian tinggi (IPT).
- b) Maktab perguruan.
- c) Pusat sumber pendidikan negeri.
- d) Jabatan pendidikan negeri.

Mereka juga telah mengkategorikan jenis-jenis program dan latihan berdasarkan jenis institusi, tempoh jangka masa program, kursus, dan sijil kelulusan yang dianugerahkan. Pada masa yang sama, mereka juga menulis laporan berdasarkan peringkat perkembangan dan pembangunan pengakreditasi program di IPT iaitu bermula daripada peperiksaan luaran *American Library Association (A.L.A.)*, kemudian pengenalan kursus diploma, kursus diploma lepasan ijazah dan seterusnya sarjana dari tahun 1968-1993.

Kajian mereka mendapati objektif 3 kategori agensi Kementerian Pendidikan mencatatkan latihan sebagai objektif yang mempunyai persamaan iaitu, "pemantauan ilmu dan kemahiran mengurus dan mentadbir dan pendidikan melalui penggunaan pusat sumber." Manakala objektif untuk IPT pula berfokus, "pengeluaran profesional maklumat yang berilmu, bermaklumat, mencapai kecekapan dalam mengurus

perkhidmatan maklumat, menyediakan peluang untuk pengkhususan dalam perpustakaan, sains maklumat, rekod dan pengurusan arkib (Fuziah, Indahsah dan Mohd. Sharif, 1993).

Hasil kajian mengenai 8 jenis kecekapan pendidikan dan latihan pula mendapati, pertama, harapan untuk melihat produk mencapai kebolehan mengurus pusat maklumat dan perpustakaan secara berkesan adalah sangat tinggi. Kedua, tiga kecekapan didapati mencapai keputusan sama penting iaitu kemahiran pencarian maklumat, pengutilisasian maklumat dan kesedaran serta pengetahuan akan kepentingan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat. Walau bagaimanapun, kecekapan pembangunan sistem maklumat berkomputer, kebolehan mengguna sistem komputer di perkhidmatan maklumat dan perpustakaan serta penyebaran ilmu pengetahuan menunjukkan ianya kurang penting. Kecekapan lain yang diharapkan ialah pengurusan sumber media di pusat sumber (Fuziah, Indahsah dan Mohd. Sharif, 1993).

Dalam tempoh antara 1960-1993, bilangan pelatih teramai adalah pada peringkat sijil perguruan di maktab perguruan, pusat sumber pendidikan negeri dan jabatan pendidikan negeri yang melatih guru pelatih dan guru. Di sini, latihan kemahiran asas pengurusan dan pentadbiran pusat sumber diberikan. Bagi peringkat IPT, program diploma kajian perpustakaan di Institut Teknologi MARA paling ramai menghasilkan graduan, diikuti diploma lepasan ijazah dan paling sedikit pula graduan sarjana. Tenaga pengajar pula berlatar belakang bidang pendidikan, teknologi pendidikan, sains perpustakaan dan maklumat daripada peringkat kedoktoran, sarjana dan sarjana muda (Fuziah, Indahsah dan Mohd. Sharif, 1993).

Menurut Mohd. Sharif dan Norma (1994) objektif utama pendidikan secara latihan dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat adalah untuk mengeluarkan gunatenaga profesional yang bijaksana, layak dan berdedikasi untuk kerja-kerja perpustakaan dan maklumat. Objektif akhir adalah untuk mendidik profesional perpustakaan yang mampu membawa profesion dan perpustakaan ke arah institusi perkhidmatan yang dinamik dan dihormati di dalam masyarakat. Profesional perpustakaan bukan sahaja boleh memberi maklumat yang berkualiti, terkini, relevan, cepat dan menepati masa kepada pengguna, tetapi, boleh mengurus dan menyelesaikan masalah dan cabaran serta menangani maklumat-maklumat yang bermakna dengan alatan kembalian semula maklumat (Mohd. Sharif dan Norma, 1994).

Dalam membincangkan perkhidmatan yang berkualiti, satu faktor yang penting ialah guna tenaga profesional. Mereka telah membuat tinjauan terhadap 13 kualiti peribadi yang boleh meningkatkan kualiti perkhidmatan. Kualiti yang mencapai peratusan tertinggi ialah jujur dan setia, berpandangan jauh, proaktif dan dinamik, berkredibiliti, dihormati, pantas dan menepati masa. Selain daripada itu adil, dan berkongsi turut menjadi kualiti yang diperlukan. Mereka turut mengemukakan kepentingan teknologi maklumat dan kecekapan, komunikasi dan kecekapan pengurusan, kemahiran menyelidik, pendidikan keprofesionalan, perkongsian kerja-kerja maklumat, pengetahuan subjek yang pelbagai, pengetahuan kesusasteraan untuk tahap celik membaca. Kajian ini diakui sama dengan rumusan laporan Fuziah, Indahsah dan Mohd. Sharif (1993).

Seterusnya mereka turut menyenaraikan perubahan arah dan haluan persekitaran perpustakaan. Persekitaran perpustakaan maju ke arah zaman maklumat iaitu dari manual ke aplikasi teknologi. Peningkatan penggunaan format baru pula adalah seperti media elektronik, buku elektronik, e-jurnal dan multi-media. Persekitaran yang menjurus kepada jaringan kerja, globalisasi maklumat dan sektor maklumat menjadi sebahagian daripada aspek ekonomi. Persekitaran perpustakaan juga sedang menuju ke arah perpustakaan maya dan ianya ke arah profesion broker maklumat dan pustakawan profesional.

Mereka juga turut menyenaraikan haluan dan senario dalam pendidikan sains maklumat dan perpustakaan - perubahan nama sekolah untuk menggambarkan elemen sains maklumat dan penitikberatan teknologi maklumat; penyatuan sekolah perpustakaan dengan jabatan lain atau disiplin lain dalam usaha untuk mempelbagaikan program seperti perniagaan, komputer dan sains; perubahan kurikulum dengan mencampurkan bidang-bidang baru tanpa mengabaikan bidang-bidang asas kepustakawanan ditambah pula pengkhususan untuk disesuaikan dengan haluan baru ini. Teknologi maklumat menjadi satu komponen utama dengan memperkenalkan kursus-kursus seperti Analisa Sistem dan Perekaan, Telekomunikasi dan Jaringan Kerja, Pengurusan Sistem Maklumat, Pengurusan Pangkalan Data dan Pengaturcaraan Komputer. Selain daripada itu, pendidikan berdasarkan kecekapan menjadi fokus utama, keadaan dan tahap program ditawarkan lebih tertumpu kepada pelajar ijazah pertama dengan penerusan program untuk siswazah lanjutan. Orientasi kursus pula lebih menjurus kepada sains maklumat dan teknologi maklumat.

Dalam artikel yang sama, turut disenaraikan haluan dan isu-isu dalam latihan dan pendidikan profesional perpustakaan. Antaranya ialah perubahan maklumat, memperkenalkan subjek seperti persuratan, sosiologi, komunikasi, psikologi dan lain-lainnya sepatutnya dimasukkan dalam kurikulum. Pustakawan profesional mesti bersedia daripada segi pengetahuan, kemahiran dan kebolehan pengurusan seperti berkepimpinan, sanggup menghadapi risiko dan pengagihan kuasa, pendidikan kepenggunaan perpustakaan, dan pengwujudan peluang-peluang kerja baru seperti perantara, juru runding, broker maklumat dan pengurus sumber maklumat (Mohd. Sharif dan Norma, 1994).

Menurut Abrizah dan Edzan (2001) mulai sesi pengajian semester 2000/2001, kurikulum MLIS Universiti Malaya telah disemak dan dibuat pengubahsuaian yang bukan sahaja untuk disesuaikan mengikut latar belakang akademik pelajarinya yang berbeza-beza, tetapi juga untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan yang lebih menekankan graduan berorientasikan teknologi maklumat. Sistem pendidikan sains maklumat dan perpustakaan sekarang cuba mencapai keseimbangan antara isi kandungan sains maklumat dan perpustakaan dengan perancangan, pengurusan pengetahuan dan sistem maklumat. Kursus teras yang ditawarkan mengekalkan asas-asas bidang sains maklumat dan perpustakaan manakala kursus elektif lebih berorientasikan teknologi maklumat. Dua subjek baru kursus elektif diperkenalkan iaitu WXGB 5018 *Directed Individual Study* dan WXGB 5019 *Practicum in Information and Library Services* untuk menggalakan kajian dan pembelajaran secara berdikari. Sejumlah 3 kursus teras dan 5-6 elektif kursus ditawarkan pada setiap semester (Abrizah dan Edzan, 2001).

Subjek teras MLIS juga dikatakan memenuhi *garis panduan The International Federation of Library Association and Organizations* di mana bagi program pendidikan perpustakaan elemen teras dalam satu-satu *pembinaan kurikulum* seharusnya mengandungi :

- a) Persekitaran maklumat, polisi dan etika maklumat, sejarah bidang tersebut
- b) Generasi maklumat, komunikasi dan penggunaannya.
- c) Pengaksesan kehendak maklumat dan perekaan tindak balas maklumat.
- d) Proses perpindahan maklumat.
- e) Organisasi, capaian semula, pemuliharaan dan pemeliharaan maklumat.
- f) Kajian, analisis dan interpretasi maklumat.
- g) Penggunaan teknologi-teknologi maklumat dan komunikasi ke atas produk dan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
- h) Pengurusan sumber maklumat dan pengurusan ilmu pengetahuan.
- i) Pengurusan agensi-agensi maklumat.
- j) Penilaian kuantitatif dan kualitatif akan hasil daripada penggunaan perpustakaan dan maklumat.

MLIS Universiti Malaya ini juga memenuhi saranan *Association of College and Research Libraries* yang disebut oleh Reichel (1999) bahawa sekolah kepustakawanan haruslah melatih graduannya dengan;

- a) Teori, prinsip-prinsip dan sejarah kepustakawanan.
- b) Pengetahuan yang mendalam terhadap persekitaran pendidikan tinggi.

- c) Persediaan kepada kerja-kerja ilmiah.
- d) Memahami isu-isu teknologikal.
- e) Mengendalikan program celik maklumat.
- f) Rancangan dan pengaksesan pengurusan berkesan perpustakaan.
- g) Pengetahuan isu-isu perundangan dan polisi.
- h) Prihatin terhadap isu-isu etika.
- i) Penghargaan dan memahami kepelbagaian.

Program MLIS juga memenuhi model kecekapan teras untuk sains maklumat dan perpustakaan. Model kecekapan teras Gorman dan Corbitts (2001) seperti dalam Jadual 2.1 di bawah merangkumi 4 bidang yang meliputi pengetahuan asas profesion sains perpustakaan sekarang.

Jadual 2.1 : Kecekapan teras mengikut Model Gorman dan Corbitt :
Hirarki kecekapan-kecekapan dalam sains maklumat dan perpustakaan.

<p style="text-align: center;">Kehendak dan perkhidmatan pelanggan</p> <p>Merupakan fokus tradisi orientasi pengguna dalam sains maklumat dan perpustakaan. Merupakan kecekapan yang menggerakkan pendidikan sains maklumat dan perpustakaan.</p>
<p style="text-align: center;">Pengurusan</p> <p>Memfokuskan komponen manusia, bukan sahaja terhadap teknologi tetapi juga rangkaian-rangkaian proses yang berkaitan pengetahuan dan penggunaan pelanggan ke atas sumber-sumber pengetahuan.</p>
<p style="text-align: center;">Penggunaan teknologi</p> <p>Mengguna-pakai bahawa organisasi pengetahuan merupakan kemudahan dan memfokus kepada kehendak pengguna</p>
<p style="text-align: center;">Organisasi ilmu pengetahuan dan sumber-sumber pengetahuan</p> <p>Merupakan proses intelektual organisasi pengetahuan dan aktiviti mengumpul sumber. Ini merupakan asas pendidikan sains perpustakaan dan maklumat.</p>

Abrizah dan Edzan (2001) telah menyesuaikan dan memadankan kurikulum MLIS mengikut model Gorman dan Corbitt menjadi seperti dalam Jadual 2.2 di bawah.

Jadual 2.2 : kurikulum MLIS mengikut model Gorman dan Corbitt

Kehendak dan perkhidmatan pelanggan	WXGB 5006 WXGB 5012 WXGB 5013	Research Methods in Library and Information Science. Human Aspects of Information Systems Design. User Needs and Behavior.
Pengurusan	WXGB 5001 WXGB 5011 WXGB 5019	Management of Information Services. Legal Issues in Information Science. Practicum in Information and Library Services.
Penggunaan teknologi	WXGB 5008 WXGB 5009 WXGB 5016 WXGB 5052 WXGB 5054 WXGB 5055 WXGB 5056 WXGB 5057 WXGB 5058	Technologies for Information Management Information Retrieval. Electronic Publishing Management of Internet Resources. Digital Libraries. Information systems: Fundamentals, Procurement and Operational Issues. Knowledge Management. Multimedia System Development Visual Programming
Organisasi ilmu pengetahuan dan sumber-sumber pengetahuan.	WXGB 5004 WXGB 5002 WXGB 5014 WXGB 5015	Organization of Information. Information Sources and Services. Development of Information Collection. Indexing, Abstracting and Thesauri Construction

Oli Mohamed (1992) telah mengkaji kesepaduan teori dan praktikal dalam pendidikan sains maklumat dan perpustakaan. Untuk menerangkan kesepaduan tersebut, beliau telah mengemukakan satu model *Input-Output* yang diadaptasi daripada bidang pengurusan.

Menurutnya, sumber manusia, modal, teknologi dan sumber pengurusan merupakan input yang menjadi subjek pembolehubah melalui proses transformasi. Proses transformasi ini dibuat melalui aplikasi pengetahuan teori dan praktikal, ataupun kejuruteraan semula. Proses transformasi yang terjadi hasil daripada kejuruteraan semula melalui pendekatan baru untuk menghasilkan *output* iaitu perkhidmatan yang relevan dengan tuntutan persekitaran luar; perubahan zaman dan permintaan sosial. Impak *output* (perkhidmatan) kepada persekitaran luar perlulah dinilai secara berterusan berdasarkan model ini. Mengikut model ini, kepustakawanan akan lahir sebagai satu profesion yang dinamik dan dapat menjalankan peranan positif dan aktif serta bersedia menerima perubahan dan cabaran dalam persekitaran.

Untuk menjayakan operasi model input-output tersebut, perlu wujud satu sistem pendidikan sains perpustakaan dan maklumat yang berkesan. Oleh itu, sekali lagi Oli (1992) mencadangkan satu model yang dinamakan Model Sistem Pendekatan Pendidikan Sains Maklumat dan Perpustakaan. Kali ini proses transformasi yang terlibat adalah ke atas pelbagai sumber pengajaran, tenaga pengajar dan lain-lain sumber. Modul kurikulum yang direka perlulah pertama sekali melihat kepada keperluan perkhidmatan perpustakaan dan kedua kepada persekitaran luar di mana satu-satu institusi, organisasi atau lembaga itu berada. Melalui proses ini keseluruhan interaksi dan kejuruteraan semula yang dihasilkan kelak mampu menghasilkan output iaitu pustakawan atau pengurus maklumat. Akhir sekali, untuk menguji keberkesanan program pendidikan, kita perlu melihat kepada kepelbagaian kecekapan yang ditunjukkan oleh ahli profesional, sama ada diperingkat baru, pertengahan atau atasan. Mereka ini akan mampu memainkan

peranan yang positif dan menyumbang kepada kejayaan dan pencapaian misi dan matlamat organisasi, institusi dan lembaga tempat dia bekerja. Di bawah adalah bidang-bidang di mana kecekapan dan kesinambungan kepustakawanan boleh dimantapkan iaitu:

- a) Kesinambungan dengan *melia* sosial.
- b) Orientasi profesional daripada buku ke maklumat.
- c) Merapatkan jurang antara teori dan praktikal.
- d) Kesinambungan dengan pembangunan teknologi.
- e) Kesinambungan dengan bidang pengurusan.
- f) Menyumbang kepada kemajuan ilmu pengetahuan.
- g) Kesinambungan dengan profesion.

Salim Agha (1992) pula telah mengatakan, pada masa hadapan seorang profesional maklumat yang berjaya dan memberi impak kepada masyarakat boleh juga menjadi seperti berikut:

- a) Seorang sarjana yang pakar.
- b) Jurucakap.
- c) Menjadi sumber akses pengetahuan maklumat.
- d) Penganjur maklumat dan pengurus pangkalan data.
- e) Penganalisa maklumat dan pakar pengpakejan semula.
- f) Pengguna teknologi maklumat yang bijaksana.
- g) Seorang ahli strategi.
- h) Seorang pengkaji.

2.4 Pendidikan tinggi dan pekerjaan

Fatimah Hamid Don at. al. (1985), dalam laporan pendidikan tinggi dan pekerjaan di Malaysia mengupas isu-isu berkaitan dengan pendidikan universiti dan pekerjaan di Malaysia berdasarkan laporan kajian pendidikan tinggi dan pekerjaan di Malaysia berasaskan pengalaman siswazah. Kajian yang diketuai oleh Profesor Diraja Ungku Aziz itu merupakan kajian pendidikan dan pekerjaan di pelbagai peringkat di Malaysia yang ditaja oleh Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya bersama dengan Institut Rancangan Pendidikan Antarabangsa, Paris. Berdasarkan laporan tinjauannya mendapati:

- a) Mereka yang melanjutkan pendidikan tinggi ialah untuk mendapatkan pekerjaan yang mempunyai gaji yang lumayan. Pendidikan universiti juga merupakan jalan pertama kepada bidang pengkhusuan profesional. Motivasi dalam bentuk ganjaran sosial, peningkatan pangkat dalam kerjaya dan kepuasan bekerja dikenal pasti untuk menggalakkan lebih ramai graduan bekerja di luar bandar.
- b) Mobiliti agak sempit dalam pendidikan universiti. Struktur peluang untuk pelajar sains sosial, sastera dan kemanusiaan adalah terhad manakala struktur pelajar sains adalah lebih terbuka.
- c) Permintaan sektor swasta agak tinggi, dan graduan diingatkan agar lebih bersikap terbuka untuk menerima cabaran bekerja di sektor swasta atau bekerja sendiri serta tidak tertumpu kepada kerja kerajaan semata-mata.
- d) Prosedur mencari kerja sebahagian besar dilakukan melalui iklan surat khabar dan hubungan peribadi. Maklumat pejabat dan agensi mencari pekerjaan memainkan peranan yang kecil dalam membantu graduan mencari pekerjaan. Sistem kontrak

biasiswa dan tajaan lebih memudahkan graduan mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian walaupun, kurang kebebasan untuk memilih pekerjaan. Pihak universiti dan Kementerian Buruh patut memainkan peranan yang positif dan agresif dalam menentukan arah tuju pelajar di dalam dunia pekerjaan.

- e) Masa menunggu pekerjaan dan pengangguran lebih ketara di kalangan graduan sastera, kemanusiaan dan sains sosial. Cadangan untuk mengatasi masalah tersebut ialah polisi mengurangkan pelajar sastera dan kemanusiaan sementara meningkatkan kemasukan dalam bidang perubatan, pergigian, pertanian, sains dan kejuruteraan. Walau bagaimanapun, keadaan ini mungkin akan mengakibatkan masalah kewangan. Cadangan lain adalah perubahan kurikulum yang menggalakkan peluang pekerjaan dan keusahawanan.
- f) Kegunaan kelayakan universiti dengan pemilihan kriteria pekerjaan mendapati rekod akademik memainkan peranan penting dalam mendapat kerja, diikuti temuduga dan ujian sikap. Faktor yang kurang penting ialah kepimpinan pelajar dan kegiatan ko-kurikulum.

2.5 Penyelidikan keperluan sekolah sains maklumat dan perpustakaan peringkat sarjana dan guna tenaga perkhidmatan perpustakaan

Berdasarkan Laporan Lembaga Pengajian Ijazah Lanjutan untuk sekolah Sains Perpustakaan dan Arkib, (1982) keperluan untuk menubuhkan Sekolah Sains Perpustakaan dan Arkib adalah untuk menampung pertumbuhan perpustakaan dan permintaan untuk kakitangan pustakawan dan maklumat. Pada tahun 1973, Laporan Lembaga Pengajian untuk Penubuhan Sekolah Kepustakawanan dan Pengarkiban (1973)

mendapati menjelang tahun 1983 sejumlah 91 kekosongan jawatan tambahan diperlukan menjadikan jumlah keseluruhannya 150 jawatan perlu diisi di perpustakaan dan arkib. Sedangkan pada 1980, hampir kesemua kekosongan jawatan telah pun diisi (Laporan Lembaga Pengajian untuk Penubuhan Sekolah Kepustakawanan dan Pengarkiban, 1973).

Tinjauan ke atas guna tenaga perpustakaan juga telah dilakukan untuk mengukuhkan lagi kepentingan sekolah ini. Dalam tinjauan mereka kaedah soal-selidik telah digunakan untuk mengumpul maklumat. Soal-selidik telah dikirim ke semua perpustakaan jabatan kerajaan termasuk Perpustakaan Negara, perpustakaan khusus dan penyelidikan, perpustakaan awam, universiti dan kolej. Manakala kaedah temuduga pula dijalankan untuk mendapatkan maklum balas bagi perpustakaan sekolah-sekolah. Maklum balas menunjukkan keperluan yang diramal hingga tahun 1990 yang jelas memperlihatkan pembangunan yang pesat di bawah perpustakaan akademik. Malah respon dari perpustakaan akademiklah yang paling banyak diperolehi (Laporan Lembaga Pengajian Ijazah Lanjutan untuk Sekolah Sains Perpustakaan dan Arkib, 1982).

Tinjauan yang sama juga menunjukkan hingga 1990, dalam hal latihan profesional kakitangan, tidak semua institusi mampu menghantar kakitangan untuk latihan dan sebahagian pula lebih berharap untuk melatih dan melatih semula berdasarkan daripada sistem giliran. Tinjauan ke atas pustakawan individu pula, secara kesimpulannya menunjukkan mereka ingin meneruskan pengajian profesional tetapi kekurangan pembiayaan dan peluang. Mereka mahukan kursus yang bersifat separuh masa di lokasi institusi tempatan sedangkan institusi pengajian tempatan untuk bidang sains

perpustakaan di peringkat pengajian ijazah lanjutan belum ada di negara kita. Lagipun, ramai yang memiliki kelayakan dalam bidang kepustakawanan telah bekerja di luar sektor perpustakaan menunjukkan bahawa kelayakan atau kelulusan ini relevan untuk dijadikan syarat untuk bekerja di sektor-sektor lain. Ini menambahkan lagi bukti bahawa adalah relevan menubuhkan satu Sekolah Pengajian Sains Perpustakaan dan Pengarkiban di peringkat Ijazah Lanjutan di Universiti Malaya (Laporan Lembaga Pengajian Ijazah Lanjutan untuk Sekolah Sains Perpustakaan dan Arkib, 1982).

Dalam memperkatakan objektif sekolah, Laporan Lembaga Pengajian Ijazah Lanjutan untuk Sekolah Sains Perpustakaan dan Arkib (1982) menyatakan

".....man's progress over any field, especially in a modern environment, has only been possible through adequate access to information. Information centers such as libraries and those who manage these information system must increasingly assume a significant role in this country's bid for advancement. There is therefore an urgent need to ensure that a pool of qualified personnel, trained to a certain acceptably high degree of competence be made available to the nation"

Dalam menyatakan sumbangan pula,

"...to play its role in the development of the country, as a sister profession are already doing in the developed societies, it will become increasingly necessary to have amongst its professional rank a corps of people whose first prerequisites are academic awareness and secondly that of professional competence."

Walau bagaimanapun, laporan gulung kecil oleh Arshad Bin Ayub menyatakan ada perkara yang tidak disentuh dalam Laporan Lembaga Pengajian Ijazah Lanjutan untuk Sekolah Sains Perpustakaan dan Arkib (1982) tersebut iaitu:

- a) haluan terkini pendidikan kepustakawanan di negara-negara yang mempunyai persamaan dengan sistem pendidikan di Malaysia.
- b) kehendak khusus di Malaysia.
- c) keperluan guna tenaga di Malaysia bagi perpustakaan atau daripada lain-lain institusi di Malaysia yang dibuat tidak dijalankan secara saintifik.

Menurut Khoo (1988) MLIS di Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya merupakan program yang pertama seumpamanya di universiti awam tempatan. Program berjaya dimulakan pada sesi pengajian tahun 1987/1988 di IPSP setelah melalui perjuangan yang panjang. Beliau telah mencatatkan ciri-ciri program, objektif, rasional dan peranan pendidikan tersebut dalam persekitaran tempatan; seterusnya beliau mencatatkan isi kandungan kurikulum dan sebab-sebab ia diajar serta kaedah pengajaran. Beliau juga mencatatkan pengalaman berhubung kakitangan/tenaga pengajar, dan pengenalanpastian asas dan kelayakan tambahan yang diharapkan dan mereka yang dilantik. Ciri-ciri program MLIS adalah ijazah lanjutan siswazah dan daripada segi lokasi pula IPT dipilih kerana

"The institute, by the mid 1980-an, had experienced in conducting big research projects, possessed strong national and international research and teaching linkages, and stressed multi-disciplinary in both its research and teaching program"

Justeru itu, program MLIS memenuhi kedua-dua keperluan universiti dan aspirasi profesional. Program boleh diikuti secara separuh atau sepenuh masa yang memakan masa minima 3 semester atau maksima 5 tahun yang mencakupi kerja kursus dan disertasi. Objektif dan peranan MLIS sentiasa dikembangkan mengikut kemajuan dan untuk memastikan pustakawan profesional memainkan peranan pro-aktif dalam pembangunan negara. Latihan profesional pula akan sentiasa dipertingkatkan. Kurikulumnya terdiri daripada kursus wajib yang berfungsi dan penting dari segi akademik dan perspektif masyarakat. Prinsip teori dan praktik telah dititikberatkan dalam pembelajaran hasil daripada kesepaduan

a) pengajaran teori gunaan.

b) aplikasi teori gunaan untuk analisis keadaan spesifik

yang tidak bercanggah dengan prinsip yang diamalkan oleh American Library Association, bagi tenaga pengajar, antara perkara yang ditimbulkan ialah sekatan, perekrutan, latihan pedagogi, latihan pengajaran, pengiktirafan dan penilaian dan akhir sekali pembangunan tenaga pengajar pada masa hadapan (Khoo, 1988).

2.6 Kajian susulan graduan yang telah dibuat oleh para pengkaji sains maklumat dan perpustakaan.

Kajian susulan graduan dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan biasanya dibuat untuk mengulangkaji kurikulum sesebuah sekolah di institusi pendidikan tinggi yang menawarkan pendidikan dalam bidang yang terangkum dalam sains maklumat dan perpustakaan. Kebanyakan kajian melihat keberkesanan program pendidikan sains

maklumat dan perpustakaan berdasarkan penilaian graduan yang mengikuti program untuk satu jangka masa tertentu. Pekerjaan dan kerjaya mereka dikaji untuk melihat sejauh mana kurikulum menepati kehendak pasaran pekerjaan semasa. Daripada kajian, pendidik di institusi terbabit dapat berbuat sesuatu terhadap kurikulum demi pembangunan mutu pendidikan sains maklumat dan perpustakaan agar ianya mengikut peredaran zaman. Maklumat demografi graduan pula amat bernilai kepada para pendidik program sebagai cerminan prestasi program.

Selain daripada itu, kajian susulan graduan juga dibuat untuk meninjau perancangan guna tenaga bidang sains maklumat dan perpustakaan di negara-negara membangun. Terdapat juga kajian susulan graduan dibuat dengan tujuan melihat gambaran pasaran pekerjaan kesan daripada perubahan revolusi teknologi maklumat yang melanda dunia kebelakangan ini. Kajian dibuat memandangkan bidang sains maklumat dan perpustakaan mengalami fasa perubahan kesan daripada ledakan maklumat global.

Loughbridge (1990) membuat ulasan kesusasteraan untuk kajian-kajian pekerjaan dan kerjaya yang pernah dibuat dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan di United Kingdom untuk 15 tahun kebelakangan. Beliau mengulas dengan menggunakan 68 rujukan. Beliau menyatakan kelebihan kajian tinjauan ialah

"The advantages of such a series of surveys covering practically the whole lifespan of the one department's activities in professional education... they contributed substantially to regular course planning and review work within the department"

Sebaliknya, kelemahan kajian

“all Sheffield programme covered in surveys have been exclusively postgraduate courses, some of the surveys required former students to try remember courses which they had taken up to 10 years previously” (Loughbridge, 1990).

2.6.1 Pilihan sains maklumat dan perpustakaan sebagai kerjaya.

Isu kerjaya pustakawan telah dikemukakan dalam kajian Bello pada tahun 1996. Dia telah membuat 3 hipotesis ke atas sebab mengapa seseorang itu memilih kerjaya pustakawan. Berdasarkan hasil kajian, beliau mendapat keputusan bahawa faktor luaran (ibu bapa, kawan-kawan, media masa, majikan serta kaunseling) dan faktor profesional (kestabilan, keselamatan masa hadapan, status sosial dan prestij profesion, pendapatan yang memuaskan serta perolehan pengetahuan) menentukan sebab-sebab untuk seseorang menjadi pustakawan. Manakala hipotesis ketiganya menolak faktor dalaman (menggunakan kebolehan istimewa individu, bakat, kreativiti, dan peluang untuk bekerja dengan orang) yang mempengaruhi seseorang memilih kerjaya pustakawan. Formula *chi-square* telah digunakan untuk menguji kesahihan kajian tersebut.

Manakala di Ghana pula, pustakawan lebih terpengaruh untuk memilih kerjaya perkhidmatan sains maklumat dan perpustakaan kerana peluang untuk pembangunan intelektual dan peluang untuk mengikuti pendidikan berterusan yang formal berbanding gaji yang baik dan persekitaran kerja yang menarik. Sebab lain ialah menyukai buku, menyukai bekerja dengan orang ramai, kerjaya yang selamat dan nasihat daripada pustakawan (Alemna, 1991).

Respon daripada pelajar-pelajar sarjana dalam kajian Brenda White Associates (1986) pula mendapati mereka memilih kerjaya pustakawan kerana mereka ingin meneruskan pengajian dalam bidang ini yang mereka sertai sebelum pengajian, memilih pekerjaan itu kerana mereka memang mencari kerjaya demikian. Manakala selainnya, mengatakan demi keselesaan geografi dan tiada pilihan lain.

2.6.2 Pekerjaan dan jenis perpustakaan/organisasi/majikan

Status jawatan dapat menunjukkan kedudukan dan kestabilan pekerjaan seseorang graduan. Dalam kajian Moreiro (2001), status jawatan yang dijabat oleh graduan dan pelajar ialah status *fellowship*, diikuti jawatan sementara di sektor swasta dan jawatan tetap di sektor awam dan *internship*. Akan tetapi, jawatan berupa *fellowship* dan *internship* yang bersifat separuh masa mempunyai pendapatan agak rendah. Kajian Genoni, Exon dan Farrelly (2000) mendapati status jawatan graduan adalah sepenuh masa dan separuh masa dengan pilihan. Ini menunjukkan bahawa ramai graduan telah melalui perkembangan kerjaya yang selesa. Lain-lain status jawatan graduan adalah separuh masa tetapi lebih memilih sepenuh masa dan ia menunjukkan graduan berharap untuk mencapai kedudukan kerjaya yang lebih selesa berbanding jawatan yang sedang dipegang.

Satu perkara yang boleh diperhatikan ialah jawatan graduan yang berorientasi sains maklumat dan teknologi maklumat. Genoni, Exon dan Farrelly (2000) yang mengkaji pekerjaan graduan secara lebih terperinci mendapati graduan bekerja dalam bidang kepustakawanan, pengurusan rekod, arkib, pengkomputeran dan sistem maklumat. Di

samping itu juga, terdapat graduan bekerja dalam persekitaran 'lain-lain kerja berkaitan maklumat' dan bekerja di sektor 'bukan kerja berkaitan maklumat'. Keputusan senarai pekerjaan yang dicatat dalam kajian Ocholla (2000) juga menunjukkan ada graduan bekerja di luar bidang sains maklumat dan perpustakaan. Kajian Latham, Burnett dan Burnett (1996) mendapati jawatan graduan berorientasi sains maklumat dan teknologi maklumat. Keputusan kajian mereka menunjukkan 60 peratus daripada kalangan alumni bekerja di bahagian maklumat/teknologi komunikasi. (Latham, Burnett dan Burnett, 1996). Kajian oleh Brenda White Associates (1986) sudah pun mencatatkan selain daripada perpustakaan dan pusat maklumat, graduan juga bekerja di bidang yang dikatakannya 'kerja maklumat' dan 'bukan maklumat' yang disebut sebagai *emerging market* satu istilah yang sama digunakan oleh Genoni, Exon dan Ferrally (2000) untuk menggambarkan pekerjaan yang berkait antara bidang sains maklumat dan perpustakaan dengan bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang lain.

Kajian Ocholla (2000) mendapati majikan terdiri daripada kalangan sektor awam/majlis tempatan/perpustakaan awam, sektor awam/institusi akademik/perpustakaan akademik, sektor swasta dan awam/perpustakaan khusus, sekolah awam/pustakawan sekolah dan bekerja sendiri. Jenis organisasi yang hampir serupa ditemui dalam kajian Aina dan Moahi (1999) dengan tambahan perpustakaan NGO.

Kelulusan ijazah menentukan hala tuju kerjaya graduan. Dalam banyak kajian, mereka yang berkelulusan diploma lanjutan dan sarjana mempunyai arah kerjaya yang agak berbeza berbanding sarjana muda. Graduan tertumpu bekerja di universiti dan

perpustakaan khusus. Ini boleh diperhati dalam kajian Rugambwa (1998) yang mendapati (94.3%) graduan bekerja berorientasi teknologi maklumat di universiti dan majlis nasional sains dan teknologi, perpustakaan dan pusat maklumat. Begitu juga dalam kajian Kisiedu (1993) dan Alemna (1993) dan Alemna (1991). Walau bagaimanapun, suasana sosio ekonomi sesuatu negara juga menjadi faktor dan ini dapat dilihat dalam kajian Onadiran (1988) apabila ramai kalangan graduan sarjana muda menyertai perpustakaan universiti yang mempunyai infrastruktur yang lebih baik berbanding perpustakaan awam dan lain-lain perpustakaan di Nigeria.

Berbeza dalam kajian Quarmby, Willett dan Wood (1998) mereka mengkaji perkembangan graduan sarjana semenjak penggraduahan. Dalam kajian kerjaya graduan sains maklumat dan perpustakaan yang meliputi pelbagai tempoh masa, graduan bertukar-tukar kerjaya. Kajian yang serupa sepertimana dalam kajian Loughbridge, Oates dan Speight (1996) dan Brenda White Associates (1986) juga menyentuh soal pekerjaan. Dalam kajian Quarmby, Willett dan Wood (1998) beberapa responden yang bekerja di bidang lain mempunyai hubungan erat dengan bidang pengurusan maklumat. Loughbridge, Oates dan Speight (1996) memeta corak destinasi kerja pertama graduan yang menunjukkan bahawa perpustakaan akademik, perpustakaan khusus dan 'emerging market' semakin popular dalam menerima pekerja berbanding perpustakaan awam dan kerajaan. Justeru itu, kajian mereka turut menyentuh persoalan mobiliti iaitu pergerakan kerjaya sama ada daripada bidang sains maklumat dan perpustakaan ke bidang lain atau ke sektor lain. Mobiliti juga dikaitkan dalam beberapa kajian graduan.

2.6.3 Tahap kepuasan bekerja di bidang sains maklumat dan perpustakaan

Kajian Aina dan Moahi (1999) mendapati 57 responden (74%) mengatakan mereka berpuas hati dengan kerjaya di bidang kepustakawanan. Bagi pekerjaan berkaitan maklumat selain kepustakawanan mereka menyatakan latihan boleh menyediakan mereka bekerja di kedai buku, pengiklanan, pengurusan rekod dan pembroker maklumat. Dengan latihan tambahan, mereka beranggapan mereka berupaya bekerja di situasi pengindeksan, pengurusan sistem maklumat, pengurusan pangkalan data dan pengeditan. Walau bagaimanapun, tiada graduan yang menyatakan mereka boleh berperanan dalam pekerjaan seperti perekaan sistem, penganalisa sistem dan pengaturcaraan kerana mereka tidak ada latar belakang pendidikan yang diperlukan. Manakala, sebab-sebab yang diberikan atas rasa ketidakpuasan terhadap jawatan ialah jawatan berstatus rendah, gaji yang rendah, masa depan yang suram untuk mendapat kenaikan pangkat dan tidak mencabar. Rugambwa (1998) mengatakan pembaziran profesion untuk graduan sains maklumat adalah rendah iaitu 14.3%. Graduan SISA menyumbangkan kepada pembangunan profesion maklumat melalui syarikat jururunding dan penyelidikan, penerbitan jurnal yang bereputasi dan pendidikan berterusan, manakala lain-lain terlibat dalam pengautomatan beberapa sistem dan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.

Kajian Loughbridge, Oates dan Speight (1996) mendapati sebilangan besar graduan MA University of Sheffield puas hati dengan kerjaya mereka. Antara tugas yang dianggap paling memuaskan hati termasuklah hubungan dengan pembaca, pertanggungjawaban untuk menyelesaikan tugas atau perkhidmatan tertentu dan peluang untuk menyempurnakan tugas dengan jayanya. Kerja-kerja pertanyaan secara khusus

dianggap kerja yang menyeronokan dan paling dirasai berbaloi dengan aspek jawatan profesional di semua bahagian. Penyebab bagi tahap kepuasan yang rendah pula ialah kerja pengkeranian yang rutin dan diberi kerja dibahagian bukan profesional, kurang peluang untuk mengguna kemahiran yang diperolehi semasa pendidikan profesional dan sikap pengurusan. Ini memberi kesan terhadap moral mereka yang berpandangan profesionalnya berstatus rendah dan rendah status di kalangan organisasi. Manakala, bagi jawatan kedua dan seterusnya, ketidakpuasan disebabkan oleh tekanan, kurang masa, sumber terhad dan pihak pengurusan berkualiti rendah.

Kajian Alemna (1993) juga mendapati sebilangan besar graduan semakin berpuas hati dengan kerjaya mereka iaitu 92% berbanding kajian Alemna (1991) iaitu 88%. Di Ghana perkhidmatan perpustakaan dan maklumat mempunyai perkembangan yang menggalakkan dan ini telah menarik kakitangan untuk bekerja tetap. Sebab-sebab rasa tidak puas hati ialah gaji yang rendah, tidak menggunakan kemahiran sepenuhnya dan kurangnya program pembangunan kakitangan.

The extent of satisfaction by an individual with his career constitutes an essential and important element in his motivational structure which, if understood, can give invaluable insights into his work performance (Onadiran, 1988).

Kajian Onadiran (1988) mendapati semua pustakawan yang bekerja di perpustakaan akademik mengatakan "sangat puas hati" atau "puas hati". Keputusan ini membuktikan bahawa pustakawan di perpustakaan akademik menikmati pendapatan dan kedudukan yang lebih baik berbanding perpustakaan lain. Amat menyedihkan beliau kerana, terdapat

sejumlah besar pustakawan di perpustakaan khusus dan awam yang tidak puas hati (30 orang atau 24.2 %). Seseengah kes di perpustakaan awam kenaikan pangkat bergantung kepada senioriti dan sistem yang sedemikian rupa disuarakan oleh graduan sebagai mengecewakan. Malah kurang koleksi yang bagus dan kerja-kerja yang tidak mencabar juga menambahkan lagi kekecewaan itu.

2.6.4 Tidak bekerja dan pengangguran

Dalam semua kajian graduan terdapat berlakunya pengangguran atau keadaan situasi graduan yang tidak bekerja semenjak penggraduahan. Sebab-sebab yang dinyatakan adalah berhenti, sedang aktif mencari pekerjaan, keluarga, kesihatan, menyambung pengajian dan perubahan pasaran buruh. Detlefsen dan Olson (1990) mendapati graduan yang tidak bekerja kebanyakannya wanita yang memilih komitmen keluarga berbanding kerjaya. Satu aspek lain kajian ini ialah graduan yang 'lari' ke bidang lain. Menurut beliau, mereka ini terdiri daripada guru sekolah rendah dan menengah, menjadi pentadbir di fakulti dan universiti, berkerjaya di bidang profesional bukan perguruan, separa profesional dan bukan profesional.

Kajian Pors (1990) telah memeriksa corak pengambilan pekerjaan, pasaran buruh dan pilihan pelajar di Denmark. Esei Pors yang diterbitkan pada 1994 mengatakan bahawa "sepanjang 15 tahun lepas, pengangguran di kalangan pustakawan di Denmark agak tinggi. Dalam pertengahan tahun 1980-an, paras pengangguran adalah antara 15 dan 20 %. Sekarang (1990) adalah 10-12 %. Dalam situasi sekarang perpustakaan awam mengalami penurunan dalam pengambilan kakitangan, sementara swasta dan sektor

bukan tradisional seperti perpustakaan penyelidikan semakin penting. Tahun-tahun kebelakang juga menyaksikan sektor swasta merupakan majikan utama calon-calon kita. Walau bagaimanapun, bukanlah satu perkara yang mudah untuk mendapat kerja dalam sektor swasta. Pustakawan bersaing dengan banyak profesion lain. Sebilangan besar pustakawan yang bekerja di syarikat swasta berusaha lebih aktif lagi untuk mengukuhkan pekerjaan mereka. Sebilangan besar memilih pekerjaan dalam keadaan penuh persoalan hanya kerana keinginan, namun mereka berpuas hati. Pemilihan pengkhususan yang dipilih di Royal of Librarianship juga membawa akibat kurangnya peluang pekerjaan. Pengambilan pekerja yang pengkhususan subjek yang berorientasi perpustakaan awam adalah kurang. Paras pengangguran di kalangan mereka (yang mengkhusus dalam subjek berorientasi perpustakaan awam) lebih tinggi daripada mereka yang mengkhusus dalam subjek-subjek tradisional seperti pengelasan, pengindeksan, bibliografi dan teknologi maklumat moden. Beliau juga mengatakan bahawa pelajar kena sedar akan perubahan dalam aliran pasaran buruh terutama sepertimana yang dialami oleh banyak negara. Oleh itu, pembinaan kurikulum yang mencampurkan disiplin teras tradisional dengan teknologi maklumat dan subjek pemasaran telah juga mendatangkan masalah. Justeru itu, dalam esei Pors (1994) yang sama, beliau menyarankan pendidikan berasaskan penyelidikan dalam kurikulum dengan harapan calon boleh menyertai proses perubahan dan mengelak keterlaluan teori atau kekurangan kemahiran praktikal. Pendidikan berasaskan penyelidikan juga boleh dilakukan dengan kemahiran lembaran kerja yang berbeza-beza.

2.6.5 Pemilihan bidang sains maklumat dan perpustakaan

Sesetengah kajian mendapati kemasukan ke pengajian sains maklumat dan perpustakaan memerlukan pengalaman kerja di perpustakaan atau pusat maklumat. Ada institusi yang mensyaratkan pengalaman sebagai syarat untuk memasuki institusi berkenaan. Kajian Genoni, Exon dan Farrelly (2000) menunjukkan ramai daripada kalangan graduan sarjana muda berasal dari sektor perkhidmatan sosial ini. Ramai daripada mereka kemudiannya, menyambung perkhidmatan atau ditempatkan ke bahagian yang lebih baik dengan penambahan pengalaman yang dimiliki setelah mendapat ijazah. Aina dan Moahi (1999) mendapati ramai graduan mempunyai pengalaman kerja di perpustakaan negara/awam, dan perpustakaan universiti serta kebanyakan graduan mendapat penajaan untuk melanjutkan pelajaran. Di University of Sheffield, mereka yang memilih MA dalam program kepustakawanan mempunyai sekurang-kurang setahun pengalaman bekerja kerana ia menjadi syarat kemasukan universiti (Loughbridge, Oates dan Speight, 1996). Kajian Kisiedu (1993) mendapati 52.6% mengatakan mereka adalah guru perpustakaan atau pembantu perpustakaan sebelum memasuki pendidikan sains maklumat dan perpustakaan. Kajian Onadiran (1988) pula menyentuh soal sebab-sebab pengambilan program *Bachelor of Library Science* di Ahamdu Bello University, Nigeria. Menurut beliau, disebabkan peluang pembelajaran yang terhad, ijazah dianggap passport kepada status hidup yang lebih baik kerana persaingan untuk pendidikan tinggi sangat sengit. Dalam keadaan sosio ekonomi Nigeria pada masa itu (1993), minat merupakan pilihan kedua dalam memilih profesion. Walau bagaimanapun, keputusan Onadiran mendapati 63.5% responden menyatakan "minat dalam kepustakawanan", "untuk meningkatkan diri" (60.3% responden), sebagai kriteria memilih program pendidikan sains maklumat

dan perpustakaan. Selain daripada itu, “untuk menjadikan kelulusan lebih akrab dengan rakan atau paras sosial” dan “rakan telah pun mempunyai kelayakan sains perpustakaan” juga menjadi kriteria untuk pemilihan pendidikan sains maklumat dan perpustakaan di Nigeria.

Kajian Brenda White Associates (1986) mendapati graduan MA program kepustakawanan di University of Sheffield melihat program sarjana memberi pilihan yang lebih baik daripada kursus diploma kerana ianya lebih akademik, dan tempoh pengajian ialah satu tahun. Bagi mereka yang mengambil kursus ini, mereka melihat sarjana ini sebagai pintu masuk kepada pekerjaan dalam bidang sains maklumat, dan juga sebagai kelayakan yang baik untuk mencari pekerjaan yang dikatakan semakin popular dan mencabar. Bagi menguji sebab-sebab sesetengah kursus dipilih pula, mereka menguji 4 pilihan jawapan. Keputusan untuk program sarjana mendapati sebab utama mengambil kursus sarjana ialah kerana ia menawarkan sesuatu yang mereka mahukan, dan ditawarkan mengikut permintaan. Keselesaan geografi juga penting memandangkan program sarjana yang bersifat separuh masa memudahkan mereka yang bekerja sepenuh masa mengikuti program dengan selesa. Sokongan kewangan bukanlah sebab utama untuk memilih sesuatu program atau kursus. Tiada pilihan yang dihadapi dalam situasi pelajar MSc yang berasal daripada diploma lanjutan juga merupakan sebab.

2.6.6 Kerelevanan kursus dalam program pendidikan sains maklumat dan perpustakaan dengan pekerjaan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai aspek kerelevanan kursus dengan pekerjaan; kursus-kursus yang ditawarkan adalah agak berbeza mengikut nama program iaitu sarjana muda, diploma lanjutan dan sarjana. Kursus berkenaan pengkomputeran dan IT sentiasa mendapat sambutan dan relevan kepada kerjaya dan ini diikuti kursus-kursus seperti pengurusan dan lain-lain. Oleh kerana, sebilangan besar responden dalam kajian bekerja dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan, keputusan kerelevanan mempunyai banyak persamaan dan sedikit perbezaan antara satu sama lain. Selain daripada itu, keterlaluan dalam teori dan kekurangan latihan praktikal turut disentuh untuk melihat sama ada kurikulum berada di atas landasan yang betul. Tetapi, ada alasan tertentu yang diberikan oleh para pembangun kurikulum untuk membuat kurikulum sedemikian rupa.

Kajian Aina dan Moahi (1999) mendapati ramai responden graduan sarjana muda mengatakan 3 subjek teras iaitu pemasaran maklumat (100%), kaedah penyelidikan (88.9%) dan teknologi maklumat (88.9%) adalah sangat relevan dengan pekerjaan mereka. Bagi kursus pilihan pula, capaian semula maklumat adalah dianggap relevan. Lain-lain kursus pilihan seperti kehendak maklumat masyarakat, kehendak maklumat sektor khusus, perancangan dan perekaan infrastruktur perpustakaan dianggap tidak relevan. Responden mencadangkan supaya kursus dipelbagaikan seperti praktikal teknologi maklumat, penerbitan, pengawetan, penyimpanan serta pemuliharaan, statistik, teknologi media, ekonomi dan belanjawan perpustakaan. Lebih kurang 67.7% responden

berpuas hati dengan kandungan kursus teknologi maklumat. Mereka yang tidak berpuas hati menyatakan subjek tergesa-gesa, terlalu sedikit latihan praktikal dan teori yang keterlaluan adalah punca ketidakpuasan. Kebanyakan kursus adalah relevan bagi graduan program diploma lanjutan terutama sekali organisasi dan capaian semula maklumat (83.3%) dan sumber-sumber maklumat (66.7%). Walau bagaimanapun, kursus projek belajar sendiri dianggap tidak relevan oleh responden. Kerelevanan di sini bermaksud kemahiran dan pengetahuan teori semasa kursus diaplikasikan kepada kerjaya sekarang.

Kajian Rugambwa (1998) pula mendapati, program *SISA* adalah sangat relevan kepada bidang pekerjaan di dalam dan luar negara. Lebih kurang 85.7% daripada mereka menyatakan kurikulum *SISA* adalah sangat kukuh, beroreintasikan teknologi maklumat dan relevan dengan permintaan guna tenaga. Namun begitu, tidak semua kursus tersedia kepada semua responden. Hanya sebilangan kecil yang mengambil kursus elektif ditawarkan. Hanya 28.6% daripada kalangan responden mencadangkan agar kaedah penyelidikan dan kaedah kuantitatif untuk pengajian maklumat disatukan sahaja. Mereka mengatakan ini akan mengurangkan masa untuk mendalami analisa sistem maklumat, modul perekaan dan penilaian, dan modul penstoran maklumat dan modul capaian semula. Sebanyak 94.3% responden mengatakan subjek teras berikut adalah sangat berguna untuk kerjaya mereka iaitu : pengenalan kepada sains maklumat, kaedah penyelidikan, pengguna maklumat, teknologi maklumat, penstoran dan capaian semula maklumat, sistem maklumat dan perkhidmatan untuk pembangunan Afrika, analisis sistem maklumat, perekaan & penilaian, pengurusan sistem maklumat dan perkhidmatan

dan tesis. Manakala, subjek elektif yang dianggap sangat berguna ialah pengautomatan perpustakaan/sistem maklumat, sistem geografi maklumat (GIS) dan sistem maklumat dan perkhidmatan dalam perniagaan & industri.

Kajian Qurmbay, Willett dan Wood (1998) mendapati elemen kursus MSc yang dianggap sangat berguna adalah daripada rujukan Internet hinggalah kepada praktikal pengkomputeran dan perekaan pangkalan data. Hanya sebilangan kecil sahaja graduan menyatakan kursus pengurusan maklumat, capaian kembali maklumat dan teori pengurusan berguna kepada kerjaya mereka. Subjek yang didapati tidak diajar dalam program ini adalah pengaturcaraan komputer, kemahiran konvensional perpustakaan, komunikasi, penyeliaan dan kemahiran kerja berpasukan atau *team-building*. Namun begitu, jika diselidiki, subjek-subjek ini sebenarnya ditawarkan tetapi, merupakan subjek elektif.

Dalam kajian Latham, Burnett dan Burnett (1996) mengenai aspek kerelevanan pula, responden memberikan jawapan yang pelbagai. Walau bagaimanapun, mereka yang sedang bekerja mengatakan satu atau lebih kursus pengajian maklumat berguna kepada pekerjaan mereka. Kajian Loughbridge, Oates dan Speight (1996) mengatakan kursus yang dikatakan sangat berguna dan relevan dalam pekerjaan pertama adalah juga berguna kepada pekerjaan pertama dan seterusnya. Kursus pengurusan misalnya, dianggap lebih berguna dan relevan kepada pekerjaan kedua dan seterusnya berbanding pekerjaan pertama mereka. Manakala kursus yang berkaitan praktikal komputer dan sumber maklumat lebih berguna kepada pekerjaan pertama sementara kursus pengurusan dan

sumber maklumat terus berguna bagi jawatan-jawatan seterusnya. Aspek keterlaluan teori berlaku dalam kursus teknologi maklumat dan pengurusan. Manakala aspek kekurangan pula berlaku dalam praktikal kerja rujukan, pertanyaan, pengkatalogan, kemahiran teknologi maklumat, pengurusan kewangan dan belanjawan.

Pandangan kerelevanan sesuatu subjek kepada pekerjaan seseorang individu adalah berbeza antara satu sama lain mengikut jawatan dan tugas. Kajian Kisiedu (1993) menunjukkan kursus pengkatalogan dan pengelasan mencapai tahap kerelevanan yang tertinggi sekali, diikuti sains maklumat, rujukan dan perkhidmatan bibliografi. Sementara itu, hanya seorang menyenaraikan bahawa kursus pembangunan koleksi dan pengurusan dan pratikum perpustakaan sebagai relevan sekali. Lawatan tidak dianggap sebagai sangat relevan. Kursus pengurusan tidak dianggap sebegitu penting tetapi kebanyakan respondennya mengetuai organisasi masing-masing. Kursus perpustakaan dalam masyarakat dianggap kurang relevan dan ada sesetengah graduan meminta agar kursus tersebut digugurkan sahaja daripada kurikulum. Terdapat kekurangan dalam komponen praktikal di dalam program ini, terutamanya praktikum dan kekurangan lembaran kerja komputer dalam sains maklumat. Manakala keterlaluan teori terkandung dalam kursus pengkatalogan dan pengelasan. Keputusan kajian ini menyamai keputusan dalam kajian Alemna (1993) dan Alemna (1991)

Dalam kajian Alemna (1993), keputusan yang sama didapati dengan kajian Alemna (1991). Alemna (1993) mencatatkan pandangan graduan mengenai kursus dan

diantaranya responden menyatakan “sepatutnya dibanyakkan lawatan ke perpustakaan untuk mengukuhkan lagi keakademikan kursus ini”; “mencadangkan praktis di School of Communication di mana pelajar ditempatkan selama 3 bulan”; dan “kursus terlalu teoritikal, lebihkanlah praktikal, kerja kajian kes dan lawatan ke perpustakaan dan unit maklumat.”

Kajian Alemna (1991) pula mendapati subjek yang paling penting dan relevan adalah subjek rujukan dan perkhidmatan bibliografi, pembangunan koleksi dan pengkatalogan dan pengelasan. Ini diikuti dengan subjek pengurusan, sains maklumat dan pengalaman bidang atau latihan kepustakawanan..

Keputusan yang hampir sama ditemui dalam kajian Onadiran (1988) di mana kebanyakan responden selesa bekerja di unit pengkatalogan (84.7%), rujukan (81.5%) dan sirkulasi (75.1). Ramai yang mengatakan “susah bagi saya”; “pasti akan menyukai untuk bekerja”; dan “tidak akan bekerja, tanpa latihan”, untuk unit pandang-dengar. Onadiran berpendapat pendidikan perpustakaan sepatutnya sudah cukup bagi menyediakan pelajar untuk berfungsi dalam persekitaran teknologi maklumat. Begitu juga dalam persoalan program sains perpustakaan sebagai persediaan kepada kerjaya di bidang sains maklumat dan perpustakaan, ramai responden menyatakan bahawa latihan untuk bekerja di unit pembangunan koleksi, unit pengkatalogan, unit sirkulasi dan unit rujukan “adalah sangat baik” atau “baik” manakala bagi kerja di bahagian unit pandang-dengar hanya 26.5% responden yang mengatakan demikian. Ini bermakna ramai bekas pelajar memerlukan bantuan dalam kerja-kerja berkaitan dengan pandang-dengar.

2.6.7 Pendidikan berterusan, latihan dan aktiviti profesional

Rangkaian subjek dan format pengalaman pengajian memberikan kepelbagaian dalam pendidikan berterusan. Terdapat program ijazah sarjana separuh masa, kursus-kursus formal yang mempunyai tempoh masa yang pelbagai, persidangan dan sekolah hujung minggu.

Dalam kajian Genoni, Exon dan Farrelly (2000) didapati bahawa sejumlah graduan yang menyambung pengajian berpendapat kelulusan tambahan semakin penting sama ada dalam bentuk menyambung pengajian bagi bidang sains maklumat dan perpustakaan atau disiplin lain. Pendidikan berterusan boleh meningkatkan prospek profesionalisme seperti kursus pengurusan atau pengkomputeran. Keadaan ini menyaksikan impak pendidikan pasca siswazah ke atas pembangunan profesionalisme. Ocholla (2000) menyata

....in order to achieve this, they recognize the need for further professional development through formal and informal education and training and to gain experience and exposure in order to provide effective service to the community. Similarly, they recognize the need for computer skills and Information technology.

Quarmby, Willett dan Wood (1998) mendapati bentuk pendidikan profesional ialah menghadiri latihan untuk Library Association Chartership; menghadiri seminar perpustakaan atau persidangan atas talian, dan menjadi ahli British Computer Society. Walau bagaimanapun, sebilangan besar latihan disediakan dalam persekitaran kerja, termasuklah kursus mengenai pangkalan data, pencarian atas talian dan penerbitan Internet.

Latham, Burnett dan Burnett (1996) telah mengkaji alumni dan daripada 20 orang graduan, 5 orang didapati menyambung pengajian dalam program sarjana pengajian maklumat dan seorang telah mengambil kursus ijazah pertama sekali lagi tetapi dalam bidang berlainan. Namun begitu, 70% mengatakan mereka ingin menyambung pengajian dalam *Master of Business Administration* (MBA) - pengurusan sistem maklumat (50%), pengajian maklumat, komunikasi dan sains komputer (masing-masing 14%) dan antara muka komputer (8%).

Kajian Universiti of Sheffield telah menyentuh mengenai pembangunan profesional. Kajian Loughbridge, Oates dan Speight (1996) pula memperkatakan mengenai keperluan pembangunan profesional dan kelayakan tambahan. Hasil kajian menunjukkan pelbagai keperluan yang dikenal pasti dan ianya bermula daripada teknik pengurusan kewangan dan perniagaan, pengetahuan subjek dan penulisan, pengeditan, bahasa serta kemahiran pengajaran. Keperluan utama yang disenaraikan ialah pengurusan, sumber manusia, pengurusan kewangan, pengurusan projek, pengurusan tekanan dan kerja berpasukan atau *team-building* serta teknologi maklumat. Kemahiran teknologi maklumat sangat penting kepada sebilangan besar responden seperti kesedaran CD-ROM, eksploitasi perisian, Internet, *WANs* (*Wide Area Networks*), *LANs* (*Local Area Networks*) serta lain-lain.

Menurut Kisiedu (1993), pembiayaan tempatan untuk kursus sarjana dan kedoktoran adalah majikan seperti universiti atau perpustakaan khusus termasuklah University of Ghana, University of Science and Technology, Kumasi, dan Council for Scientific and Industrial

Research (CSIR). Manakala, British Council dan beberapa pertubuhan lain menaja mereka yang menyambung pengajian ke luar negara. Ghana Library Association telah menganjurkan Biennial Congresses, Annual General Meetings dan lain-lain mesyuarat dalam kalendar pendidikannya. Penaja persidangan/kursus pendek pula kebanyakannya adalah dari negara asing seperti British Council, International Development Research Council (IDRC), Unesco, USAID, Pan African Development Information System (PADIS), German Foundation for International Development (DSE) dan ITC UNCTAD/GATT.

Satu perkara penting dalam menisbahkan pembangunan kerjaya berterusan adalah bilangan kerja kursus rasmi yang dihadiri selepas menyempurnakan program sarjana muda dalam sains maklumat dan perpustakaan (Onadiran, 1988). Hanya sebilangan kecil sahaja daripada kalangan graduan sarjana muda menyambung pengajian di peringkat sarjana atau kedoktoran. Menurut beliau, sistem perkhidmatan awam di Nigeria tidak menggalakkan kakitangan mengikuti pendidikan berterusan. Sungguhpun demikian, daripada kalangan mereka yang meneruskan pengajian, mereka akhirnya menjadi pendidik dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan.

Pendidikan berterusan adalah satu amalan biasa untuk seseorang individu meningkatkan pengetahuan dan kemahirannya. Kajian Brenda White Associates (1986) mendapati responden menyatakan pendidikan berterusan berguna dan memberangsangkan, dan dalam sesetengah kes, pendidikan berterusan diperlukan untuk kemajuan kerjaya mereka. Pendidikan berterusan diambil terutamanya dalam bidang komputer dan teknologi

maklumat. Bagi kursus, persidangan dan pelbagai perjumpaan, didapati kursus atas talian yang paling digemari. Kursus ini dianjurkan oleh hos pangkalan data seperti Lockheed dan BRS. Manakala, badan profesional yang menganjurkan kursus-kursus adalah seperti Association of Assistant Librarians, Youth Libraries Group dan ASLIB.

Aktiviti profesional bagi responden dalam kajian Quarmby, Willett dan Wood (1998) ialah artikel dan ulasan buku yang telah diterbitkan dalam *ARIADNE*, *Aslib Proceedings*, *Assistant Librarian Journal*, *Journal of Information Science*, *Library Association Record*, *New Review of Information Networks* dan *Yorkshire Post*. Lebih separuh yang pernah membuat pembentangan merupakan pembentangan berkaitan kerja, daripada di peringkat atasan hinggalah ke pengurusan senior atau ahli lembaga pengarah. Pembentangan yang pernah dibuat adalah untuk Institute of Personnel, di satu persidangan Eropah mengenai diabetes, Scottish Library Association, Institute of Information Scientist, Library Association, di Aslib Engineering Conference dan di bengkel eLib.

Kajian graduan MA Sheffield (Loughbridge, Oates dan Speight, 1996) menepati jangkaan bahawa sebilangan besar responden menganggotai Library Association. Terdapat lebih 30 organisasi dan kumpulan profesional yang disebutkan dan kebanyakannya merupakan kumpulan di bawah Library Association atau kumpulan khusus. Loughbridge, Oates dan Speight (1996) juga membahagikan keahlian organisasi profesional kepada Library Association, Institute of Information Scientist dan Aslib.

Menurut Brenda White Associates (1986) keahlian dan pembabitan aktif dalam badan profesional boleh diukur, atau sekurang-kurang dapat mencerminkan tahap komitmen dan keinginan seseorang untuk maju dalam profesionnya. Terdapat 3 pembabitan dalam badan profesional iaitu keahlian pasif, keahlian aktif dan pembabitan aktif. Library Association merupakan badan yang paling ramai keahlian daripada kalangan graduan dan lain-lain badan profesional pula ialah seperti Information Technology Group, Scottish Library Association, Association of Assistant Librarians dan Youth Libraries Group.

2.7 Rumusan

- a) Bilangan kajian susulan graduan program sarjana sains perpustakaan dan maklumat kurang dilakukan di Malaysia. Berdasarkan ulasan kesusteraan untuk kajian ini, kajian dibuat dalam guna tenaga perkhidmatan perpustakaan dan maklumat. Bidang sains maklumat dan perpustakaan masih lagi ketandusan kajian bersifat menjejaki graduan sarjana khususnya di peringkat tempatan.
- b) Kajian susulan boleh diuji ke atas pelajar yang masih menuntut, dan graduan dipelbagai peringkat pengajian tinggi iaitu ijazah pertama, diploma lepasan ijazah, dan ijazah lanjutan.
- c) Pembangunan kerjaya profesional dan pendidikan profesional secara tidak langsung diulas dalam ulasan kesusasteraan ini. Graduan sarjana iaitu skop populasi dalam kajian biasanya sudah bekerja dan mempunyai kelayakan ijazah pertama yang profesional.

- d) Kajian susulan mengimbas ingatan dan aplikasi pengetahuan dan kemahiran sains perpustakaan dan maklumat yang dipelajari di fakulti dengan pekerjaan. Kajian susulan penting kerana ia mengumpul maklumat dan maklum balas sebagai satu cermin kepada pembinaan kurikulum yang sesuai dengan pasaran kerja sekarang.
- e) Ulasan kesusasteraan memperkenalkan secara tidak langsung kaedah penyelidikan yang boleh diuji dalam kajian ini.

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Jenis kajian yang digunakan untuk pengumpulan data ialah kaedah peninjauan. Kajian jenis peninjauan boleh didefinisikan sebagai strategi sesuatu kajian di mana seseorang mengumpul data daripada semua atau sebahagian satu populasi untuk menilai insiden relatif tentangnya, penyebaran, dan kaitan antara hubungan yang mengakibatkan pembolehubah (Kidder and Judd, 1986).

Perkataan peninjauan bermaksud melihat-lihat sesuatu atau memandang-mandang ke hadapan atau dalam kata lain mengamati. Pengamatan yang dibuat sepanjang tempoh kajian tidak dihadkan kepada fizikal semata-mata. Jika kajian peninjauan dilakukan dengan betul, ia dapat menggambarkan keseluruhan satu kumpulan yang lebih besar walaupun ia daripada tinjauan satu kumpulan kecil terpilih. Kumpulan kecil tadi dirujuk sebagai sampel. Manakala kumpulan besar pula dikenali sebagai populasi; ia mestilah didefinisi dengan jelas, dihadkan dengan khusus, dan dipilih secara teliti (Powell, 1991).

Pemerhatian atau pengukuran yang dibuat semasa tinjauan menghasilkan data. Data ini boleh bias atau berat sebelah. Keadaan bias ini timbul hasil daripada rekaan kajian dan akibat lain-lain proses pemeringkatan kajian. Akhirnya, seperti kebanyakan kajian, kesimpulan dibuat berdasarkan data-data yang dikumpul, dianalisis dan dibentang secara

sistematik. Metodologi peninjauan deskriptif dipilih untuk kajian bekas graduan MLIS ini untuk menceritakan kriteria-kriteria populasi kajian, mengukur sukatan dalam populasi, membuat ramalan-ramalan khusus, dan menguji perhubungan-perhubungan (Powell, 1991).

3.2 Pengulangan pernyataan masalah

Sejak program MLIS Universiti Malaya dipindahkan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat pada permulaan sesi pengajian November 1994, belum ada lagi kajian graduan dijalankan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan itu bagi menjejak bekas graduan MLIS Universiti Malaya. Maklumat berbentuk fakta dan pandangan graduan dikaji untuk mendapatkan gambaran keberkesanan program MLIS kepada pembangunan kerjaya dan aktiviti graduan.

3.3 Teknik pengumpulan data

Dalam kajian ini, teknik pengumpulan data yang digunakan untuk kaedah peninjauan ialah penyelidikan perpustakaan dan soal selidik. Peringkat teknik pengumpulan data merupakan peringkat yang agak kritikal. Oleh itu, bias atau berat sebelah perlu diperhatikan dan diperjelaskan. Leedy (1980) menyatakan data dalam kajian tinjauan deskriptif selalunya mudah terdorong kepada kesalahan pembentangan melalui pengenalan yang bias dalam rekaan kajian. Perhatian khusus patut diberikan untuk mengawas data daripada dipengaruhi oleh bias.

Leedy (1980) mendefinisikan bias sebagai sebarang pengaruh, keadaan, atau set keadaan, yang secara seorang atau bersama-sama yang boleh menyebabkan kesalahan kepada persembahan data atau kekaburan pada data dalam keadaan di mana sepatutnya peluang data yang diperolehi dalam keadaan asli.

Bias boleh berlaku dalam kajian pada beberapa peringkat, termasuklah semasa pensampelan dan aktiviti pengumpulan data. Bias sukar dielakkan, tetapi sekiranya bias berlaku dalam keputusan, ia akan diberitahu terlebih dahulu dan pengkaji akan menyatakan bagaimana bias memberi kesan kepada keputusan kajian.

3.3.1 Penyelidikan perpustakaan

Kaedah penyelidikan perpustakaan dilakukan untuk meninjau kesusasteraan. Tinjauan kesusasteraan dilakukan untuk membangunkan hipotesis berdasarkan kajian-kajian lepas, yang mungkin mencadangkan kajian-kajian lanjutan. Dalam kes-kes terdahulu, tinjauan kesusasteraan menyokong kajian-kajian yang menyusulnya berbanding pengajian tentang kajian itu sendiri (Powell, 1991).

Kaedah menggunakan sumber-sumber dokumentari ini melibatkan penggunaan data-data yang terkumpul daripada sumber kajian lain. Kajian-kajian berkaitan yang telah dilakukan sebelum ini oleh pengkaji lain boleh memberikan maklumat asas yang diperlukan. Antara sumber-sumber dokumentari yang digunakan dalam penyelidikan ialah buku-buku, jurnal ilmiah, laporan, rekod jabatan, kertas-kertas seminar, mikrofilem, alat-alat penyiaran akhbar dan lain-lain. Kebanyakan sumber ini dapat diperolehi di

perpustakaan. Kaedah penyelidikan ini disebut juga sebagai penyelidikan perpustakaan. (Kamarudin dan Roslim, 1990). Melalui penyelidikan perpustakaan, kesusasteraan mengenai kajian lepas dapat dikumpul dan diulas. Tinjauan kesusasteraan membolehkan indikator berkaitan persoalan kajian dibuat dan disusun.

Pangkalan data yang dirujuk untuk kajian bekas graduan MLIS FSKTM Universiti Malaya 1997 – 2001 ialah OPAC Perpustakaan Universiti Malaya. *Library of Congress Subject Headings* dirujuk untuk mengetahui jumlah rekod bibliografi mengenai pendidikan sains maklumat dan perpustakaan di Malaysia. Dengan menggunakan kunci *subject, Library education--Malaysia--Congresses(LC)*, terdapat 1 rekod yang dicapai. Manakala bagi kunci, *subject, Library education--Malaysia*, terdapat 16 rekod yang dicapai. Lain-lain kunci *subject* yang digunakan ialah *Education, Higher--Malaysia*, *Library education--Great Britain--Evaluation* dan *Library education(Continuing education) --Congress*. Kesemua jumlah rekod yang dicapai ialah 89 rekod. Daripada 89 rekod bibliografi hanya 11 rekod bibliografi yang disusun dan diperolehi untuk penulisan ulasan kesusasteraan.

Selain OPAC, pangkalan data langganan atas talian juga dirujuk untuk mengetahui kajian lepas yang dilakukan di seluruh dunia. Pangkalan data *Library Literature & Information Science Full Text Only (WilsonWeb)* telah di akses melalui laman web Perpustakaan Universiti Malaya. Kata kunci yang digunakan ialah "*follow up study*".

Oleh kerana, kajian bekas graduan dibuat dengan pelbagai nama dan tajuk, kata kunci lain juga telah digunakan iaitu "*employment*", "*graduate*", "*library education*" dan "*information science education*" dan lain-lain. Melalui kata kunci "*follow up study*" terdapat 13 rekod bibliografi yang dicapai dan 3 daripadanya adalah berkaitan dengan tajuk kajian bekas kajian. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak efektif kerana penulis tidak dapat memperolehi maklumat bibliografi yang tepat kerana kajian bekas graduan dibuat dengan pelbagai nama dan tajuk dalam bahasa Inggeris untuk disesuaikan dengan pemahaman bahasa Malaysia. Cara yang efektif ialah melalui rujukan artikel dibahagian akhir penulisan artikel kajian yang membawa penulis menjelajah ke banyak kajian-kajian yang serupa.

Selain daripada OPAC dan *LISA Online*, kaedah pencarian enjin gelintar Internet bagi kata kunci "*follow up study*" dan "*library and information science*" turut menghasilkan 1 teks penuh kajian bekas graduan iaitu oleh Ocholla (2000). Rujukan bibliografi yang digunakan dalam kajian Ocholla (2000) telah memberi petunjuk kepada kajian bekas graduan lain. Daripada 19 rujukan bibliografi yang digunakan oleh Ocholla (2000), 7 rujukan menepati kajian bekas graduan dan digunakan dalam penulisan ulasan kesusasteraan. Begitulah seterusnya, sehingga akhirnya penulis dapat mengumpul 16 artikel yang menyerupai atau berkaitan dengan kajian bekas graduan.

3.3.2 Soal selidik

Soal selidik kajian susulan graduan MLIS (Lampiran 1) dihasilkan berpandu rujukan soal selidik graduan sarjana oleh Brenda White Associates (1986) dan soal selidik

graduan diploma lanjutan oleh Alemna (1991). Soal selidik Brenda White Associates penting kerana soal selidikanya lengkap untuk mengkaji aspek keberkesanan satu-satu program pendidikan sains maklumat dan perpustakaan serta pembangunan kerjaya serta aktiviti profesional graduan. Manakala, soal selidik Alemna pula penting kerana situasi sosio-ekonomi dan politik negara beliau hampir sama dengan Malaysia. Jadi, kedua-dua soal selidik ini saling mengimbangi kekurangan antara satu sama lain untuk diimplementasi dalam soal selidik graduan MLIS Universiti Malaya ini.

Soalan-soalan untuk soal selidik kajian susulan bekas graduan MLIS terdiri daripada beberapa gabungan jenis soalan iaitu :

- a) Soalan berbentuk fakta; responden dikehendaki mencatat fakta mengenai diri mereka. Contoh : Bahagian A.
- b) Soalan pandangan dan sikap; responden dikehendaki mencatat pandangan atau komen. Contoh : Bagi anda yang membuat dissertasi. Apakah tajuk dan komen anda mengenai pengalaman membuatnya?
- c) Soalan aneka pilihan. Contoh : Adakah pekerjaan ini diperolehi dengan kelayakan MLIS. ☒ Ya ☐ Tidak
- d) Soalan deskriptif. Contoh : Nyatakan Deskripsi ringkas tugas dan tanggungjawab harian pekerjaan.
- e) Soalan subjektif, contoh : Faktor-faktor memilih pekerjaan ini. (Tuliskan 3 faktor utama)
- f) Soalan skala, di mana responden dikehendaki menjawab soalan berdasarkan skala yang dinyatakan. Contoh : Tahap kepuasan pekerjaan : ☐ Sangat berpuas hati

☐ Puas hati ☐ Tidak puas hati

Kajian bekas graduan ini boleh dibahagikan kepada 7 kategori iaitu :

- a. Pilihan sains maklumat dan perpustakaan sebagai kerjaya.
- b. Destinasi pekerjaan dan jenis majikan.
- c. Tahap kepuasan.
- d. Pengangguran/tidak bekerja.
- e. Pilihan pendidikan sains maklumat dan perpustakaan.
- f. Kerelevanan kursus dalam program pendidikan sains maklumat dan perpustakaan dengan pekerjaan.
- g. Pendidikan berterusan, latihan dan aktiviti professional.

Reka bentuk soal selidik dibahagi kepada 5 bahagian iaitu :

- Bahagian A : Maklumat peribadi akan memberi maklum balas persoalan I.
- Bahagian B dan C : Maklumat pekerjaan akan memberi maklum balas persoalan II.
- Bahagian D : Maklumat MLIS akan memberi maklum balas kepada persoalan III dan V.
- Bahagian E : Maklumat pendidikan berterusan dan aktiviti profesional akan memberi maklum balas kepada persoalan IV.

3.4 Kesahihan soal selidik

Soal selidik bagi kajian ini dihasilkan berdasarkan soal selidik kajian **graduan oleh** Brenda White Associates (1986) dan Alemna (1991) Bagi menjadikan soal selidik ini sesuai untuk bekas graduan MLIS dan suasana persekitaran sosio ekonomi tempatan, soal selidik diubahsuai dengan penyelia dan dua orang bekas graduan MLIS. Hasil daripada penilaian mereka, terdapat beberapa pindaan dan tambahan kepada soal selidik tersebut. Soal selidik menggunakan medium bahasa Malaysia memandangkan semua graduan boleh menguasai bahasa kebangsaan dengan baik.

3.5 Populasi

Sejak program MLIS diperkenalkan di Universiti Malaya pada tahun 1988, tiada rekod atau direktori bekas graduan yang diterbitkan. Maklumat mengenai bekas graduan diperolehi daripada buku konvokesyen tahunan Universiti Malaya dan pensyarah. Saiz bilangan bagi setiap sesi pengajian adalah kecil dan agak mudah untuk mengesan mereka. Antara tempoh tahun 1997-2001, Fakulti telah melahirkan 54 graduan MLIS dan bilangan mengikut negara ialah 49 warganegara Malaysia dan 5 warga asing (Lampiran 2).

3.6 Pentadbiran instrumen

Bagi menyampaikan soal selidik, langkah pertama yang dilakukan ialah mengesan responden.

3.6.1 Cara-cara menjejaki responden

- a) Sumber lisan daripada pensyarah dan rakan sekuliah - beberapa graduan MLIS yang dikenalpasti telah ditemui dan mereka telah memberi maklumat mengenai rakan sekuliah yang mereka kenali.
- b) Sumber elektronik - melalui pencarian kata kunci secara rambang untuk mengakses maklumat graduan. Antara kata kunci yang digunakan ialah nama responden dan institusi yang dipercayai tempat kerja graduan. Cara ini membuahkan hasil kerana beberapa maklumat graduan tersiar di Internet dalam laman web peribadi atau laman web organisasi.
- c) Direktori telefonis - Direktori telefonis dihubungi ditalian 103 (Telekom Malaysia) untuk mengetahui nombor telefon tempat pekerjaan graduan, iaitu berdasarkan maklumat asas daripada rakan sekuliah dan pensyarah. Kemudian, berdasarkan nombor telefon yang diberikan oleh telefonis, tempat pekerjaan mereka dihubungi untuk mendapatkan pengesahan orang dan alamat.
- d) Sumber bertulis iaitu disertasi- Dipercayai sedikit maklumat mengenai responden yang dicatatkan dalam disertasi mereka. Untuk mengetahui tajuk disertasi yang tepat OPAC Perpustakaan Universiti Malaya digunakan.
- e) Pejabat pentadbiran fakulti - Rekod maklumat graduan tahun 2000 dan 2001 masih boleh disemak melalui sistem komputer pejabat pentadbiran fakulti.

3.6.2 Penyebaran soal selidik

Sebanyak 42 salinan soal selidik telah dihantar secara terus dan tepat kepada bekas graduan dengan 2 cara iaitu : pos berselem dan e-mail. Bagi cara pos, soal selidik

dihantar beserta sampul surat beralamat sendiri dan bersetem. Manakala melalui kaedah elektronik pula, cara yang digunakan ialah soal selidik dikirim melalui e-mail secara attachment. 62% graduan memberikan respon. Tempoh masa yang diambil untuk mengesan graduan dan pada masa yang sama mengepos atau mengirim e-mail ialah dua bulan bermula 1 Mac 2002 sehingga 30 April 2002.

3.6.3. Susulan dan peringatan

Soal selidik graduan tidak dihantar secara serentak. Oleh itu, setiap soal selidik yang tidak mendapat maklum balas dalam 3 minggu daripada tarikh pengiriman telah disusul. Teknik susulan ialah dengan cara telefon, e-mail dan pos surat peringatan (Lampiran 3). Dalam tempoh tersebut beberapa panggilan telefon dan e-mail telah dibuat.

3.7 Kaedah Analisis

Langkah-langkah yang digunakan untuk menganalisa statistik ialah mengkategorikan, mengkod, dan membuat pengiraan statistik. Kaedah statistik biasa digunakan dalam tinjauan deskriptif. Maklumat berbentuk data daripada soal selidik yang telah lengkap dicatatkan mengikut kategori-kategori persoalan. Data dipersembahkan dalam bentuk jadual, dikira mengikut peratusan dan dianalisa. Setiap keputusan akan dianalisa dan dibincang seperti dalam Bab 4.

BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan penyelidik telah mengemukakan lima persoalan utama sebagai asas kajian seperti yang penyelidik nyatakan dalam Bab 1. Keputusan kepada persoalan-persoalan tersebut akan dibentangkan dalam bab ini.

4.2 Tinjauan pra - kajian graduan MLIS tahun 1997-2001

Tinjauan pra-kajian telah menghasilkan beberapa keputusan yang relevan untuk digunakan dalam kajian. Tinjauan pra-kajian dilakukan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan bekas graduan dan mengurangkan bias yang mungkin terjadi akibat kekurangan responden yang menjawab soal selidik.

4.2.1 Tahun graduasi

Fakulti telah mengeluarkan 54 orang graduan MLIS dari tahun 1997-2001. Daripada 54 orang graduan ini, 90.7% (49 orang) adalah warga tempatan dan 9.3% (5 orang) warga asing. Berdasarkan Jadual 4.1 bilangan graduan tahun 1998 ialah 19 orang dan tahun 1999 pula 14 orang. Bilangan graduan yang dihasilkan bagi kedua-dua tahun ini paling ramai (68%) berbanding tahun sebelumnya iaitu 1997 (8%) dan tahun selepasnya iaitu 2000 dan 2001 (12%). Bagi 1998 dan 1999, peratus yang terhasil melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan dan ini menunjukkan betapa ramainya bilangan graduan

yang dihasilkan bagi kedua-dua tahun tersebut dibandingkan dengan lain-lain tahun kajian.

Jadual 4.1 Tahun graduasi graduan (n=49)

Tahun	Bilangan	Peratus
1997	4	8
1998	19	39
1999	14	29
2000	6	12
2001	6	12

4.2.2 Jantina

Berdasarkan pecahan bekas graduan mengikut jantina, didapati kaum perempuan melebihi kaum lelaki. Jadual 4.2 menunjukkan daripada 49 orang graduan yang dikenalpasti dari tahun 1997-2001, 59% (29 orang) daripadanya adalah perempuan berbanding 29% (14 orang) graduan adalah lelaki. Oleh kerana tinjauan berdasarkan nama-nama yang dicatatkan dalam buku konvokesyen, penyelidik tidak dapat mengenal pasti jantina 6 orang bekas graduan (12%). Namun begitu, berdasarkan peratusan perempuan dan lelaki, didapati graduan MLIS paling ramai ialah perempuan.

Jadual 4.2 : Pecahan graduan mengikut jantina (n=49)

Jantina	Bilangan	Peratus
Perempuan	29	59
Lelaki	14	29
Tidak dapat dipastikan	6	12

4.2.3 Kerjaya graduan

Tinjauan kerjaya terkini graduan ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Pelbagai usaha dilakukan oleh penyelidik untuk mengesahkan kerjaya terkini graduan. Daripada 49 orang graduan dari tahun 1997-2001, 33% (16 orang) graduan bekerja sebagai pustakawan, 23% (11

orang) guru dan 12% (6 orang pensyarah). Penyelidik tidak dapat mengesan **kerjaya 10** orang lagi graduan.

Jadual 4.3: Pecahan graduan mengikut kerjaya (n=49)

Kerjaya	Bilangan	Peratus
Pustakawan	16	33
Guru	11	23
Pensyarah	6	12
Pegawai pusat maklumat	3	6
Pengurus	2	4
Pegawai sistem maklumat	1	2
Tiada diketahui	10	20

4.2.4 Jenis majikan

Tinjauan berdasarkan jenis majikan sama ada ia institusi atau organisasi bukan kerajaan, atau korporat atau syarikat mendapati, institusi pengajian tinggi adalah institusi terbesar dalam pengambilan guna tenaga di kalangan graduan MLIS iaitu 38% (18 orang). **Jadual 4.4** menunjukkan daripada 18 orang ini, 77.8% bekerja dengan Kementerian Pendidikan Malaysia di universiti awam, politeknik dan maktab perguruan. Manakala yang lain bekerja di universiti swasta, kolej swasta dan di kolej swasta tajaan kerajaan. Institusi sekolah menengah kebangsaan mempunyai 22% (11 orang) graduan yang bekerja di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Organisasi bukan kerajaan atau organisasi korporat ialah Bernama, Kedutaan Amerika Syarikat, Astro Broadcasting, *Malaysian Aids Council* dan Bursa Saham Kuala Lumpur. Manakala, di bawah organisasi lain ialah Perpustakaan Sabah, MAMPU dan di sebuah syarikat buku. Berdasarkan peratus pula, 60% graduan bekerja di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi negara dengan sebilangan besarnya berada di bawah Kementerian

Pendidikan Malaysia. Hanya peratusan yang kecil sahaja mereka yang bekerja dipelbagai jenis organisasi bukan kerajaan, organisasi korporat dan syarikat.

Jadual 4.4 : Pecahan graduan mengikut jenis majikan (n=49)

Jenis Majikan	Bilangan	Peratus
Sekolah menengah kebangsaan	11	22
Institusi pengajian tinggi	18	38
i. Universiti awam (10)		
ii. Universiti swasta (1)		
iii. Politeknik (1)		
iv. Maktab perguruan (2)		
v. Kolej swasta (3)		
vi. Kolej tajaan kerajaan (1)		
Bernama	1	2
Perpustakaan Sabah	3	6
Kedai buku	1	2
Jabatan kerajaan (MAMPU)	1	2
Kedutaan Amerika Syarikat	1	2
Astro Broadcasting	1	2
Malaysian Aids Council	1	2
Tiada maklumat	10	20

4.3 Pengedaran dan pemulangan soal-selidik responden

Terdapat 49 orang bekas graduan yang boleh disampel tetapi, soal selidik hanya dapat diedarkan kepada 42 orang graduan sahaja. Seramai 42 orang yang telah menerima soal selidik, diberi tempoh melebihi 30 hari dan diberi susulan melalui surat, e-mel dan telefon. Hanya 26 orang graduan yang memberi respon. Antara alasan-alasan yang menyebabkan kekurangan respon adalah cuti dalam perkhidmatan kerana sakit, sibuk dan kemungkinan soal selidik tidak diterima. Keputusan kajian ini berkemungkinan bias kerana skop kajian adalah keseluruhan graduan untuk mencapai tujuan dan objektifnya, tetapi penyelidik mengandaikan graduan lain yang enggan memberi respon tidak

berminat dengan kajian ini. Pecahan peratus bagi responden dengan yang tidak memberi respon ialah 62% : 38%.

4.4 Keputusan dan analisa persoalan

4.4.1 Siapa yang telah berjaya mengikuti program MLIS di FSKTM, Universiti Malaya dari tahun 1997-2001?

4.4.1.1 Maklumat peribadi

4.4.1.1.1 Jantina

Daripada segi pecahan responden mengikut jantina graduan perempuan lebih ramai yang memberikan respon berbanding lelaki. Berdasarkan Jadual 4.5, pecahan responden mengikut jantina mendapati 61.5% (16 orang) responden adalah perempuan dan 38.5% (10 orang) responden adalah lelaki.

Jadual 4.5 : Pecahan responden mengikut jantina (n=26)

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	10	38.5
Perempuan	16	61.5
Jumlah	26	100

4.4.1.1.2 Umur

Bagi menentukan umur pula, responden dikehendaki menanda salah satu daripada senarai kategori umur yang diberikan. Daripada 26 orang responden, kategori umur 30-40 dan 40-50 merupakan golongan teramai iaitu 50% (13 orang) dan 34.5% (9 orang).

Jadual 4.6 : Pecahan responden mengikut kategori umur (n=26)

Umur (tahun)	Bilangan	Peratus
20-30	3	11.5
30-40	13	50
40-50	9	34.5
>50	1	3.9

4.4.1.1.3 Kaum

Responden tidak diminta menyatakan kaum mereka, tetapi untuk tujuan kajian, penyelidik membuat siasatan sendiri dan mendapati, responden berstatus bumiputra adalah seramai 50% (13 orang) dengan 46.1% (12 orang) daripadanya adalah etnik Melayu dan 3.9% (seorang) bumiputra Sabah. Diikuti responden berketurunan Cina dan India. Perlu dinyatakan di sini sebelum 1988 tawaran belajar di bidang pengajian sains maklumat dan perpustakaan peringkat pendidikan tinggi pertama di Malaysia hanyalah di Universiti Teknologi MARA yang memberi peluang kepada bumiputra sahaja. Oleh itu, keputusan daripada Jadual 4.7 membuktikan bahawa penubuhan program MLIS menjadikan Universiti Malaya alternatif pendidikan di bidang tersebut.

Jadual 4.7 : Pecahan responden berdasar kaum (n=26)

Kaum	Bilangan	Peratus
Melayu	12	46.1
Cina	9	34.6
India	4	15.4
Bumiputra Sabah/Sarawak	1	3.9

4.4.1.1.4 Tahun pendaftaran

Skop kajian bekas graduan berkisar dari tahun 1997-2001 sahaja, dan bagi pendaftaran program MLIS bermula 1994 dan seterusnya. Berdasarkan Jadual 4.8, tahun 1995 adalah tahun pendaftaran responden paling ramai sekali iaitu 34.6% (9 orang) dan seterusnya tahun 1996 seramai 26.9% (7 orang). Hanya seorang responden yang mendaftar pada

tahun 1994. Pendaftaran tahun 1995 dan 1996 tinggi kerana fakulti telah mengadakan promosi berbentuk surat serta risalah dan ini menggalakkan guru perpustakaan untuk mendaftar kursus.

Jadual 4.8: Tahun pendaftaran dan tahun graduasi responden (n=26)

Tahun pendaftaran	Bilangan	Peratus	Tahun graduasi	Bilangan	Peratus
1994	1	3.9	1997	1	3.8
1995	9	34.6	1998	11	42.3
1996	7	26.9	1999	8	30.8
1997	5	19.2	2000	2	7.7
1998	2	7.7	2001	4	15.4
1999	2	7.7			

4.4.1.1.5 Tahun graduasi

Berdasarkan Jadual 4.8 bilangan responden yang paling ramai mendapat ijazah ialah pada tahun 1998 iaitu dengan 42.3% (11 orang) dan diikuti pada tahun 1999 iaitu seramai 30.8% (8 orang). Keadaan ini tidak bercanggah dengan keputusan sebenar tahun mendapat ijazah graduan tahun 1997-2001 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1 Tahun 1998 dan tahun 1999 merupakan tahun graduasi teramai responden dibandingkan dengan lain-lain tahun kajian.

4.4.1.2 Latar belakang pendidikan tinggi pertama

Berdasarkan kepada ijazah pertama, institusi dan tahun graduasi responden yang dicatatkan, penyelidik telah membina 3 jadual untuk menunjukkan gambaran latar belakang pendidikan pertama responden.

4.4.1.2.1 Bidang pengajian

Responden adalah pelbagai dan berbeza dengan bidang pengajian MLIS. Daripada 26 orang responden, 38.4% (10 orang) berlatarbelakangkan bidang pengajian sastera dan sains sosial. Diikuti pula dengan 23% (6 orang) responden yang berasal daripada bidang sains maklumat dan perpustakaan. Terdapat seorang responden yang tidak menjawab soalan ini (Jadual 4.9) Soal-selidik sejarah pekerjaan responden mendapati responden memegang jawatan sebagai guru atau pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah. Justeru itu, responden diandaikan memiliki kelayakan dalam bidang pendidikan bertaraf diploma lepasan ijazah bagi bidang perguruan.

Jadual 4.9 : Pecahan responden mengikut bidang (n=26)

Bidang	Bilangan	Peratus
Sastera dan sains sosial	10	38.4
Sains maklumat dan perpustakaan	6	23
Sains	3	11.5
Pendidikan	2	7.7
Ekonomi dan pentadbiran perniagaan	2	7.7
Undang-undang	1	3.9
Kejuruteraan	1	3.9
Tiada jawapan	1	3.9

4.4.1.2.2 Tahun graduasi ijazah sarjana muda/diploma

Responden dalam kategori graduasi tahun 1980-an dan 1990-an adalah teramai sekali (Jadual 4.10).

Jadual 4.10 : Graduasi pendidikan tinggi responden mengikut tempoh tahun.

Tahun	Bilangan	Peratus
Sebelum 1980	4	15.4
1981-1989	9	34.6
1990-1999	12	46.2
Tiada jawapan	1	3.8

4.4.1.2.3 Institusi ijazah sarjana muda/diploma

Bagi institusi pengajian tinggi yang dihadiri pada peringkat pendidikan tinggi pertama, kebanyakan responden belajar dipelbagai institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Terdapat seorang yang belajar di universiti luar negara, manakala seorang responden tidak menjawab soalan ini. Pecahan bilangan dan peratus responden mengikut nama dan institusi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11.

Jadual 4.11 : Pecahan responden mengikut bekas institusi (n=26)

Institusi	Bilangan	Peratus
Universiti Malaya	10	39
Universiti Teknologi MARA (sebelum 1997 dikenali sebagai Institut Teknologi MARA)	6	23
Universiti Kebangsaan Malaysia	2	7.6
Universiti Putra Malaysia (sebelum 1999 dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia)	2	7.6
Universiti Sains Malaysia	2	7.6
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	1	3.8
Universiti Utara Malaysia	1	3.8
Temple University of Philadelphia, Amerika Syarikat	1	3.8
Tiada jawapan	1	3.8

4.4.1.3 Sejarah pekerjaan responden

Sejarah pekerjaan responden adalah berkaitan dengan latar belakang pendidikan tinggi pertama mereka. Berdasarkan sejarah pekerjaan responden, penyelidik membahagikan responden kepada 4 kategori :

4.4.1.3.1 Responden yang menggunakan ijazah MLIS untuk memperolehi kerjaya pertama.

Seorang responden (3.8%) tidak terus bekerja selepas pendidikan tinggi pertama sebaliknya menyambung pengajian ke pendidikan tinggi kedua dan menggunakannya sebagai kelulusan untuk mendapat kerja. Jadi, tiada sejarah pekerjaan yang dicatatkan.

4.4.1.3.2 Responden yang bekerja dalam sektor perkhidmatan kerajaan sejak graduasi ijazah pertama dan terus berada dalam sektor yang sama sehingga sekarang.

- a) Tujuh orang responden (26.9%) merupakan guru sekolah menengah kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Berlaku mobiliti dari satu sekolah ke sekolah yang lain. Manakala, seorang responden (3.8%) merupakan pegawai perpustakaan di Perpustakaan Sabah. Mereka menjawat jawatan tersebut sejak graduasi ijazah pertama dan meneruskannya sehingga sekarang.
- b) Dua orang (7.7%) responden pernah menjadi guru sekolah menengah kebangsaan. Kemudian mereka mengembangkan kerjaya ke perpustakaan akademik di universiti awam dan memegang jawatan pegawai perpustakaan. Kedua-dua jawatan masih berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- c) Dua orang (7.7%) responden pernah menjadi guru sekolah menengah kebangsaan. Kemudian mereka mengembangkan kerjaya di maktab perguruan dan memegang jawatan pensyarah. Kedua-dua jawatan masih berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- d) Seorang responden (3.8%) merupakan bekas tutor universiti awam, kemudian mengembangkan kerjayanya dengan memegang jawatan sebagai pensyarah di universiti yang sama. Kedua-dua jawatan berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

- e) Seorang responden (3.8%), dalam peringkat pengembangan kerjaya bermula sebagai jurutera di syarikat swasta, kemudian menjadi guru sekolah swasta. Beliau mengembangkan kerjaya di sektor kerajaan bermula sebagai guru sekolah menengah kebangsaan, kemudian mengembangkan kerjayanya dengan memegang jawatan penolong pengarah bahagian Jabatan Teknologi Pendidikan dan seterusnya menjadi pensyarah di universiti awam. Ketiga-tiga jawatannya di atas adalah berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

4.4.1.3.3 Responden yang bekerja di sektor swasta atau di organisasi bukan kerajaan sejak graduasi pendidikan tinggi pertama sehingga sekarang.

- a) Tiga orang (12%) responden pernah bekerja di kolej swasta, syarikat persendirian, syarikat perkhidmatan jururunding dan Majlis Peguam Malaysia dengan memegang jawatan dalam perpustakaan atau pusat maklumat. Terdapat beberapa perubahan jenis majikan tetapi, responden masih memegang jawatan sebagai kakitangan di perpustakaan atau pusat maklumat.
- b) Seorang responden (3.8%) memulakan kerjaya sebagai juruanalisa barangan di syarikat antarabangsa kemudian setelah mendapat MLIS menjadi pegawai pusat maklumat di Kedutaan Amerika Syarikat, Malaysia. Seorang responden (3.8%) pula memulakan kerjaya sebagai pengurus di Kedai Buku Popular dan meneruskan kerjaya yang sama di sebuah syarikat penerbitan buku Cina selepas MLIS.

4.4.1.3.4 Responden yang bertukar sektor.

Responden sama ada pernah bekerja di sektor swasta atau organisasi bukan kerajaan sejak graduasi pendidikan tinggi pertama kemudian bertukar ke sektor kerajaan. Begitu juga sebaliknya, responden yang pernah bekerja di sektor kerajaan sejak graduasi ijazah pertama kemudian bertukar ke sektor swasta.

- a) Sejak graduasi pendidikan tinggi pertama, dua orang (7.7%) responden pernah bekerja di sektor swasta dengan memegang jawatan bukan di bidang perkhidmatan maklumat dan perpustakaan. Selepas mendapat kelayakan MLIS mereka mengembangkan kerjaya di perpustakaan akademik sebagai pegawai perpustakaan di universiti awam.
- b) Seorang responden (3.8%) yang memegang jawatan pustakawan dan bekerja di beberapa buah organisasi bukan kerajaan dan swasta sejak graduasi pertama, memilih ke sektor kerajaan iaitu di perpustakaan universiti awam.
- c) Seorang (3.8%) guru sekolah menengah kebangsaan bertukar kerjaya kepada pustakawan di sebuah kolej swasta tempatan.
- d) Seorang (3.8%) bekas tutor di universiti awam mengembangkan kerjaya sebagai pensyarah di universiti swasta tempatan.
- e) Seorang responden (3.8%) telah beberapa kali bertukar sektor kerajaan dan swasta dengan memikul tanggungjawab dalam bidang kepustakawanan dan akhirnya menjadi penolong pengurus di Bursa Saham Kuala Lumpur.

4.4.2 Apakah haluan kerjaya dan peluang mempertingkatkan kerjaya?

4.4.2.1 Maklumat pekerjaan.

4.4.2.1.1 Jawatan

Semua responden dalam kajian ini memegang jawatan tetap. Berdasarkan Jadual 4.12, 38.5% (10 orang) responden bekerja sebagai pustakawan. Diikuti oleh pekerjaan guru iaitu seramai 26.9% (7 orang) dan jawatan pensyarah 19.2% (5 orang).

Jadual 4.12 : Jawatan responden (n=26)

Jawatan	Bilangan	Peratus
Pustakawan	10	38.5
Guru	7	26.9
Pensyarah	5	19.2
Pegawai Pusat Maklumat	2	7.7
Pengurus	2	7.7

4.4.2.1.2 Jenis majikan.

Tempat pekerjaan responden pula adalah di institusi, organisasi atau syarikat yang berbeza mengikut saiz dan jenis (Jadual 4.13). 50% (13 orang) responden bekerja di institusi pengajian tinggi, diikuti 24% (7 orang) bekerja di sekolah menengah kebangsaan. Masing-masing seorang bekerja di Bernama, Perpustakaan Kerajaan Negeri Sabah, Bursa Saham Kuala Lumpur, kedai buku, Malaysian AIDS Council dan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur.

Jadual 4.13 : Jenis institusi, syarikat atau organisasi majikan responden (n=26)

Jenis Majikan	Bilangan	Peratus
Sekolah menengah kebangsaan	7	24
Institusi pengajian tinggi	13	50
a) Universiti awam (7)		
b) Universiti swasta (1)		
c) Politeknik (1)		
d) Maktab perguruan (2)		
e) Kolej swasta (2)		
Perpustakaan Kerajaan Negeri Sabah	1	4
Bernama	1	4
Kedai buku	1	4
Malaysian AIDS Council	1	4
Bursa Saham Kuala Lumpur	1	4
Kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur	1	4

4.4.2.1.3 Tahun lantikan.

Responden dilantik ke jawatan sekarang adalah seawal tahun 1977 lagi. Secara ringkas gambaran tahun perantikan responden ke jawatan sekarang adalah seperti Jadual 4.14.

Jadual 4.14 : Kategori tahun perantikan ke jawatan sekarang (n=26)

Tahun	Bilangan	Peratus
Sebelum 1980	3	11.5
1981-1989	5	19.2
1990-1999	11	42.3
2000-2001	7	26.9

Lebih kurang 11.5% bagi tahun perantikan responden adalah sebelum tahun 1980-an lagi. Manakala 19.2%, tahun perantikannya adalah tahun 1980-an. Tahun perantikan responden 1990-an adalah 42.3% dan tahun perantikan 2000-2001 setakat ini adalah 26.9%. Berdasarkan corak keadaan seperti itu, adalah diramal tahun 2000-2009 iaitu dalam tempoh 10 tahun ini keadaan ini akan bertambah berikutan pertambahan kepada bilangan graduan yang mendaftar MLIS untuk tahun kajian.

Bagi tahun perlantikan dari tahun 1997 hingga 2001 (tahun kajian), tahun perlantikan jawatan responden diteliti dan ada beberapa keadaan responden yang perlu dinyatakan:

- a) Tahun perlantikan responden ke jawatannya sekarang merupakan tahun perlantikan jawatan baru.
- b) Tahun perlantikan responden ke jawatannya sekarang adalah kerana kenaikan pangkat.
- c) Tahun perlantikan responden ke jawatannya sekarang merupakan jawatan baru bagi responden. Sebelum ini responden memegang jawatan lain dalam sektor dan majikan yang sama.

4.4.2.1.4 Kelayakan yang digunakan oleh responden untuk jawatan sekarang.

Bagi soalan yang menanyakan sama ada kelayakan MLIS digunakan oleh responden mendapatkan jawatannya sekarang (Jadual 4.15), didapati 61.5% menyatakan “tidak”, dan 38.5% lagi menyatakan “ya”. Kebanyakan responden mendapat jawatan dengan menggunakan kelulusan ijazah sarjana muda/diploma.

Jadual 4.15 : Adakah kelayakan MLIS digunakan oleh responden ke jawatan sekarang?
(n=26)

Respon	Bilangan	Peratus
Ya	10	38.5
Tidak	16	61.5

4.4.2.1.5 Pengetahuan mengenai kekosongan jawatan.

Berdasarkan senarai jawapan yang berpotensi, keputusan mendapati bahawa pengetahuan kekosongan jawatan adalah berdasarkan iklan adalah 30.7%. Manakala *contact* atau hubungan dengan orang dalam 15.4%, melalui majikan 15.5% dan lain-lain seramai 38.5%. Lain-lain jawapan yang diberikan ialah melalui laman web, bertukar ke unit

jabatan, surat tawaran Kementerian Pendidikan setelah mengikuti diploma pendidikan lepasan ijazah.

Jadual 4.16 : Pengetahuan mengenai kekosongan jawatan (n=26)

Respon	Bilangan	Peratus
Iklan	8	30.7
Contact	4	15.4
Majikan	4	15.4
Lain-lain	10	38.5

4.4.2.1.6 Deskripsi tugas dan tanggungjawab kerjaya

Bagi memudahkan perbincangan, penyelidik membahagikan deskripsi ringkas tugas dan tanggungjawab harian pekerjaan responden mengikut kategori jenis pekerjaan responden kerana kerjaya responden adalah pelbagai. Responden juga bekerja dalam jenis organisasi, institusi atau syarikat yang mempunyai saiz dan bilangan kakitangan yang pelbagai.

i) Pustakawan dan pegawai pusat maklumat

- Membina dan mengembangkan koleksi perpustakaan.
- Pentadbiran kakitangan dan pengurusan perpustakaan termasuk membantu memenuhi permintaan pegawai mencapai maklumat-maklumat khusus.
- Menyediakan bibliografi
- Mengkatalog bahan
- Pengurusan berhubung sistem sirkulasi, perkhidmatan pelanggan dan pendidikan kepustakawanan.
- Membangun dan memantau perjalanan sistem pengautomasian perpustakaan dan kesedaran teknologi maklumat dalam perpustakaan.

ii) **Guru**

- a) Pentadbiran sekolah dan pengurusan kakitangan.
- b) Pengajaran dan penyeliaan mata pelajaran khusus di sekolah.
- c) Menyelia perjalanan kelab, persatuan, sukan dan pasukan beruniform bahagian ko-kurikulum sekolah.
- d) Menyelaras perkembangan pusat sumber dan perpustakaan sekolah.
- e) Terdapat segelintir guru yang menjadi kakitangan pusat sumber pendidikan daerah dan mentadbir perjalanan Sekolah Bestari.

iii) **Pensyarah**

- a) Pengajaran melalui kuliah dan tutorial.
- b) Penyeliaan kertas projek, latihan ilmiah, latihan industri dan disertasi pelajar.
- c) Terlibat dalam penganjuran kursus-kursus pendek, seminar dan pembentangan kertas kerja.
- d) Pentadbiran dan pengurusan dalam fakulti atau jabatan.

iv) **Pengurus**

- a) Mempromosi dan memasarkan barangan atau perkhidmatan.
- b) Mengeluar barangan, terlibat dalam pemprosesan data dan *conversion*.
- c) Merancang strategi, membekalkan dokumen, intranet dan *knowledge management*.
- d) Perdagangan – penerbitan bahasa Cina.

4.4.2.2 Faktor-faktor pemilihan kerjaya sekarang oleh bekas graduan MLIS.

Berdasarkan catatan faktor-faktor pemilihan kerjaya oleh responden, penyelidik telah membahagikan faktor-faktor pemilihan kerjaya sekarang kepada :

- a) Minat dan ada kecenderungan dalam sesuatu bidang khusus yang diambil semasa di universiti diperingkat ijazah sarjana muda/diploma.
- b) Pengaruh profesionalisme (gaji yang tinggi, faedah dan kemudahan yang disediakan, menggunakan ijazah sarjana dan jawatan yang terjamin).
- c) Pengaruh keluarga dan guru sekolah.
- d) Kerjaya yang menggalakkan pembelajaran berterusan dan cabaran baru.
- e) Kerjaya yang menggunakan kelayakan dan kebolehan MLIS.
- f) Kerjaya yang fleksibel daripada segi masa.
- g) Persekitaran kerja yang dikehendaki dan pengaruh psikologi iaitu naluri semulajadi.

4.4.2.3 MLIS dan tahap kepuasan kerjaya.

Dalam mengukur kepuasan kerjaya, penyelidik cuba menyentuh soal gaji, ukuran skala perasaan dan pendapat berkenaan pekerjaan mereka sekarang jika dibandingkan dengan kelayakan ijazah kedua (MLIS) yang mereka miliki sekarang.

4.4.2.3.1 Gaji

Daripada Jadual 4.17, didapati jumlah peratus bagi kedua-dua kategori gaji responden RM 3000-4000 (38.4%) dan kategori gaji melebihi RM 4000 (19.2%) lebih separuh daripada keseluruhan peratusan iaitu 57.6%. Oleh itu, jika dibandingkan dengan usia

responden yang paling aktif bekerja (30-40 tahun dan 40-50 tahun) dengan pencapaian paras gaji ini, responden dikira mempunyai gaji yang padan dengan kelulusan sarjana yang miliki dalam konteks sosio ekonomi di Malaysia khususnya. Manakala peratus responden bergaji RM2000-3000 adalah 27% dan peratus responden bergaji 1000-2000 ialah 15.4%.

Jadual 4.17 : Pendapatan bulanan responden (n=26)

Gaji (RM)	Bilangan	Peratus
1000-2000	4	15.4
2000-3000	7	27
3000-4000	10	38.4
>4000	5	19.2

4.4.2.3.2 Tahap kepuasan kerjaya.

Responden juga disoal mengenai paras kepuasan kerjaya iaitu “sangat puas hati”, “puas hati” dan “tidak puas hati”. Lebih kurang 96.1% puas hati dengan kerjaya manakala hanya 3.9 % tidak puas hati dengan kerjaya sekarang.

4.4.2.3.3 Cadangan untuk bertukar kerjaya

Seterusnya responden juga diminta memilih antara “ya” atau “tidak” sama ada mereka bercadang untuk bertukar kerjaya. Berdasarkan Jadual 4.18, 84.6% responden tidak bercadang untuk bertukar kerjaya. Majoriti responden berasa selamat dan selesa dengan kerjaya mereka sekarang. Tetapi 15.4% menyatakan kemungkinan untuk bertukar kerjaya kerana :

- Tidak puas hati dengan kerjaya sekarang kerana gajinya tidak meningkat walaupun ada kelulusan sarjana. Responden ingin bertukar kerjaya kepada

pekerjaan yang sekurang-kurang memberikan gaji yang berpadanan dengan usahanya.

- b) Kemungkinan bertukar kerjaya jika gaji pekerjaan baru itu lebih tinggi.
- c) Mencari cabaran baru dalam bidang kerjaya dan menambah pengetahuan dalam mempraktikan pendidikan sains maklumat dan perpustakaan, contohnya; persekitaran perpustakaan digital.

Seorang responden yang menyatakan “tidak” dalam satu nota kecil mencatat mungkin “ya” di masa hadapan memandangkan usianya masih muda (30-40 tahun). Dalam konteks “ya”, ada 2 kemungkinan bagi mereka untuk bertukar kerjaya iaitu :

- a) Responden ingin bertukar bidang kerjaya sekarang daripada bukan bidang sains maklumat dan perpustakaan kepada bidang ini.
- b) Responden ingin bertukar angin daripada persekitaran kerja sekarang ke tempat persekitaran kerja yang lebih menjanjikan cabaran dan peluang yang luas.

Jadual 4.18 : Cadangan responden untuk bertukar kerjaya. (n=26)

Respon	Bilangan	Peratus
Ya	4	15.4
Tidak	22	84.6

4.4.2.3.4 MLIS meningkatkan kerjaya dan status.

Responden juga diminta menzahirkan pendapat sama ada kelulusan MLIS yang mereka miliki sekarang telah membolehkan mereka mendapat jawatan lebih baik atau mereka merasakan status mereka meningkat semasa melalui peringkat pengembangan kerjaya.

Jadual 4.19: MLIS meningkatkan kerjaya dan status

Respon	Bilangan	Peratus
Ya	11	42.3
Tidak	9	34.6
Tidak pasti	6	23.1

Berdasarkan Jadual 4.19, didapati bilangan responden yang menyatakan “ya” 42.3%.

Manakala responden yang mengatakan “tidak” pula 34.6% dan “tidak pasti” 23.1%.

Berdasarkan kepada peratusan, walaupun mereka yang mengatakan “ya” itu ramai tetapi, jumlah mereka yang mengatakan “tidak” dan “tidak pasti” melebihi daripada separuh daripada keseluruhan peratusan iaitu 57.1%. Bagi responden yang memberikan jawapan “tidak pasti” terdiri daripada kalangan mereka yang baru menceburi bidang sekarang dan masih dalam peringkat penerokaan dan pengukuhan kerjaya.

4.4.3 Bagaimanakah graduan respons kepada syarat-syarat universiti apabila mengambil keputusan untuk mengambil kursus MLIS?

4.4.3.1 Sumber maklumat penawaran kursus MLIS.

Responden diminta menanda jawapan yang mungkin daripada pilihan jawapan yang diberikan. Daripada Jadual 4.20, responden mengetahui Universiti Malaya menawarkan kursus MLIS melalui iklan (57%), kawan-kawan (23%), melalui majikan (3%) dan lain-lain 17%. Terdapat juga responden yang menanda jawapan lebih daripada satu iaitu mengetahui mengenai MLIS melalui iklan dan kawan-kawan. Satu perkara yang menarik, jawapan bagi “lain-lain” hampir serupa iaitu mereka diberitahu melalui satu surat dari FSKTM beserta risalah dan ditujukan terus kepada guru perpustakaan atau guru pusat sumber sekolah. Responden juga menyebut ada usaha daripada kalangan pensyarah FSKTM dengan cara menelefon mereka di sekolah. Ini menunjukkan mereka ini bukan

sahaja mendapat maklumat mengenai MLIS akhbar malah mendapat maklumat untuk program melalui usaha pensyarah.

Jadual 4.20 : Pengetahuan program MLIS di Universiti Malaya (n=30)

*Responden tanda lebih 1

Cara	Bilangan	Peratus
Iklan	17	57
Kawan-kawan	7	23
Majikan	1	3
Lain-lain	5	17

4.4.3.2 Sebab memilih MLIS

Berdasarkan catatan responden mengenai sebab mereka melanjutkan pelajaran di bidang sains maklumat dan perpustakaan adalah seperti berikut;

- Menambah pengetahuan mengenai bidang ini kerana mereka berkelulusan dalam bidang ini di peringkat ijazah pertama dan bekerja dalam perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
- Menambah pengetahuan mengenai bidang ini kerana dipertanggungjawabkan untuk mengurus pusat sumber dan perpustakaan diperingkat sekolah atau jabatan.
- Mendapatkan kelulusan ijazah sarjana untuk tujuan mempertingkatkan status profesionalisme kerjaya daripada segi gaji, pangkat dan lain-lain
- Mendapatkan kelulusan ijazah sarjana untuk tujuan mendapat pekerjaan yang dicita-cita sebagai saluran kedua selain daripada kelulusan ijazah pertama dan mengharapkan juga kelulusan ijazah sarjana mempertingkat status profesionalisme kerjaya terutama daripada aspek gaji.
- Menambah pengetahuan atas nama kesarjanaan dan cendekiawan.

4.4.3.3 Pembiayaan kewangan pengajian.

Jadual 4.21 : Pembiayaan pengajian (n=30)*

*Responden tanda lebih 1

Jenis	Bilangan	Peratus
Sendiri	20	74
Majikan	1	4
Biasiswa	3	11
Pinjaman	2	7
Lain-lain	1	4

Berdasarkan Jadual 4.21, 74% responden membiayai sendiri atau pernah membiayai sendiri pengajiannya, 11% mendapat biasiswa dan 7% pula pinjaman MARA. Peratus bagi majikan dan lain-lain ialah masing-masing 4%. Sungguhpun majoriti responden membiayai pengajian mereka sendiri, ada juga masalah kesempitan wang.

4.4.3.4 Status pekerjaan semasa berkursus.

Salah satu pengukur untuk mengetahui respons responden kepada syarat-syarat tawaran pilihan kursus oleh fakulti yang fleksibel adalah dengan mengetahui status pekerjaan ketika mengikuti pengajian. Berdasarkan pilihan jawapan yang mungkin, 64.3% responden bekerja semasa pengajian. Ini bermakna mereka menjadikan aktiviti pembelajaran sarjana sebagai aktiviti separuh masa. Sungguhpun begitu, ada juga responden separuh masa tetapi mengambil pilihan kursus maksimum setiap semester. 7.1% tidak bekerja, 14.3% cuti belajar dalam perkhidmatan dan 14.3% lagi menjawab "lain-lain". Kategori jawapan "lain-lain" adalah status cuti tanpa gaji, tidak bekerja pada semester pertama dan kemudian bekerja pada semester berikutnya dan sebaliknya, bekerja pada semester 1 dan tidak bekerja pada semester seterusnya.

Jadual 4.22 : Status kerjaya responden semasa pengajian (n=28)

*Responden tanda lebih 1

Status	Bilangan	Peratus
Bekerja	18	64.3
Tidak bekerja	2	7.1
Cuti belajar dalam perkhidmatan	4	14.3
Lain-lain	4	14.3

Pekerjaan bagi status responden yang bekerja adalah seperti berikut :

- Guru sekolah menengah kebangsaan.
- Pensyarah maktab.
- Tutor universiti.
- Pustakawan kolej, organisasi atau syarikat.
- Pengurus bahagian.
- Juruanalisa penyelidikan.

Pekerjaan bagi responden yang cuti belajar adalah seperti berikut dan ketiga-tiga responden bekerja dengan perkhidmatan awam :

- Guru
- Tutor
- Pustakawan

4.4.3.5 Pemilihan program.

Pilihan kursus bagi program ini 3 dan responden diminta untuk menanda salah satu daripada pilihan kursus program yang dipilihnya dahulu. Berdasarkan Jadual 4.23, terdapat 65.4% responden mengambil pilihan program secara kerja kursus dan disertasi,

manakala selebihnya 34.6% mengambil pilihan program secara kerja kursus sahaja dan tiada seorang pun yang mengambil pilihan program secara disertasi sahaja.

Jadual 4.23 : Pilihan program MLIS oleh responden (n=26)

Program	Bilangan	Peratus
Kerja kursus sahaja	9	34.6
Kerja kursus dan disertasi	17	65.4

- a) Pilihan program secara kerja kursus dan disertasi paling ramai diambil antara 1997-2001 kerana kumpulan responden graduan tahun 1994-1996 wajib mengikuti kerja kursus, disertasi dan wajib mengikuti praktikum. Justeru itu, mereka tiada pilihan lain. Selain daripada itu, responden mengatakan mereka memilih untuk pilihan program sedemikian rupa untuk memperolehi pengetahuan teori dan pengalaman dalam teknik penulisan disertasi. Aspek penulisan disertasi dianggap latihan akademik yang sangat berguna di samping kerja kursus yang menitikberatkan aspek teori dan praktikal. Ada responden mengatakan penulisan disertasi peringkat sarjana diperlukan untuk kemungkinan baginya menyambung pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran. Tambahan pula, kelulusan ijazah pertama menghalang seorang responden untuk memilih disertasi sahaja walaupun pada mulanya mereka berhasrat membuat pilihan tersebut.
- b) Bagi responden yang membuat pilihan program secara kerja kursus sahaja mereka menyatakan bahawa lebih mudah mendisiplinkan diri dengan mengikuti kursus sahaja. Penulisan disertasi dirasakan agak membebankan bagi sesetengah responden yang bekerja sepenuh masa. Seorang responden menambah bahawa dengan mengambil pilihan program kerja kursus sahaja dia boleh menghabiskan pengajian ijazah sarjananya dengan lebih cepat iaitu 3 semester minima. Terdapat

risiko bagi orang yang ingin menghabiskan pengajian sarjana dengan cepat sekiranya memilih membuat pilihan program kerja kursus dan disertasi kerana kebanyakan kajian untuk disertasi mengambil masa sekurang-kurangnya 2 semester untuk menyempurnakannya.

4.4.3.6 Masalah yang dihadapi.

Responden juga disoal berhubung masalah atau cabaran yang terpaksa dihadapi untuk mendapatkan segulung ijazah sarjana. Antara masalah – masalah tersebut adalah :

- a) Masalah adaptasi daripada responden yang bukan berasal daripada bidang pengajian atau pekerjaan sains maklumat dan perpustakaan. - Tiada pendedahan terhadap kerja-kerja di perpustakaan atau perkhidmatan maklumat sebelum mengikuti program menyebabkan agak sukar menguasai pelajaran di peringkat awal. Menurut responden akibat daripada latar belakang yang berbeza, mereka agak lambat memahami sesuatu mata pelajaran, namun keadaan ini lebih baik setelah mengikuti kursus-kursus pada semester berikutnya.
- b) Masalah pembahagian masa antara belajar dan bekerja. Ini disuarakan oleh responden yang bekerja sepenuh masa. - Komitmen terhadap pelajaran dan tugas menyebabkan masa mereka terhad khususnya dalam mengumpul bahan-bahan untuk tugas, pembentangan dan sebagainya.
- c) Masalah kewangan termasuk pembiayaan kerja-kerja menyiapkan kajian untuk disertasi.
- d) Masalah bahasa. - Masalah ini timbul apabila penggunaan bahasa Inggeris oleh pensyarah luar agak sukar difahami.

- e) Masalah pengangkutan dan tempat tinggal di peringkat permulaan semester.
- f) Masalah komunikasi antara pihak pentadbiran fakulti dengan pihak universiti. -
Masalah jurang maklumat antara pihak fakulti dengan pihak universiti menimbulkan masalah terutama daripada segi prosedur.

4.4.4 Sejauhmanakah graduan menggunakan MLIS, Universiti Malaya dalam kerjaya dan aktiviti profesional?

4.4.4.1 Pendidikan berterusan

Graduan yang telah mengikuti program di peringkat sarjana telah melalui pendidikan berterusan secara rasmi iaitu kesinambungan pengajian peringkat rendah, menengah, tinggi dan seterusnya. Dalam konteks kajian ini, pendidikan berterusan bermaksud apa jua pendidikan dan latihan yang diikuti secara rasmi sama ada di institusi pengajian tinggi, organisasi, institusi atau majikan dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan. Berdasarkan soal selidik, 23.1% responden pernah mengikuti kursus-kursus dan latihan selain daripada program MLIS iaitu :

- a) kursus pengurusan dan perisian
- b) WINISIS for Windows
- c) VTLS for library automation
- d) Metada
- e) Quality assurance for information services
- f) European Master In Law And Economic

- g) Latihan guru untuk Sekolah Bestari.
- h) Kursus penyelenggaraan Astro untuk sekolah

Antara institusi yang menyediakan kursus dan latihan ini ialah Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kursus luar negara telah diikuti oleh seorang responden iaitu di Hamburg, Jerman. Berdasarkan kepada jenis kursus dan disokong pula dengan komen responden, pendidikan berterusan penting untuk melengkapkan diri menghadapi perubahan dalam kerjaya dan mempertingkatkan kerjaya masing-masing. Malah, terdapat cadangan daripada seorang responden supaya Jabatan Sains Maklumat dan Perpustakaan menjemput mereka sekiranya terdapat penganjuran kursus atau seminar.

Lebih kurang 61.5% responden mengatakan mereka tidak pernah mengikuti kursus atau latihan dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan selepas MLIS, tetapi berminat jika ada peluang. Kursus-kursus yang menarik perhatian responden adalah kursus ICT, teknologi baru dalam perpustakaan, reka bentuk web dan laman web, penerbitan elektronik dan sebagainya. Terdapat 11.5% responden menyatakan “tidak pernah” mengikuti lain-lain kursus memandangkan MLIS sudah mencukupi dan 3.9% tidak menjawab soalan ini.

Jadual 4.24 : Pendidikan berterusan oleh responden (n=26)

Respon	Bilangan	Peratus
Ya	6	23.1
Tidak	3	11.5
Tidak, tetapi berminat	16	61.5
Tidak menjawab	1	3.9

4.4.4.2 Penglibatan dalam persatuan

Satu lagi pengukur untuk mengetahui aktiviti profesional graduan ialah melalui penglibatan mereka dalam persatuan. Konteks kajian ini adalah bidang sains maklumat dan perpustakaan, jadi soalan hanya tertumpu kepada pembabitan dalam organisasi sains maklumat dan perpustakaan. Daripada 26 orang responden didapati hanya 26.9% sahaja yang menganggotai sama ada Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) atau badan lain seperti International Association of School Librarianship (IASL) termasuk seorang yang menganggotai PPM cawangan Sabah, seorang memegang jawatan sebagai setiausaha bagi perpustakaan khusus dalam PPM dan selebihnya hanya ahli biasa. Selebihnya, 73.1% lagi bukan ahli kepada mana-mana badan profesional bidang ini.

Jadual 4.25 : Keahlian persatuan atau badan profesional bidang sains maklumat dan perpustakaan (n=26)

Respon	Bilangan	Peratus
Ya	7	26.9
Tidak	19	73.1

Bagi sebab-sebab tidak menganggotai mana-mana badan profesional, kebanyakan responden menyatakan mereka tahu akan kewujudan badan profesional tetapi kurang berminat atau kurang kesedaran untuk menganggotai persatuan dan seumpamanya. Kesukaran mendapatkan maklumat ditambah pula dengan kurang promosi di peringkat negeri juga menjadi alasan mengapa mereka tidak menganggotai persatuan profesional ini.

4.4.4.3 Penglibatan dalam aktiviti ilmiah

4.4.4.3.1 Penulisan ilmiah.

Satu lagi pemboleh ubah untuk menentukan penglibatan dalam aktiviti profesional adalah berdasarkan sumbangan dalam bentuk penulisan ilmiah untuk sebaran. Berdasarkan soal selidik terdapat 30.8% responden pernah menulis untuk sebaran ilmiah manakala 69.2% lagi tidak pernah menulis untuk sebaran ilmiah.

4.4.4.3.1.1 Penulisan artikel dalam jurnal.

Berdasarkan kepada soalan yang sama juga, responden yang menyatakan “ya” telah diminta mencatatkan jumlah artikel yang pernah diterbitkan. Lebih kurang 37.5% responden menyatakan penulisan ilmiah berbentuk artikel pernah diterbitkan sekali sahaja dalam *Malaysian Journal of Library and Information Science (MJLIS)* iaitu jurnal yang diterbitkan oleh Jabatan Sains Maklumat dan Perpustakaan, Universiti Malaya. Manakala 2 artikel daripada 25% responden juga diterbitkan dalam jurnal yang sama, 4 artikel pernah diterbitkan oleh 12.5% responden dalam *MJLIS* dan dalam jurnal bertajuk *Library and Archival Security*. 12.5% responden menyatakan tulisannya terbit dalam *Sekitar Perpustakaan* terbitan Perpustakaan Negara Malaysia. Seorang guru pula menyatakan pernah menulis 15 artikel yang diterbitkan dalam *MJLIS*, *Sekitar Perpustakaan* dan *IASLIC Bulletin (India)*. Dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan, ini menunjukkan biarpun apa jawatan yang dipegang oleh responden, responden masih boleh meneruskan aktiviti profesional dengan menyumbangkan penulisan ilmiah.

4.4.4.3.1.2 Penulisan kertas persidangan

Bilangan kertas kerja yang pernah dibentangkan oleh kalangan responden ialah **sebanyak** 7 kertas kerja daripada 15.4% responden. Antara seminar, bengkel atau persidangan yang dihadiri ialah International Conference and Workshop on Multimedia Digital Library (1999), Kursus Asas Perpustakaan Untuk Guru-Guru Sekitar Daerah Johor, IASL di Malmas, Sweden (1999), Digital Divide Workshop (2001) dan 7th International Conference on Scientometrics and Informetrics, Colina, Mexico.

4.4.5 Apakah pandangan graduan terhadap kursus-kursus berhubung dengan kerjaya mereka sekarang?

4.4.5.1 Tahap kerelevanan kursus.

4.4.5.1.1 Kursus teras

Sejauhmana kursus-kursus teras dalam pilihan kerja kursus relevan dengan tugas dan tanggungjawab harian kerjaya responden telah dikaji dengan meminta responden menanda 3 pilihan tahap kerelevanan iaitu “sangat relevan”, “kurang relevan” dan “tidak relevan”. Oleh sebab faktor masa, segelintir responden tidak dapat mengingat kursus-kursus yang pernah mereka ambil secara tepat. Penyelidik tidak menafikan bias boleh berlaku dalam bahagian ini kerana jawapan bagi soalan bahagian ini tidak menyamai jumlah responden yang sepatutnya. Dalam Bab 1, penyelidik telah menyatakan bahawa terdapat satu kumpulan graduan yang mengikuti kerja kursus beserta praktikum secara wajib dengan mengambil jumlah kursus teras sebanyak 9 mata pelajaran. Apabila Jabatan

Jadual 4.26 : Kerelevanan kursus dengan kerjaya bagi struktur kurikulum lama.

Tahap kerelevanan	Management of information		Information sources & retrieval		Collection management		Computer application in library and information system		Information services	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Sangat relevan	15	71.4	15	71.4	11	50	14	66.7	12	70.6
Kurang relevan	3	14.3	5	23.8	8	36.4	4	19.0	3	17.6
Tidak relevan	3	14.3	1	4.8	3	13.6	3	14.3	2	11.8
Jumlah	21	100	21	100	22	100	21	100	17	100

Tahap kerelevanan	Research Methods in library and information science		Organization of information I		Organization of information II		Practicum in information services		Library automation	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Sangat relevan	8	36.4	15	65.2	11	65	8	44.4	12	63.1
Kurang relevan	13	59.1	5	21.8	3	17.5	7	38.9	6	31.6
Tidak relevan	1	4.5	3	13.0	3	17.5	3	16.7	1	5.3
Jumlah	22	100	23	100	17	100	18	100	19	100

Jadual 4.26 : Kerelevanan kursus dengan kerjaya bagi struktur kurikulum baru (n=4)

Tahap kerelevanan	Management of Information Services		Information sources & services		Collection management		Computer application in library and information system	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Sangat relevan	3	75	4	100	4	100	2	50
Kurang relevan	1	25	0	0	0	0	1	25
Tidak relevan	0	0	0	0	0	0	1	25

Tahap kerelevanan	Research Methods in library and information science		Organization of information		Technologies for information management		Information retrieval	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Sangat relevan	3	75	3	75	-	-	-	-
Kurang relevan	1	25	1	25	-	-	-	-
Tidak relevan	0	0	0	0	-	-	-	-

Sains Maklumat dan Perpustakaan mengubah struktur kurikulumnya, pelajar hanya perlu mengambil 6 kursus teras sahaja. Jadual 4.26 dan 4.27 menunjukkan keputusan yang diperolehi hasil daripada jawapan soal selidik.

Berdasarkan kepada tahap kerelevanan kursus teras dengan kerjaya, didapati kesemua kursus adalah relevan, pandangan responden terhadap sesuatu kursus itu bergantung juga kepada kerjaya mereka, tanggungjawab dan tugas harian. Contohnya, seorang penolong kanan sekolah menengah menambah bahawa kursus berkenaan pengkomputeran dianggap tidak relevan kerana beliau menyerahkan tugas-tugas tadbiran kepada kerani dan sebagainya.

Kursus-kursus berikut dianggap "sangat relevan" dengan kerjaya responden kerana peratus respon melebihi 60% :

- a) Organization of information.
- b) Information sources and services
- c) Information sources and retrieval
- d) Computer application in library and information systems.
- e) Library automation.
- f) Information services.

Manakala, jika dilihat pada Jadual 4.26 iaitu berdasarkan kurikulum lama kursus-kursus berikut dianggap “kurang relevan” atau “tidak relevan” dengan kerjaya responden kerana peratus respon untuk subjek tersebut melebihi 50% iaitu :

- a) Collection management.
- b) Research methods in library and information science.
- c) Practicum in library and information services.

4.4.5.1.2 Kursus elektif

Bagi meninjau pandangan responden mengenai kursus elektif pula, masalah juga timbul apabila ramai responden gagal mengingat secara tepat tajuk kursus yang mereka ambil. Namun begitu, kebanyakannya berpendapat kursus elektif yang mereka ikuti relevan dengan tugas mereka. Berikut adalah kursus yang pernah ditawarkan dan diambil oleh responden.

- | | |
|---|--|
| a) Application Of Information Technology | i) Knowledge Management |
| b) Bibliometrics | j) Library Automation |
| c) Business Resources | k) Legal Issues in Information Science |
| d) Digital Libraries | l) Malaysiana Resources |
| e) Development of Information Collection | m) Management of Internet Resources |
| f) Government Publications | n) Organization of Information II |
| g) Information and Society | o) Publishing and the Book Trade |
| h) Indexing, Abstracting and Thesauri Construction. | |

p) Subject Analysis and Classification of Information Resources.

r) Special Libraries.

q) School Resources Centre

s) Science and Technology Resources

4.4.5.2 Pandangan mengenai kursus teras.

Selain menanda tahap kerelevanan dengan kerjaya, responden juga diminta untuk melahirkan pandangan mengenai kursus-kursus teras tersebut. Responden telah melahirkan pelbagai pandangan. Umumnya, responden merasakan kursus teras mencukupi terutama bagi responden yang tiada latar belakang kepustakawanan. Ada juga responden yang menyatakan kursus teras agak teoritikal dan lebih memberatkan aspek sains perpustakaan daripada sains maklumat. Responden yang telah mengikuti bidang pengajian sains maklumat dan perpustakaan di peringkat ijazah sarjana muda dan berpengalaman dalam bidang pekerjaan pula menyatakan terdapat bahagian-bahagian kursus yang telah dipelajari semasa mengambil ijazah sarjana muda atau diploma dahulu. Praktikal, aktiviti lawatan, penyertaan dalam seminar/persidangan dan kursus sains komputer dan teknologi maklumat juga dicadangkan bagi meningkatkan keupayaan kursus agar relevan dengan kerjaya.

4.4.5.3 Pandangan responden mengenai kursus elektif.

Responden melahirkan pandangan bahawa kursus elektif patut dipelbagaikan dan ditambah mengikut minat dan pekerjaan pelajar. Malah ada responden cuba membandingkan dengan kursus elektif MLIS dengan kursus elektif peringkat ijazah sarjana muda dengan mengatakan kursus elektif MLIS menawarkan pilihan yang lebih baik. Menurut sesetengah responden, kursus elektif patut lebih moden dan terkini

mengikut perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Pandangan ini dilontarkan ketika struktur kurikulum MLIS masih di peringkat pembangunan kerana jika dilihat pada pembangunan kurikulum MLIS terbaru (2002) kursus elektif ternyata memberikan lebih banyak pilihan dan lebih berorientasi teknologi maklumat.

4.4.5.4 Pandangan responden mengenai praktikum di perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.

Responden yang membuat praktikum di perkhidmatan perpustakaan dan maklumat telah diminta memberikan pandangan mereka mengenai praktikum tersebut. Terdapat responden yang tidak memberi komen. Daripada 12 orang responden yang menjalani praktikum terdapat dua pandangan iaitu mereka yang berpuas hati dan mereka yang tidak berpuas hati. Mereka yang berpuas hati (66.7%) menyatakan praktikum sangat berfaedah kerana selain dapat mempraktikkan teori mereka juga dapat menimba pengalaman bekerja dalam perpustakaan atau pusat maklumat. Peninjauan dan pengalaman tersebut membantu responden menyediakan idea baru yang boleh diaplikasi di tempat kerja mereka. Manakala, mereka yang tidak berpuas hati (33.3%) menyatakan petempatan mereka tidak sesuai kerana mereka tidak menjalani praktikum di bahagian-bahagian utama perkhidmatan perpustakaan dan pusat maklumat tetapi hanya terhad disatu-satu bahagian sahaja. Contohnya, terdapat responden yang membuat latihan dibahagian pengkatalogan sahaja. Tempat petempatan yang jauh dari rumah kediaman dirasakan agak membebankan bagi yang sudah berkeluarga. Responden yang tidak puas hati juga mengatakan praktikum tidak relevan dengan kerjaya mereka.

4.4.5.5 Pandangan terhadap disertasi

Responden juga diberi peluang untuk melahirkan pandangan mereka mengenai pengalaman membuat disertasi. Oleh kerana disertasi merupakan pilihan wajib dalam struktur lama kurikulum MLIS dan pilihan program dalam struktur baru MLIS, jadi pandangan yang dilahirkan adalah positif. Ada responden yang tidak memberi komen. Hanya 10 responden yang melahirkan pandangan. Mereka mencatat banyak pandangan antaranya menyatakan pengalaman menulis disertasi sangat berharga dan menarik serta menyumbang kepada bidang sains maklumat dan perpustakaan. Cabaran-cabaran ketika membuat disertasi seperti kekurangan sampel, responden dan bahan. Terdapat kesukaran dan kelambatan membuat ulasan kesusasteraan serta masalah kewangan. Namun, responden berpuas hati dan berpendapat kursus Research Method in Library and Information Science sangat berguna dalam membuat disertasi. Ada cadangan supaya pihak jabatan mengajar mereka menganalisis data-data dengan menggunakan sistem komputer.

4.5 Komen kursus secara keseluruhan.

Berikut adalah beberapa catatan komen responden mengenai program MLIS FSKTM, UM 1997-2001 secara keseluruhan.

- a) Program ini baik, terutama bagi mereka yang memang terlibat dalam bidang ini. Tetapi bagi mereka yang bukan daripada bidang ini, program dapat membantu dalam proses pembelajaran dan pencarian maklumat bagi membantu tugas-tugas menjalankan tugas dalam kerjaya.

- b) Program yang cukup mencabar, dan kursus mengikut peredaran kursus masa kini. Pensyarah-pensyarah yang begitu komited, profesional dan memahami masalah pelajar.
- c) Program ini memberi satu pendedahan yang menyeluruh mengenai bidang kepustakawanan, akan tetapi tidak cukup mendalam bagi mereka yang sebelum ini bekerja sebagai pustakawan atau pernah mengikuti program diploma dalam bidang ini. Bilangan pensyarah yang terhad menyebabkan subjek-subjek yang ditawarkan terhad kepada kepakaran mereka sahaja.
- d) Keseluruhannya bagus tetapi boleh diperbaiki dengan penambahan subjek lain dalam bidang sains maklumat. Seorang responden merasakan mempelajari aplikasi perisian seperti Microsoft Words, Microsoft Excell dan Microsoft Access tidak diperlukan bagi individu. Mereka harus belajar sendiri aplikasi yang biasa dalam kerjaya mereka.
- e) Program MLIS – tidak seimbang daripada segi penawaran kursus yang lebih kepada sains perpustakaan dan tiada pendekatan yang memuaskan dalam bidang sains maklumat. Dinyatakan juga kekurangan pensyarah yang berpengalaman serta praktikum harus diwajibkan demi kebaikan pelajar yang tiada pengalaman bekerja di perpustakaan.

BAB 5

RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan penyelidik telah mengemukakan lima persoalan utama sebagai asas kajian seperti dinyatakan dalam Bab 1. Keputusan kepada persoalan-persoalan tersebut telahpun dibentangkan dalam Bab 4. Rumusan kepada penemuan dipersembahkan berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan.

5.2 Rumusan persoalan kajian.

5.2.1 Siapa yang telah berjaya mengikuti program MLIS di FSKTM, Universiti Malaya dari tahun 1997-2001?

5.2.1.1 Maklumat demografi

Berdasarkan penemuan pra-kajian dan penemuan dalam kajian, kajian mengenai keberkesanan program dibuat untuk satu jangka masa tertentu. Terdapat 54 orang graduan MLIS dari tahun 1997-2001. Daripada 54 orang graduan ini, 90.74% (49 orang) adalah warga tempatan dan 9.26% (5 orang) warga asing. Sebanyak 68% bilangan graduan yang dihasilkan bagi tahun 1998 dan paling ramai berbanding tahun sebelumnya iaitu 1997 (8%) dan tahun selepasnya iaitu 2000 dan 2001 (12%). Pendaftaran tahun 1995 dan 1996 tinggi kerana fakulti telah mengadakan promosi berbentuk surat serta risalah dan ini menggalakkan guru pusat sumber untuk mendaftar kursus. Kaum perempuan melebihi kaum lelaki. Daripada 49 orang graduan yang dikenalpasti dari tahun 1997-

2001, 59% (29 orang) daripadanya adalah perempuan berbanding 29% (14 orang) graduan lelaki. Graduan perempuan lebih ramai yang memberikan respons berbanding lelaki. Lebih kurang 61.5% (16 orang) responden adalah perempuan dan 38.5% (10 orang) responden adalah lelaki. Kategori umur 30-40 tahun dan 40-50 tahun merupakan golongan teramai iaitu masing-masing 50% (13 orang) dan 34.5% (9 orang). Keputusan kajian mendapati lebih kurang 50% graduan bukan kalangan bumiputra dan ini membuktikan bahawa penubuhan program MLIS menjadikan Universiti Malaya alternatif pendidikan di bidang tersebut. Ini kerana sebelum 1988 tawaran belajar di bidang pengajian sains maklumat dan perpustakaan peringkat pendidikan tinggi pertama di Malaysia hanyalah di Universiti Teknologi MARA yang memberi peluang kepada bumiputra sahaja. Justeru itu, maklumat demografi graduan amat bernilai kepada para pendidik program sebagai cerminan prestasi program.

Kajian bekas graduan dapat mengkaji riwayat program seperti yang dikatakan oleh Loughbridge (1990),

"The advantages of such a series of surveys covering practically the whole lifespan of the one department's activities in professional education... they contributed substantially to regular course planning and review work within the department"

5.2.1.2 Latar belakang pendidikan

Responden adalah dari pelbagai latar belakang dan berbeza dengan pengajian MLIS. Sastera dan sains sosial serta sains maklumat dan perpustakaan mendominasi bilangan

siswazah. Daripada 26 orang responden, 38.4% (10 orang) berlatarbelakangkan bidang pengajian sastera dan sains sosial. Diikuti pula dengan 23% (6 orang) responden yang berasal daripada bidang sains maklumat dan perpustakaan. Responden juga memiliki kelayakan dalam bidang pendidikan bertaraf diploma lepasan ijazah bagi bidang perguruan. Berbeza daripada kajian Genoni, Exon dan Farrelly (2000) serta Aina dan Moahi (1999), penemuan kajian ini mendapati ramai graduan tidak mempunyai pengalaman kerja di perpustakaan kerana kebanyakan graduan adalah dari bidang perguruan dan lain-lain bidang pengajian. Kajian Kisiedu (1993) pula menunjukkan graduan adalah guru perpustakaan atau pembantu perpustakaan sebelum memasuki pendidikan sains maklumat dan perpustakaan.

5.2.2 Apakah haluan kerjaya dan peluang mempertingkatkan kerjaya?

5.2.2.1 Maklumat pekerjaan

Pekerjaan dan kerjaya graduan dikaji untuk melihat sejauh mana kurikulum menepati kehendak pasaran pekerjaan semasa. Daripada kajian, pendidik di institusi terbabit dapat berbuat sesuatu kepada kurikulum demi pembangunan mutu pendidikan sains maklumat dan perpustakaan agar ianya mengikut peredaran zaman. Selain daripada itu, kajian susulan graduan juga dibuat untuk meninjau perancangan guna tenaga bidang sains maklumat dan perpustakaan. Kajian susulan bekas graduan juga dibuat dengan tujuan melihat gambaran pasaran pekerjaan kesan daripada perubahan revolusi teknologi maklumat yang melanda dunia kebelakangan ini. Kajian dibuat memandangkan bidang sains maklumat dan perpustakaan mengalami fasa perubahan kesan daripada ledakan maklumat global.

Daripada penemuan kajian, didapati semua responden dalam kajian ini memegang jawatan tetap. 38.5% (10 orang) responden bekerja sebagai pustakawan. Diikuti oleh pekerjaan guru iaitu seramai 26.9% (7 orang) dan jawatan pensyarah 19.2% (5 orang). Lain-lain ialah pegawai pusat maklumat dan pengurus. Status jawatan dapat menunjukkan kedudukan dan kestabilan pekerjaan seseorang graduan. Seperti penemuan dalam kajian Moreira (2001), dan kajian Genoni, Exon dan Farrelly (2000), penemuan mereka juga menunjukkan graduan berharap untuk bekerja tetap dan terjamin. Berdasarkan penemuan kajian ini juga, jawatan pekerjaan responden masih terangkum dalam bidang tradisional iaitu perguruan, pensyarah dan pustakawan. Sesetengah jawatan graduan itu pula merupakan pekerjaan asal graduan. Adalah diharapkan akan datang graduan MLIS boleh diadaptasi untuk bekerja di bidang yang lain seperti dalam kajian Genoni, Exon dan Farrelly (2000) yang mendapati graduan mereka bekerja bukan sahaja dalam bidang kepustakawanan, pengurusan rekod atau arkib tetapi juga pengkomputeran dan sistem maklumat.

5.2.2.2 Jenis majikan

Sebanyak 50% (13 orang) responden bekerja di institusi pengajian tinggi, diikuti 24% (7 orang) bekerja di sekolah menengah kebangsaan. Lain-lain majikan ialah Bernama, Perpustakaan Kerajaan Negeri Sabah, Bursa Saham Kuala Lumpur, kedai buku, Malaysian AIDS Council dan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur. Jenis majikan dalam kajian ini menyamai jenis majikan kajian Ocholla (2000) serta kajian Aina dan Moahi (1999) iaitu jenis majikan terbesar ialah institusi pengajian tinggi tempatan

dan graduan tertumpu di pusat pengajian tinggi. Ini sama dengan kajian Rugambwa (1998), Kisiedu (1993), Alemna (1993), Alemna (1991) dan Onadiran (1988) di mana institusi pengajian tinggi mempunyai persekitaran pendidikan dan para pelanggan yang terdiri daripada kalangan para akademik. Dalam hal ini jelas ditunjukkan bahawa bagi maklumat pekerjaan ianya menunjukkan majoriti graduan bekerja dengan perkhidmatan awam kerajaan dan syarikat korporat yang kukuh dan terjamin.

5.2.2.3 Sejarah kerjaya graduan

Dalam kajian ini, terdapat 4 kategori sejarah pekerjaan iaitu responden yang menggunakan MLIS untuk memperolehi kerjaya; responden yang bekerja dalam sektor perkhidmatan kerajaan sejak graduasi ijazah pertama dan terus berada dalam sektor yang sama sehingga sekarang; responden yang bekerja di sektor swasta atau di organisasi bukan kerajaan sejak graduasi pendidikan tinggi pertama sehingga sekarang, dan responden yang bertukar sektor. Graduan dalam kajian ini juga melalui proses pengembangan kerjaya dengan beralih dari satu kerjaya kepada kerjaya yang lain sama dengan apa yang berlaku dalam kajian Loughbridge, Oates dan Speight (1996), Brenda White Associates (1986) serta Quarmby, Willett dan Wood (1998). Mobiliti yang telah dikaitkan dalam beberapa kajian graduan turut juga berlaku hasil daripada penemuan kajian ini.

Responden dilantik ke jawatan sekarang seawal tahun 1977. Berdasarkan corak tahun lantikan, adalah diramal dalam tempoh 10 tahun akan datang lantikan graduan MLIS akan bertambah berikutan peningkatan dalam penubuhan perpustakaan akademik di

institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta pusat maklumat. Lebih kurang 61.5% jawatan diperolehi menggunakan kelulusan ijazah sarjana muda/diploma. Kelulusan MLIS berperanan untuk meningkatkan profesionalisme bukan pintu masuk untuk mendapat pekerjaan.

5.2.2.4 Pengangguran/tidak bekerja

Tiada graduan yang menganggur atau graduan yang tidak bekerja sejak penggraduannya seperti mana dalam kajian-kajian lepas. Tetapi terdapat graduan yang bertukar ke bidang lain seperti dalam kajian Detlefsen dan Olson (1990) iaitu ke bidang perguruan dan pengurusan. Berlaku pembaziran profesion untuk graduan MLIS apabila terdapat graduan yang bekerja di bidang perguruan kemudiannya tidak dipertanggungjawabkan untuk mengurus perpustakaan atau pusat sumber sekolah kerana mereka ditugaskan untuk mengajar sahaja.

5.2.2.5 Faktor-faktor pemilihan kerjaya sekarang oleh graduan MLIS.

Faktor pemilihan kerjaya oleh responden didorong oleh faktor profesionalisme dan faktor luaran seperti pengaruh keluarga. Faktor dalaman turut juga mempengaruhi pemilihan kerjaya graduan. Penemuan kajian ini mengenai pemilihan pekerjaan adalah sama dengan hasil kajian Bello (1996) yang memberi hipotesis bahawa faktor luaran (ibu bapa, kawan-kawan, media masa, majikan serta kaunseling) dan faktor profesional (kestabilan, keselamatan masa hadapan, status sosial dan prestij profesion, pendapatan yang memuaskan serta perolehan pengetahuan) menjadi penentu untuk seseorang menjadi pustakawan. Hasil kajian ini juga menyamai kajian Alemna (1991) dan kajian Brenda

White Associates (1986) dari segi keputusan memilih kerjaya pustakawan kerana mereka ingin meneruskan pengajian dalam bidang ini berdasarkan pengalaman mengurus perpustakaan atau pusat maklumat yang sesuai dengan kelulusan pengajian tinggi mereka.

5.2.2.6 MLIS dan tahap kepuasan kerjaya.

Sebanyak 38.4% responden bergaji RM 3000-4000 dan 19.2% melebihi RM 4000 sebulan. Oleh itu, jika dibandingkan dengan usia responden yang paling aktif bekerja (30-40 tahun dan 40-50 tahun) dengan pencapaian paras gaji ini, responden dikira mempunyai gaji yang padan dengan kelulusan sarjana yang dimiliki mengikut konteks sosio ekonomi di Malaysia khususnya. Lebih kurang 96.1% puas hati dengan kerjaya dan 84.6% responden tidak bercadang untuk bertukar kerjaya. Majoriti responden berasa selamat dan selesa dengan kerjaya mereka sekarang. Penemuan kajian ini menunjukkan tahap kepuasan kerjaya adalah sangat tinggi sama seperti dalam kajian Aina dan Moahi (1999), Loughbridge, Oates dan Speight (1996), Alemna (1993), Alemna (1991) serta Onadiran (1988).

Sementara 15.4% menyatakan kemungkinan untuk bertukar kerjaya kerana tidak puas hati dengan kerjaya sedia ada kerana gaji tidak meningkat, dan mencari cabaran baru. Oleh itu, faktor profesionalisme dan kepuasan diri memainkan peranan mendorong seseorang untuk tetap dalam kerjayanya atau bertukar ke pekerjaan yang lain. Responden yang mengatakan "tidak" dan "tidak pasti" melebihi daripada separuh daripada keseluruhan peratusan iaitu 57.1% bagi kenyataan mengenai "kelulusan MLIS telah

meningkatkan status dan profesionalisme". Keadaan ini mungkin kerana kebanyakan graduan memperolehi jawatan melalui kelulusan ijazah sarjana muda/diploma, justeru itu MLIS hanya membantu mereka mengembangkan kerjaya dan profesionalisme dalam kerjaya mereka. Malah, sebab-sebab yang diberikan kerana rasa ketidakpuasan terhadap jawatan juga sama dengan kajian lepas iaitu gaji yang rendah dan kerjaya tidak mencabar.

5.2.3 Bagaimanakah graduan respons kepada syarat-syarat universiti apabila mengambil keputusan untuk mengambil kursus MLIS?

5.2.3.1 Sebab memilih MLIS

Responden melanjutkan pelajaran di bidang sains maklumat dan perpustakaan atas sebab-sebab profesionalisme seperti menambah pengetahuan mengenai bidang ini kerana mereka berkeputusan dalam bidang ini di peringkat ijazah pertama serta bekerja dalam perkhidmatan perpustakaan dan maklumat. Selain daripada itu, mereka ingin menambah pengetahuan mengenai bidang ini kerana dipertanggungjawabkan untuk mengurus pusat sumber dan perpustakaan di peringkat sekolah atau jabatan. Jarang memilih MLIS atas rasa keinginan untuk menjadi cendekiawan. Dalam keadaan sosio ekonomi Malaysia sekarang, status dan profesionalisme lebih mendorong seseorang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di samping minat dan kecenderungan. Keadaan ini sama dengan kajian-kajian daripada negara membangun. Berbeza pula dengan negara maju yang antara sebab-sebab melanjutkan pengajian adalah rasa keinginan untuk menjadi cendekiawan. Seperti kajian Brenda White Associates (1986), kajian ini juga mendapati sarjana boleh dijadikan pintu masuk kepada pekerjaan dalam bidang sains maklumat, dan juga sebagai

kelayakan yang baik untuk mencari pekerjaan yang dikatakan semakin popular dan mencabar. Begitu juga dengan "adanya sokongan kewangan" bukanlah sebab utama untuk memilih sesuatu program atau kursus ini kerana lebih kurang 74% graduan dalam kajian ini membiayai pengajian secara sendiri.

5.2.4 Sejauhmanakah graduan menggunakan MLIS, Universiti Malaya dalam kerjaya dan aktiviti profesional?

5.2.4.1 Pendidikan berterusan

Hanya 23.1% responden pernah mengikuti kursus dan latihan selain daripada program MLIS. Institusi yang menyediakan kursus dan latihan berterusan adalah seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Terdapat seorang graduan pernah mengikuti kursus di Hamburg (Jerman). Pendidikan berterusan penting untuk melengkapkan diri untuk menghadapi perubahan dalam kerjaya dan mempertingkatkan kerjaya masing-masing. Seperti kajian Genoni, Exon dan Farrelly (2000) serta Ocholla (2000) yang berpendapat kelulusan tambahan semakin penting sama ada menyambung pengajian bagi bidang sains maklumat dan perpustakaan atau disiplin lain. Pendidikan berterusan boleh meningkatkan prospek profesionalisme seperti kursus pengurusan atau pengkomputeran. Ini berdasarkan kepada keputusan kajian yang menunjukkan ramai graduan ingin mengikuti pendidikan berterusan khususnya bagi persekitaran digital dan multimedia.

Kajian ini juga mendapati pendidikan profesional merangkumi menghadiri latihan Perpustakaan Negara dan universiti tempatan, serta seminar, bengkel dan persidangan.

Sungguhpun begitu, sebilangan besar latihan disediakan dalam persekitaran kerja. Lebih kurang 61.5% responden mengatakan mereka tidak pernah mengikuti kursus atau latihan dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan selepas MLIS, tetapi berminat jika ada peluang. Kursus-kursus yang menarik perhatian responden adalah kursus maklumat, komunikasi dan teknologi, teknologi baru dalam perpustakaan, reka bentuk web dan laman web, penerbitan elektronik dan sebagainya. Pengetahuan mengenai persekitaran digital dan elektronik menarik ramai graduan untuk mempelajari secara lanjutan. Ini didorong oleh persekitaran pekerjaan mereka dan permintaan majikan sama ada di sektor perkhidmatan atau swasta.

5.2.4.2 Penglibatan dalam persatuan

Hanya 26.9% responden sahaja yang menganggotai sama ada Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) atau badan lain seperti International Association of School Librarianship (IASL). Kajian bekas graduan MLIS, Universiti Malaya berbeza sekali dengan kajian graduan MA Sheffield yang sebilangan besar responden menganggotai persatuan pustakawan negara terbabit. Tidak ramai daripada graduan MLIS yang menjadi ahli badan profesional seumpama itu. Adalah wajar promosi pendaftaran diperingkat negeri dilancarkan untuk meramaikan keanggotaan persatuan profesional ini. Ini boleh menaikkan imej dan status bidang sains maklumat dan perpustakaan kepada orang ramai.

5.2.4.3 Penglibatan dalam aktiviti ilmiah

Lebih kurang 30.8% responden pernah menulis untuk penerbitan ilmiah, *Malaysian Journal of Library and Information Science (MJLIS)*, *Library and Archival Security*.

Sekitar Perpustakaan dan IASLIC Bulletin (India) adalah jurnal-jurnal di mana penulisan artikel graduan pernah diterbitkan. Sebanyak 7 kertas kerja daripada 15.4% responden pernah dibentangkan di persidangan atau seminar. Antara seminar, bengkel atau persidangan yang dihadiri ialah International Conference and Workshop on Multimedia Digital Library (1999), Kursus Asas Perpustakaan Untuk Guru-Guru Sekitar Daerah Johor, IASL di Malmas, Sweden (1999), Digital Divide Workshop (2001) dan 7th International Conference on Scientometrics and Informetrics, Colina, Mexico. Penulisan ilmiah bagi responden untuk kajian ini sama dengan kajian Quarmby, Willett dan Wood (1998), iaitu penulisan artikel kecuali pengulas buku. Jurnal adalah komunikasi ilmiah yang biasa digunakan. Pembentangan kertas kerja di seminar dalam dan luar negara biasanya dilakukan oleh graduan yang bekerja sebagai pensyarah.

5.2.5 Apakah pandangan graduan terhadap kursus-kursus dengan kerjaya mereka sekarang?

5.2.5.1 Tahap kerelevanan kursus dengan kerjaya.

Kerelevanan kursus dalam program pendidikan sains maklumat dan perpustakaan dengan pekerjaan merupakan satu bahagian yang agak runcing dalam kajian ini sepertimana kajian lepas mengenai aspek kerelevanan kursus dengan pekerjaan. Kursus pengkomputeran dan teknologi maklumat sentiasa relevan kepada kerjaya dan ini diikuti kursus-kursus seperti pengurusan dan lain-lain. Keterlaluan dalam teori dan kekurangan latihan praktikal telah disentuh untuk melihat sama ada kurikulum berada di atas landasan yang betul. Kerelevanan di sini bermaksud kemahiran dan pengetahuan teori semasa kursus diaplikasikan kepada kerjaya sekarang. Dalam kajian ini, kursus Organization of

Information, Information Sources and Services, Information Sources and Retrieval, Computer Application in Library and Information Systems, Library Automation dan Information Services “sangat relevan” dengan kerjaya responden kerana peratus respons melebihi 60%. Manakala, kursus Collection Management, Research Methods in Library and Information Science dan Practicum in Library and Information Services “kurang relevan” atau “tidak relevan” dengan kerjaya responden. Umumnya, responden merasakan kursus teras mencukupi terutama bagi responden yang tiada latar belakang kepustakawanan, kursus teras agak teoritikal dan lebih memberatkan aspek sains perpustakaan daripada sains maklumat. Kursus elektif patut dipelbagaikan dan ditambah mengikut minat dan pekerjaan pelajar. Kursus elektif patut lebih moden dan terkini mengikut perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Seperti Rugambwa (1998) yang mendapati, program kajiannya adalah sangat relevan kepada bidang pekerjaan di dalam dan luar negara. Tetapi dalam keadaan tidak semua kursus ditawarkan kepada semua responden berlaku juga dalam penemuan kajian ini. Hanya sebilangan kecil yang mengambil kursus elektif yang ditawarkan. Cadangan agar jabatan mengajar analisis dengan menggunakan sistem maklumat dalam kajian ini pernah juga disuarakan dalam kajian Rugambwa (1998), terutama bagi kursus Research Methods in Library and Information Science. Elemen sains maklumat yang boleh dimasukkan dalam kurikulum seperti dalam kajian Qurmbay, Willett dan Wood (1998) iaitu daripada rujukan Internet hinggalah kepada praktikal pengkomputeran dan perekaan pangkalan data. Ini untuk mengisi kekurangan elemen sains maklumat berbanding sains perpustakaan. Lain-lain kursus adalah pengaturcaraan komputer, kemahiran konvensional perpustakaan, komunikasi, penyeliaan dan kemahiran kerja berpasukan atau team-building.

Seperti dalam kajian Latham, Burnett dan Burnett (1996) dan Loughbridge, Oates dan Speight (1996) serta Kisiedu (1993) mengenai aspek kerelevanan pula, mereka yang sedang bekerja mengatakan satu atau lebih kursus berguna kepada pekerjaan mereka seperti kursus pengurusan. Aspek keterlaluan teori berlaku dalam kursus teras yang merangkumi teknologi maklumat dan pengurusan. Manakala aspek kekurangan pula berlaku dalam kemahiran praktikal.

Justeru itu, berdasarkan kajian graduan MLIS antara 1997-2001 program MLIS di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat masih boleh dipertingkatkan dengan pengenalan elemen sains maklumat yang dominan. Dengan mengenali siapa graduan mereka, jabatan boleh membina satu kurikulum yang menjurus kepada peningkatan profesionalisme kerjaya graduan. Dengan itu produk Jabatan Sains Maklumat dan Perpustakaan memenuhi aspirasi majikan mengikut jenis institusi, organisasi atau syarikat seperti mana jabatan-jabatan lain dalam FSKTM.

5.3 Cadangan untuk kajian seterusnya

- a) Tujuan kajian adalah untuk mengkaji keberkesanan program MLIS ke atas pembangunan kerjaya dan aktiviti profesional graduan. Kajian seumpama ini mengkaji perjalanan program terutama apabila program diletakkan dalam Jabatan Sains Maklumat dan Perpustakaan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Elemen sains maklumat dan teknologi maklumat yang terkandung dalam fakulti itupun sudah cukup untuk menunjukkan orientasi program ini.

Tinjauan kajian graduan mendapati terdapat saranan agar pihak jabatan menganjurkan satu program yang mengimbangi antara pendekatan sains maklumat dan sains perpustakaan dengan melebihi sukatan berunsur sains komputer dan teknologi maklumat.

- b) Terdapat beberapa bahagian dalam soal selidik yang perlu diolah semula terutama di bahagian tahap kerelevanan kursus dan pandangan responden. Walaupun tajuk kursus dinyatakan tetapi belum cukup memadai untuk para responden mengingat secara tepat kerelevanan kursus dengan kerjaya mereka. Maklumat mengenai pandangan responden juga boleh dibuat mengikut skala. Satu kajian khusus mengenai tahap kerelevanan kursus dapat menambah pengetahuan mengenai kegunaan kursus. Kursus yang tidak relevan dengan kerjaya boleh diulang kaji dan dibuat peningkatan terutama dalam sukatan kurikulum. Oleh kerana, tinjauan ini bersifat umum adalah diharapkan akan datang kajian tahap kerelevan kursus dalam program secara lebih khusus dilakukan.
- c) Apabila membuat kajian seumpama ini, bilangan responden sepatutnya mengikut populasi. Responden perlu ditemui dan dipastikan menjawab soal selidik. Ini dapat mengatasi masalah kesibukan mereka dan mengelakkan penangguhan dan akhirnya keengganan untuk menjawab soal selidik. Pihak jabatan patut menerbitkan direktori untuk semua graduan MLIS secara rasmi untuk mengurangkan masa dan kos menjejaki mereka. Hasil kajian seumpama ini di luar negeri telah membuktikan ia mampu meningkatkan keupayaan program apabila proses ulang kaji kurikulum dilakukan.

- d) Bidang sains maklumat dan perpustakaan merupakan satu bidang profesional dan istimewa. Kekurangan graduan MLIS yang menjadi ahli Persatuan Pustakawan Malaysia atau organisasi seumpama ini memberi kesan kepada imej dan status pekerjaan di bidang ini terutama mereka yang menceburi bidang kepustakawanan. Persatuan Pustakawan Malaysia di peringkat negeri perlu dihidupkan. Dengan itu graduan lulusan bidang sains maklumat dan perpustakaan dapat dikumpulkan tanpa mengira status jawatan mereka. Oleh itu, adalah disarankan agar fakulti dapat memberi galakan dan promosi mengenai Persatuan Pustakawan Malaysia dan organisasi lain sejak graduan berada di semester pertama lagi.
- e) Cadangan agar jabatan menganjurkan seminar atau bengkel dalam bidang sains maklumat dan perpustakaan pernah disuarakan oleh responden. Mereka berharap untuk mengikuti pendidikan berterusan dengan cara seumpama ini. Adalah diharapkan bekas graduan dijemput menghadiri sebarang seminar atau bengkel anjuran jabatan supaya dengan itu hubungan antara alumni dan universiti akan tetap terjalin dalam bentuk ilmiah.

5.4 Kesimpulan

Kajian bekas graduan telah mencapai objektif yang ditetapkan. Melalui kajian ini, sifat-sifat utama program MLIS di FSKTM, Universiti Malaya dan sifat-sifat kerjaya graduan mereka telah dikenal pasti. Penghasilan disertasi yang mengumpulkan maklumat mengenai fakta dan pandangan para graduan MLIS semenjak ditawarkan di FSKTM diharapkan dapat menambah pengetahuan kita dan khazanah pengkajian mengenai keberkesanan sesuatu program.

BIBLIOGRAFI

- Abrizah Abdullah and Edzan, C.N. 2001. *Looking Back: The Master in Library and Information Science Programme at the University Malaya, Malaysia*. Unpublished paper.
- Aina, L.O. and Moahi, K. 1999. Tracer study of the Botswana library school graduates. *Education for Information*, Vol. 17, no.3: 215-244.
- Alemna, A.A. 1993. Professional education and subsequent careers : a follow up study of former students of the Department of Library and Archival studies, University of Ghana, Legon. *Education for Information*, Vol. 11: 57-63.
- Alemna, A.A. 1991. Characteristics and careers of past post-graduate diploma students of the Department of Library and Archival Studies, University of Ghana, Legon, 1981/82 – 1987/88. *Education for Information*, Vol. 9:121-128.
- Bello, M.A. 1996. Choosing a career: librarian? *Librarian Career Development*, Vol 4, no. 4: 15-19.
- Brenda White Associates. 1986. *The Impact of Library and Information Studies Education on Subsequent Career Progression*. London: British Library Board.
- Detlefsen, E.G. and Olson, J.E. 1991. The librarian and the leaver: Who leaves the profession? *Journal of Education for Library and Information Science*, Vol. 31: 275-93.
- Fuziah; Indahsah and Mohd. Sharif. 1993. *In Education and Training of Library and Information Personnel in Malaysia: a Status Report to be Submitted to UNESCO Under Project Contract no.848.952.2*. Petaling Jaya : Institut Teknologi MARA.
- Fatimah Hamid-Don (et al.). 1984. *Higher Education and Employment in Malaysia : the Experience of Graduate*. Kuala Lumpur : Institute of Advanced Studies.

Genoni, P.; Exon, M. and Farrelly, K. 2000. Graduates employment outcomes for qualifying library and records management courses at Curtin University of technology. *Australian Library Journal*, Vol. 49: 245-58.

Gorman, G.E. and Corbitt, B.J. 2001. *Core competencies in information management education*. Paper presented at the International Conference for Library & Information Science Educators in the Asia Pacific Region, 11-12 June 2001, Petaling Jaya, Malaysia.

International Conference on Continuing Professional Education for the Library and Information Professions. 1997. *Human Development: Competencies for the Twenty-First Century: Papers from the IFLA CPERT Third International Conference on Continuing Professional Education for the Library and Information Professions; a Publication of the Continuing Professional Education Round Table (CPERT) of the International Federation of Library Associations and Institutions*, Patricia Layzell Ward and Darlene E. (Eds). Munchen : Saur.

International Federation of Library Associations and Organizations. 2000. *Guidelines for Professional Library/library Educational Programs*. Available at <http://www.ifla.org/VII/s23/bulletin/guidelines.htm>

Institut Teknologi MARA. 1973. *Kajian Sains Perpustakaan – Diploma in Library Science*. Shah Alam: ITM.

Institut Teknologi MARA. 1993. *Education and Training of Library and Information Personnel in Malaysia: a Status Report to be Submitted to UNESCO Under Project Contract no. 848.952.2*. Petaling Jaya: ITM.

Kamarudin Ngah dan Roslim Md. Akhir. 1990. *Kaedah Penyelidikan : Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.

Khoo, S.M. 1988. The MLIS programme at the Institute for Advanced Studies University of Malaya. *Education for Information*, Vol. 6: 393-401.

Kidder, L.H. and Judd, C.M. 1986. *Research Methods in Social Relationships*. 5th ed. New York: Holt, Rinehart and Winston.

- Kisiedu, C.O. 1993. A survey of past post-graduate diploma students of the Department of Library and Archival Studies of the University of Ghana: 1970/71-1980/81. *Journal of Information Science*, Vol. 19: 481-487.
- Kumar, K. 1991. Evaluation of MLISC students using method of evaluation by stage at which performed. *In Library and Information Science Education and Teaching Methods* (Papers of Ujjain and Gulbarga seminars, ed. by A. Tejomurty). Jaipur, : RBSA
- Latham, D.; Burnett, G. and Burnett, K. 1996. *Right on Track: The Relationship Between Undergraduate Concentrations and Employability*. Florida State University: School of Information Studies. Available at: http://www.alise.org/nondiscuss/conf00_Lathametal_Right.htm.
- Leddy, P.D. 1980. *Practical Research; Planning and Design*, 2nd ed. New York: Macmillan.
- Loughbridge, B.; Oates, J. and Simon, S. 1996. Career development: follow-up studies of Sheffield MA graduates 1985/1986 to 1992/1993. *Journal of Librarianship and Information Science*, Vol. 28, no.2: 105-117.
- Loughbridge, B. 1990. Employment and career surveys: some reflections on their value and relevance. *Journal Librarianship*, Vol. 22, no.2: 71-90.
- Malaysia. 1999. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Malaysia. 2001. *Kementerian Pendidikan Malaysia*. Available at : <http://www.moe.gov.my>
- Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia. 1999. *Laporan Tahunan*. [Kuala Lumpur] : PNM.
- Mohd. Sharif Mohd. Saad and Norma Abu Seman. 1994. Training of library professional: new trends and perspective. *In PPMS/LAS Joint Congress. Toward Achieving High Performance Libraries: Vision for the Future; Proceeding of the*

PPM/LAS Congress, 19-21 September 1994, Penang Norma Bahri et al. (Eds). Penang: USM and PPM.

Moreiro, J.A. 2001. Figure on employability of Spanish Library and Information Science Graduates. *Libri*, Vol. 51: 27-37.

Nadarajah, R. 1974. *Education for Librarianship in Malaysia; its History and Development and Comparison with Parallel Developments in Indonesia and the Philippines*. M.Lib. Dissertation. University of Wales.

Nijhar, Molina S. 1975. *The Aims and Objectives of the ITM School of Library Science*. Petaling Jaya: MARA Institute of Technology.

Ocholla, D.A. 2000. *Review and Revision of Library and Information Science Curriculum in a South African University and the Usage of Follow-up Study and Advertisement Scanning Methods*. Available at: <http://www.slis.ualberta.ca/cais2000/ocholla.htm>.

Oli Mohamed Abdul Hamid. 1992. Integrating theory with practise in library and information science education **In** *Papers of Seminar on Library and Information Science Education in Malaysia: Needs and Expectations, 21 April 1992 : Petaling Jaya*. Unpublished.

OLIS : *Online Dictionary of Library and Information Science*. 2001. Available at: <http://www.wcsu.ctstateu.edu/libraray/odlis.html>

Onadiran, G.T. 1988. Reactions of past students to the Bachelor of Library Science degree of Ahmadu Bello University, Zaria, Nigeria. *Education for Information*, Vol.6: 39-59.

Peng, F. and Zhang, J. 1997. On the education of information resources management professionals at high level in China. **In** *Human Development: Competencies for the Twenty-first Century: Papers from the IFLA CPERT Third International Conference on Continuing Professional Education for the Library and Information Professions; a Publication of the Continuing Professional Education Round Table (CPERT) of the International Federation of Library Associations and Institutions*, Patricia Layzell Ward and Darlene E. Weingand (Eds). Munchen : Saur.

Pors, N.O. and Schreiber, T. 1997. Continuing education and information technology, a study of content and deliverables. In *Human Development: Competencies for the Twenty-first Century: Papers from the IFLA CPERT Third International Conference on Continuing Professional Education for the Library and Information Professions; a Publication of the Continuing Professional Education Round Table (CPERT) of the International Federation of Library Associations and Institutions*, Patricia Layzell Ward and Darlene E. Weingand (Eds). Munchen : Saur.

Pors, N.O. 1994. The changing labour market of the information professional: challenges for Library School Education, *Librarian Career Development*, Vol.2, no.3: 14-21.

Pors, N.O. 1990. Employment patterns, the labour market, and student's preferences. *Libri*, Vol. 40, no.2: 112-125.

Powell, R.R. 1991. *Basic Research Methods for Librarians*. 2nd ed. Norwood, New Jersey: Ablex Publishing Corporation.

Professional Education and Training for Library and Information Work : a Review by The Library and Information Services Council. (1986) London : Library Association on behalf of the Library and Information Services Council.

Quarmby, K.L., Willett, P. and Wood, F.E. 1999. Follow-up study of graduates from the MSc Information Management programme at the University of Sheffield. *Journal of Information Science*, Vol. 25, no.2: 147-155

Reichel, M. 1999. *Issues in Higher Education and Library and Information Studies Education*. Background paper prepared for the ALA Congress on Professional Education, April 30-May 1, 1999. Available at: <http://www.ala.org/congress/acrl/htm> .

Rugambwa, I. (1998) Regional programme in information science in Sub-Saharan Africa: follow-up studies of SISA M.Sc. I.S. graduates 1990/92 to 1994/96. *International Information & Library Review*, Vol.30, no.3: 267-274.

Second SARBICA General Conference. 1970. *Proceedings*. Kuala Lumpur: SARBICA.

Seminar on Library and Information Science Education in Malaysia. 1992. *Papers of the Seminar on Library and Information Science Education in Malaysia: Needs and Expectations held on 21 April 1992 in Petaling Jaya*. Unpublished.

Syed Salim Agha. 1992. Reflections on information management as an integral core of information studies. In *Papers of Seminar on Library and Information Science Education in Malaysia: Needs and Expectations*, 21 April 1992 : Petaling Jaya. Unpublished.

Tiew, W.S., Abrizah Abdullah and Kaur, K. 2001. Malaysian Journal of Library and Information Science, 1996-2000: a bibliometric study. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, Vol. 6, no. 1: 43-56.

Universiti Malaya. 2001. *Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat*. Available at: <http://fsktm.um.edu.my/>

Universiti Malaya. 1998. *Kalendar*. Kuala Lumpur: UM.

Universiti Malaya. 1998. *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur: UM

Universiti Malaya. Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. 1995-1998. *Buku Panduan MLIS*. Kuala Lumpur: FSKTM.

Universiti Malaya. Lembaga Pengajian untuk Sekolah Siswazah Lanjutan Ilmu Perpustakaan dan Ilmu Arkib. 1982. *Report of the Board of Studies for the Post Graduate School of Library and Archival Sciences*. Kuala Lumpur: UM.

Universiti Malaya. 1973. *Laporan Lembaga Pengajian untuk Sekolah Siswazah Ilmu Perpustakaan dan Ilmu Arkib*. Kuala Lumpur: UM.

Universiti Teknologi MARA. 2001. *Fakulti Pengajian Maklumat*. Available at: www.uitm.edu.my/acaprg/fis/back.

Universiti Malaya. 1973. *Laporan Lembaga Pengajian Untuk Sekolah Siswazah Untuk Ilmu Perpustakaan dan Ilmu Arkib*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Universiti Malaya. Lembaga Pengajian Untuk Sekolah Siswazah Lanjutan Ilmu Perpustakaan dan Ilmu Arkib. 1982. *Laporan Lembaga Pengajian untuk Sekolah Siswazah Lanjutan Ilmu Perpustakaan dan Ilmu Arkib*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

University of Malaya